05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

GEJALA BULI SIBER DAN IMPLIKASI TERHADAP EMOSI, MOTIVASI DAN SOSIAL DALAM KALANGAN MURID DI BANDAR SEBERANG JAYA

NUR AZILAH BINTI ISMAIL

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

GEJALA BULI SIBER DAN IMPLIKASI TERHADAP EMOSI, MOTIVASI DAN SOSIAL DALAM KALANGAN MURID DI BANDAR SEBERANG JAYA

NUR AZILAH BINTI ISMAIL

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PSIKOLOGI PENDIDIKAN) (MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI PENDIDIKAN PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada …**12**… (hari bulan)…**JANUARI**...(bulan) **2021**

i. Perakuan pelajar :

Saya, **NUR AZILAH BINTI ISMAIL, M2017100923, FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA**
(SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk

GEJALA BULI SIBER DAN IMPLIKASI TERHADAP EMOSI, MOTIVASI DAN SOSIAL DALAM KALANGAN MURID DI BANDAR SEBERANG JAYA

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

AZILAH

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, **DR. Norliza Abdul Majid** (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk

GEJALA BULI SIBER DAN IMPLIKASI TERHADAP EMOSI, MOTIVASI DAN SOSIAL DALAM KALANGAN MURID DI BANDAR SEBERANG JAYA

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh

IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PSIKOLOGI PENDIDIKAN)
(SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH)

12 JANUARI 2021

Tarikh

Tandatangan Penyelia
DR. NORLIZA BINTI ABDUL MAJID
PENSYARAH,
FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA,
UPSI

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / *Title* : **GEJALA BULI SIBER DAN IMPLIKASI TERHADAP EMOSI, MOTIVASI DAN SOSIAL DALAM KALANGAN MURID DI BANDAR SEBERANG JAYA**

No. Matrik /*Matric No.*: **M20171000923**

Saya / *I* : **NUR AZILAH BINTI ISMAIL**

(Nama pelajar / *Student's Name*)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
   The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
   Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
   The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (√) bagi pilihan kategori di bawah */ Please tick (√) from the categories below:-*

☐	**SULIT/*CONFIDENTIAL***	Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*
☐	**TERHAD/*RESTRICTED***	Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*
☐	**TIDAK TERHAD / *OPEN ACCESS***	

AZILAH

(Tandatangan Pelajar/ Signature)
NUR AZILAH BINT ISMAIL

Tarikh: **9 JULAI 2020**

(Tandatangan Penyelia / *Signature of Supervisor*)
& (Nama & Cop Rasmi / *Name & Official Stamp*)
DR NORLIZA BINTI ABDUL MAJID
PENSYARAH
FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA, UPSI

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the related authority/organization mentioning the period of confidentiality and reasons for the said confidentiality or restriction.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENGHARGAAN

Alhamdulillah dan syukur kehadrat Ilahi di atas limpah rahmatnya kerana kejayaan saya menyiapkan kajian ini. Terlebih dahulu ribuan terima kasih diucapkan kepada penyelia Yg. Berbahagia Datin Dr. Norliza Binti Abdul Majid di atas tunjuk ajar dan bimbingan beliau sehingga selesai saya menamatkan Ijazah Sarjana Pendidikan (Psikologi Pendidikan).

Ucapan penghargaan turut ditujukan kepada pihak-pihak yang terlibat dalam membantu memudahkan serta memberi sokongan kepada saya sepanjang proses menyelesaikan kajian ini. Antaranya pensyarah-pensyarah Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, pihak pentadbiran Perpustakaan Tuanku Bainun dalam perkongsian ilmu dan maklumat yang diperlukan. Begitu juga ucapan terima kasih diucapkan kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia di atas kerjasama membenarkan saya menjalankan penyelidikan ini. Tidak ketinggalan sekolah-sekolah yang terlibat memberikan kerjasama penuh dalam proses pentadbiran soal selidik bagi pengumpulan data kajian serta tidak dilupakan pihak Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang kerana memberi sokongan dan kebenaran menjalankan kajian.

Seterusnya, jutaan terima kasih diucapkan kepada keluarga terutamanya ibu bapa saya iaitu Sabariah binti Md. Isa dan Ismail Bin Omar yang tidak jemu menyokong dan mendoakan kelancaran penyelidikan ini dilaksanakan. Di samping itu, adik-adik saya yang bersabar dengan kekangan yang perlu mereka tempuhi sepanjang proses menyiapkan penulisan kajian ini. Tidak ketinggalan sahabat seperjuangan dan pihak pentadbiran sekolah saya berkhidmat kerana memberi kerjasama sepanjang tempoh pengajian dan penulisan kajian dilaksanakan. Kerjasama semua pihak sangat bermakna dan memberi sumber inspirasi kepada kejayaan saya selama ini. Akhir sekali diharapkan dengan adanya penulisan kajian ini dapat memberi manfaat kepada semua pihak agar tindakan sewajarnya dilakukan demi membendung fenomena Gejala Buli Siber yang memudaratkan kesejahteraan diri murid sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ABSTRAK

Kajian yang menjurus kepada penularan gejala buli siber semakin giat dijalankan. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk meninjau situasi gejala buli siber dan implikasi terhadap emosi, motivasi dan sosial dalam kalangan murid sekolah menengah. Kajian berbentuk kajian tinjauan melibatkan 250 orang murid sekolah menengah dari sebuah bandar di Pulau Pinang. Instrumen kajian merupakan soal selidik yang dibina penyelidik dan diadaptasi dari *Cyberbullying and Online Aggression Survey Instrument*, bagi menilai empat aspek utama iaitu situasi gejala buli siber, implikasi emosi, motivasi dan sosial. Kesahan dan tahap kebolehpercayaan item-item soal selidik kajian berada pada tahap yang baik iaitu semua bahagian berada di aras tinggi (> 0.8) dengan nilai yang diperoleh adalah 0.825. Data kajian dianalisis secara deskriptif dan inferensi dengan menggunakan kekerapan, peratusan, min dan juga korelasi. Dapatan yang diperoleh menunjukkan situasi gejala buli siber berada pada tahap rendah iaitu 2.07 dalam skala 1 hingga 5 mata. Analisis korelasi pula menunjukkan wujud hubungan yang signifikan dan positif namun berada di aras rendah antara gejala buli siber dan implikasi motivasi iaitu dengan nilai $r = 0.144$, $p = 0.023$ iaitu lebih kecil dari 0.05 ($p < 0.05$). Manakala, bagi implikasi emosi dan sosial didapati bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara gejala buli siber dan juga implikasi-implikasi tersebut dengan nilai $r = 0.117$,nilai $p = 0.064$ bagi implikasi emosi dan implikasi sosial pula adalah $r = 0.110$, $p = 0.083$. Berdasarkan kajian ini item tiada keseronokan melakukan sesuatu perkara dalam konstruk implikasi motivasi serta item berasa marah dan berasa takut dan berada dalam bahaya dari konstruk implikasi emosi mencatatkan nilai min tertinggi yang dialami mangsa buli siber. Kesimpulannya, penularan gejala buli siber berupaya menyumbang kepada implikasi negatif terhadap murid sekolah menengah dari aspek emosi, motivasi dan sosial. Tindakan tegas pihak berwajib dan kolaborasi semua pihak dalam mengenal pasti kaedah efektif bagi menangani impak yang dialami mangsa dilakukan supaya kesejahteraan dan keseimbangan perkembangan diri generasi muda dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelektual dapat membantu ke arah menyumbang kepada keharmonian dan pembangunan negara.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

THE EMOTION, MOTIVATION AND SOCIAL IMPLICATIONS OF CYBERBULLYING AMONG HIGH SCHOOL STUDENTS IN SEBERANG JAYA

ABSTRACT

Researches focusing on cyberbullying are tremendously conducted. The main purposes of this study are to examined the cyberbullying situation and its implications on the emotional, motivational and social aspects among high school. This research survey involved 250 samples from high schools in Pulau Pinang. The questionnaire used is developed by the researcher herself and adapted from Cyberbullying and Online Aggression Survey Instrument which contained four main aspects including cyberbullying situations, emotion, motivation and social implications. Reliability and validity of the output for the pilot test gained from Cronbach alpha analysis examined all aspects in the questionnaire is high at (>0.8) which obtained 0.825. The data are analyzed descriptively and inferentially in terms of frequency, percentage, min and correlation. The analyzed data showed that cyberbullying situation is at lower level i.e. 2.07 points within 1 to 5 scales. Correlation analysis showed significant and positively-correlated relationships between cyberbullying and the implications of motivations. However, it is at a low level which is $r = 0.144$, $p = 0.023$ less than 0.05 ($p < 0.05$). Whereas, there is no significant difference for emotion and social implications and the value obtained are $r = 0.117$, $p = 0.064$ for emotion implication and $r = 0.110$, $p = 0.083$ for social implication. Item having no fun in doing things for motivation implication and for emotion implication items getting angry and fear for be in danger indicated higher mean score faced by the cyberbullying victims. In conclusion, the prevalence of cyberbullying is negatively implicated high school students' emotional, motivational and social aspects. The stern actions by authorities and collaborations of all parties is recommended in order to manage and identify some effective measures to ensure the well-being as well as balance self-development of the next generation in the aspects of physical, emotion, spiritual and intellectual so they will contribute to the national development and harmony.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KANDUNGAN

		Muka Surat
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN		ii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI		iii
PENGHARGAAN		iv
ABSTRAK		v
ABSTRACT		vi
KANDUNGAN		vii
SENARAI JADUAL		xi
SENARAI RAJAH		xiii
SENARAI SINGKATAN		xiv
SENARAI LAMPIRAN		xv
BAB 1	**PENGENALAN**	
	1.0 Pendahuluan	16
	1.1 Latar Belakang Kajian	20
	1.2 Pernyataan Masalah	22
	1.3 Objektif Kajian	26
	1.4 Soalan Kajian	27
	1.5 Hipotesis Kajian	27
	1.6 Kerangka Konseptual Kajian	28
	1.7 Kepentingan Kajian	30
	1.8 Batasan Kajian	33
	1.9 Definisi Operasional	34
	1.9.1 Buli siber	34
	1.9.2 Emosi	35
	1.9.3 Motivasi	36

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun

1.9.4 Sosial 36

1.10 Rumusan 37

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.0 Pendahuluan 39

2.1 Pengenalan 41

2.2 Tingkah Laku Buli Siber 43

2.3 Implikasi Gejala Buli Siber 49

2.4 Gejala Buli Siber Dalam Kalangan Remaja Di Malaysia 53

2.5 Gejala Buli Siber Dalam Kalangan Remaja Di Barat 56

2.6 Teori Berkaitan Implikasi Emosi, Motivasi dan Sosial 62

2 .6. 1 Pengenalan 63

2. 6 .2 Teori Stres Lazarus 64

2. 6. 3 Teori Ekologi Bronfenbrenner 68

2. 6. 4 Teori Kesejahteraan Diri Subjektif 71

2. 6. 5 Teori Sosiologi 73

2.7 Rumusan 74

BAB 3 METODOLOGI

3.0 Pengenalan 76

3.1 Reka Bentuk Kajian 77

3.2 Sampel Kajian 78

3.3 Instrumen Kajian 84

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3. 3. 1 Soal Selidik Gejala Buli Siber 85

3. 3. 2 Soal Selidik Implikasi Emosi 87

3. 3. 3 Soal Selidik Implikasi Motivasi 88

3. 3. 4 Soal Selidik Implikasi Sosial 90

3.4 Kajian Rintis 93

3.5 Prosedur Pengumpulan Data 99

3.6 Analisis Data Kajian Tinjauan (Soal Selidik) 102

3.7 Rumusan 106

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4. 0 Pendahuluan 108

4. 1 Latar Belakang Responden 110

4. 2 Analisis Statistik Deskriptif 111

4. 2. 1 Persoalan Kajian Pertama 113

4. 3 Analisis Hipotesis 111

4. 3. 1 Persoalan Kajian Dua 117

4. 3. 2 Persoalan Kajian Tiga 121

4. 3. 3 Persoalan Kajian Empat 125

4. 4 Ringkasan Dapatan Kajian 128

4. 5 Rumusan 128

BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5. 0 Pendahuluan 130

5. 1 Perbincangan Dapatan Kajian 131

5. 1. 1 Situasi Gejala Buli Siber Dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kalangan Murid Sekolah Menengah 131

5. 1. 2 Hubung Kait Gejala Buli Siber Dan Implikasi Emosi Dalam Kalangan Murid Sekolah Menengah 139

5. 1. 3 Hubung Kait Gejala Buli Siber Dan Implikasi Motivasi Dalam Kalangan Murid Sekolah Menengah 147

5. 1. 4 Hubung Kait Gejala Buli Siber Dan Implikasi Sosial Dalam Kalangan Murid Sekolah Menengah 156

5. 2 Implikasi Kajian 163

5. 2. 1 Remaja / Murid Sekolah Menengah 163

5. 2. 2 Ibu bapa 166

5. 2. 3 Kementerian dan Agensi Swasta 168

5. 3 Implikasi Teori 173

5. 4 Sumbangan Dapatan Kajian 176

5. 5 Cadangan Kajian Akan Datang 178

5. 6 Penutup 179

RUJUKAN 180

LAMPIRAN 188

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
3. 1	Enrolmen Murid Tingkatan Empat Di Sekolah Menengah Bandar Seberang Jaya Tahun 2019	82
3. 2	Penentuan Saiz Sampel	83
3. 3	Item Gejala Buli Siber	86
3. 4	Item Implikasi Emosi	88
3. 5	Item Implikasi Motivasi	89
3. 6	Item Implikasi Sosial	91
3. 7	Taburan Item Soal Selidik Mengikut Aspek Kajian	92
3. 8	Skala Likert Dalam Kajian	93
3. 9	Pekali *Cronbach Alpha*	96
3. 10	Nilai *Cronbach Alpha* Bagi Setiap Konstruk	98
3. 11	Interpretasi Skor Min Dan Situasi Gejala Buli Siber Yang Dialami Murid	103
3. 12	Tafsiran Pekali Korelasi	105
3. 13	Nilai Ujian Normaliti.	106
4. 1	Taburan Jantina Responden Kajian (N = 250)	110
4. 2	Taburan Bangsa Responden Kajian (N = 250)	111
4. 3	Statistik Untuk Mengukur Persoalan Kajian	112
4. 4	Taburan Deskriptif Situasi Gejala Buli Siber bagi Keseluruhan Item	115

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4. 5	Taburan Kekerapan, Peratus dan Min Item Situasi Gejala Buli Siber	116
4. 6	Taburan Kekerapan, Peratus dan Min Item Implikasi Emosi	119
4. 7	Keputusan Ujian Korelasi Antara Gejala Buli Siber Dengan Implikasi Emosi Dalam Kalangan Murid Sekolah Menengah Di Bandar Seberang Jaya, Pulau Pinang.	120
4. 8	Taburan Kekerapan, Peratus dan Min Item Implikasi Motivasi	123
4. 9	Keputusan Ujian Korelasi Antara Gejala Buli Siber Dengan Implikasi Motivasi Dalam Kalangan Murid Sekolah Menengah Di Bandar Seberang Jaya, Pulau Pinang	124
4. 10	Taburan Kekerapan, Peratus dan Min Item Implikasi Sosial Dalam Kalangan Murid	126
4. 11	Keputusan Ujian Korelasi Antara Gejala Buli Siber Dengan Implikasi Sosial Dalam Kalangan Murid Sekolah Menengah Di Bandar Seberang Jaya, Pulau Pinang.	127

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1 . 1	Kerangka Konseptual Kajian	29
3 . 1	Peringkat Perkembangan Manusia Erik Erikson	79

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI SINGKATAN

ADHD	*Attention Deficit Hyperactivity Disorder*
BPPDP	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
CSM	*Cyber Security* Malaysia
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
JPNPP	Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
MyCERT	*Malaysia Computer Emergency Response Team*
PHQ-9	*Patient Health Questionnaire- 9*
PPD	Pejabat Pelajaran Daerah
SPSS	*Statistical Packages For The Social Scienc*e
SKKM	Suruhanjaya Komunikasi Multimedia
UCLA	*University of California Los Angeles, Loneliness Scale*
UNICEF	*United Nations International Children Emergency Fund*
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI LAMPIRAN

A	Kelulusan Menjalankan Kajian (KPM)
B	Kelulusan Menjalankan Kajian (JPNPP)
C	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian Rintis (UPSI)
D	Surat Pengesahan Menjalankan Kajian (UPSI)
E	Keputusan Kajian Rintis
F	Hasil Dapatan Kajian
G	Instrumen Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 1

PENGENALAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.0 Pendahuluan

Kepesatan penggunaan teknologi komunikasi dan perhubungan atas talian dalam kalangan remaja dibuktikan dengan wujudnya perhubungan dan interaksi harian mereka melalui teks mesej, penggunaan telefon pintar serta laman media sosial. Hal ini juga secara tidak langsung membuka ruang dan kaedah terkini kepada remaja untuk berinteraksi dan berkomunikasi dan senario tersebut telah dinyatakan oleh DePaolis dan Williford (2019) berupaya mendatangkan bukan sahaja faedah kepada remaja malah implikasi negatif sehingga akhirnya memudaratkan diri sendiri. Oleh yang demikian, isu yang diberi penekanan dalam kajian ini sangat berkait rapat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dengan kesan buruk yang berlaku terhadap remaja rentetan impak negatif akibat penggunaan kemudahan siber dalam kalangan mereka iaitu berkaitan implikasi tingkah laku buli siber dalam kalangan murid sekolah yang menjurus kepada kesan terhadap emosi, motivasi dan sosial yang dialami murid akibat menjadi mangsa pembuli siber.

Selain itu, dalam bab ini juga akan dibincangkan mengenai pengenalan dan latar belakang kajian. Di samping itu, penjelasan lanjut akan diperincikan berkaitan pernyataan masalah, tujuan kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian serta definisi operasional. Tambahan lagi, kajian ini turut menjelaskan mengenai gejala buli siber yang semakin menular serta implikasi yang dialami mangsa buli siber terutamanya dari aspek emosi, motivasi dan sosial dalam kalangan murid Tingkatan Empat sekolah menengah di bandar Seberang Jaya, Pulau Pinang.

Buli sebagaimana didefinisikan oleh Ngo Yew Yung et al., (2019) merujuk kepada tingkah laku yang dilakukan dengan mengasari individu lain yang bertujuan untuk menunjukkan kekuasaan dan mendatangkan implikasi terhadap mangsa buli sama ada dari aspek fizikal mahupun psikologikal. Selain itu juga menurut Roberta (2010), buli merujuk kepada tingkah laku agresif dilakukan dengan tujuan untuk mendatangkan bahaya dan kesakitan terhadap pihak yang lebih lemah yang mana perlakuan tersebut dilakukan secara berulang kali. Manakala menurut Radzali,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kenayathulla dan Ghani (2018) siber pula dinyatakan sebagai sesuatu yang melibatkan teknologi maklumat yang melibatkan sumber siber, misalnya Internet.

Tingkah laku buli siber sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Den Hamer dan Konijn (2015) merupakan satu bentuk tingkah laku yang agresif. Tingkah laku agresif yang dilakukan oleh pembuli-pembuli siber terhadap mangsa buli siber semestinya akan mengundang pelbagai implikasi buruk kepada mangsa. Begitu juga, menurut Heiman, Olenik-Shemesh dan Eden (2015) buli siber ditakrifkan sebagai tingkah laku atas talian dilakukan menerusi media elektronik yang bertujuan untuk menyakiti, memalukan serta menghina individu lain ataupun mangsa buli siber.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Perbuatan agresif yang dinyatakan tersebut sudah pasti menimbulkan pelbagai implikasi negatif terhadap mangsa buli siber. Kesan negatif seperti yang dinyatakan (Nixon, 2014) berdasarkan beberapa laporan berkaitan murid sekolah yang menjadi mangsa buli siber, menunjukkan bahawa remaja semakin hari menjadi sasaran utama dalam kalangan pembuli siber. Pelbagai kejadian murid sekolah menengah menjadi mangsa buli siber sehingga mendatangkan implikasi buruk terhadap kesejahteraan diri mereka. Antara implikasi buruk yang dimaksudkan adalah murid mengalami kemurungan, keresahan, kesunyian, tidak terkecuali kesanggupan untuk membunuh diri serta beberapa simptom *somatic* lain. Bukan setakat itu sahaja, terdapat juga implikasi lain akibat mangsa dibuli siber iaitu menurut Nixon (2014) murid sekolah menengah sama ada pembuli siber mahupun mangsa buli siber dilaporkan berada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pada tahap paling tinggi berisiko menghadapi masalah kesihatan secara fizikal, keresahan serta kemurungan.

Seterusnya pula menurut Bottino, Bottino, Regina, Correia dan Ribeiro (2015), buli siber adalah satu bentuk keganasan baharu di mana tingkah laku buli tersebut diekspresikan melalui media elektronik dan sejak kebelakangan ini telah semakin mendapat perhatian dari kalangan ibu bapa, para pendidik dan juga tidak terkecuali kumpulan-kumpulan penyelidik. Ini turut diperakui oleh Eden, Heiman, dan Olenik-Shemesh (2016) yang juga menyatakan pengertian buli siber merujuk kepada tingkah laku ganas yang dilakukan secara berterusan dan berulang-ulang kali dan bermatlamatkan untuk menimbulkan kesakitan kepada individu lain. Akibat dari perbuatan buli siber yang semakin menjadi-jadi tersebut sehingga mengundang pelbagai implikasi buruk yang perlu didepani dan dialami mangsa buli. Misalnya, menurut Peled (2019), menerusi kajian yang dijalankannya mengenai kesan buli siber terhadap akademik, sosial dan perkembangan emosi mahasiswa ternyata bahawa wujudnya hubungan yang signifikan antara buli siber dengan kesan terhadap akademik, sosial dan perkembangan emosi mangsa buli yang mana 57% dari kalangan sampel yang terlibat pernah mengalami situasi dibuli siber sekurang-kurangnya sekali ataupun dua kali melalui pelbagai bentuk media perhubungan.

Jelas menunjukkan bahawa maksud buli siber itu sendiri adalah suatu bentuk tingkah laku ganas yang berlaku secara atas talian dan apabila dilakukan terhadap

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mangsa boleh mendatangkan implikasi-implikasi buruk yang tidak diingini sehingga mampu mengundang bahaya. Hal ini turut dipersetujui Umesh, Farzana, Bindal dan Aminath (2018) bahawa buli siber merupakan satu isu kontemporari dan boleh diambil kira sebagai tingkah laku jenayah yang berkait rapat dengan penggunaan teknologi dan telekomunikasi. Oleh yang demikian, isu gejala buli siber yang semakin berleluasa dalam kalangan murid sekolah menengah dibincangkan dalam konteks kajian ini. Penyelidik mengetengahkan mengenai hubung kait antara gejala buli siber dan implikasi gejala buli siber dari aspek kesan emosi, motivasi dan sosial murid sekolah menengah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.1 Latar Belakang Kajian

Kajian yang dijalankan ini berfokus kepada membincangkan mengenai gejala buli siber dan implikasi terhadap murid sekolah menengah dari aspek kesan terhadap emosi, motivasi dan sosial yang dialami mereka apabila menjadi sasaran pembuli siber. Kajian gejala buli siber dan implikasi terhadap emosi, motivasi dan sosial dalam kalangan murid ini dijalankan di bandar Seberang Jaya, Pulau Pinang. Manakala objektif kajian yang dijalankan ini pula adalah mengenal pasti situasi gejala buli siber yang berlaku dalam kalangan murid sekolah menengah. Seterusnya, kajian ini juga bertujuan untuk menentukan hubungan pengaruh antara gejala buli siber dan implikasi emosi, motivasi dan sosial murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, kajian ini menggunakan reka bentuk kajian tinjauan dan memerlukan responden menjawab satu set soal selidik yang dibina penyelidik. Responden kajian pula dipilih melalui teknik persampelan rawak mudah. Penyelidik memilih topik gejala buli siber dan implikasi terhadap emosi, motivasi dan sosial murid sebagai isu untuk dibincangkan kerana kesan yang dialami mangsa buli siber semakin membimbangkan dan mendatangkan ancaman buruk kepada perkembangan diri remaja. Ini boleh dilihat apabila implikasi yang dialami mereka mampu mengundang kesan yang lebih buruk misalnya mengganggu pelajaran, menjejaskan sosialisasi dan persekitaran murid di sekolah serta mengancam keselamatan dan kestabilan emosi sehingga mempengaruhi kesejahteraan hidup remaja.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hal ini turut dinyatakan oleh Nixon (2014) bahawa buli siber secara umumnya melibatkan tingkah laku yang bertujuan menyakiti individu lain yang meliputi penggunaan teknologi informasi dan komunikasi. Kejadian buli siber tidak lagi asing dan semakin menjadi-jadi di peringkat sekolah. Kes buli seperti ini tidak sepatutnya dipandang remeh sama ada oleh pihak pentadbiran mahupun pihak sekolah sendiri (González-Calatayud, 2018). Akibat daripada dibuli siber mangsa juga didapati berkecenderungan mengalami risiko kesan-kesan psikologi serta cenderung untuk lemah penghargaan kendiri Cenat et al., (2014). Tidak terkecuali mangsa buli siber juga didapati berhadapan dengan pelbagai kesan dan implikasi negatif sebagaimana yang dinyatakan oleh (Elipe, Mora-Merchán, Ortega-Ruiz, & Casas, 2015) mangsa akan mengalami masalah dari aspek pencapaian akademik, integrasi sosial,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penghargaan kendiri serta beberapa kesan emosi seperti marah, kesedihan dan paling kompleks adalah berhadapan dengan risiko kemurungan.

1.2 Pernyataan Masalah

Kebelakangan ini, kemunculan satu bentuk tingkah laku buli yang semakin hangat diperkatakan isunya iaitu dikenali sebagai gejala buli siber. Situasi sedemikian berlaku akibat kepesatan teknologi digital sehingga menjadi timbal balik kepada peningkatan kes-kes buli siber yang semakin berleluasa Brewer dan Kerslake (2015). Tambahan pula, banyak kajian yang dilakukan serta laporan-laporan kes buli siber yang mengutarakan mengenai akibat serta pelbagai implikasi buruk yang berlaku kepada mangsa perbuatan buli siber

Ini sebagaimana yang dinyatakan Safiek Mokhlis (2019) mengenai dapatan kajiannya tentang pengakuan responden iaitu mangsa buli siber menjelaskan bahawa buli siber berupaya mengakibatkan kesedihan, tekanan perasaan, hilang keyakinan diri sekali gus menjejaskan tumpuan terhadap pelajaran. Mangsa juga menyatakan tentang tempoh jangka masa penularan yang panjang serta melibatkan bilangan pengguna internet yang lebih ramai mampu mendatangkan akibat dan kesan yang lama untuk mangsa buli siber berhadapan dengan situasi kesan dibuli siber.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kemudiannya pula mengenai kenyataan oleh Helma Hassan (2018) yang menyebut tentang ancaman di alam siber misalnya penipuan, penggodaman dan juga buli siber merupakan ancaman ketiga terbesar di Malaysia. Selain itu juga, kajian dari *Microsoft Global Youth Online Behavior Survey* pada tahun 2012 telah menjelaskan bahawa terhadap kanak-kanak dan remaja dalam lingkungan usia 8-17 tahun daripada sejumlah 25 buah negara yang dikaji, Malaysia merupakan negara yang berada di tempat ke -17 tertinggi bersamaan dengan 33% remaja di negara ini dilaporkan pernah menjadi mangsa buli secara atas talian. Selain itu, Malaysia juga merupakan negara ke lapan tertinggi di Asia jumlah pengguna laman sosial misalnya laman muka buku yang turut dikenali sebagai *Facebook*. Ini menunjukkan bahawa kekerapan rakyat Malaysia berhadapan dengan risiko buli siber di laman sosial adalah tinggi. Walaupun buli siber tidak mendatangkan kesan secara fizikal, namun ia mampu mengakibatkan implikasi yang lebih berbahaya kerana ia berkeupayaan mengancam kesihatan mental mangsa. Tidak terkecuali menurut (Helma Hassan, 2018) juga buli siber mampu mengakibatkan tekanan mental serta tekanan emosi sehingga mendorong mangsa berkecenderungan ke tahap untuk membunuh diri.

Di samping itu, media sosial turut menjadi lapangan mengundang bahaya lain apabila ia membenarkan individu mencipta identiti palsu dan secara tidak langsung membuka ruang dan peluang untuk pembuli siber membuli tanpa risaukan impaknya terhadap mangsa yang dibuli. Perbuatan buli siber berlaku dengan mudah, pantas dan sukar untuk dikenal pasti siapa yang harus dipersalahkan serta

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dipertanggungjawabkan. Situasi seperti ini membuka ruang yang sangat luas untuk pelaku buli siber membuli mangsa misalnya menghantar mesej-mesej berbentuk serangan yang mana kesudahannya pasti menimbulkan pelbagai perasaan negatif dalam kalangan mangsa buli siber (Simon, 2017).

Seterusnya, Siti Salmiah Abdul Hamid (2015) turut menjelaskan mengenai kekerapan meluangkan masa yang lama di rangkaian laman sosial memberi dan membuka lebih banyak ruang dan peluang terdedah kepada pembuli untuk membuli mangsa buli siber. Hal ini berupaya mendatangkan implikasi terhadap kesihatan mental, perbandingan sosial, buli siber dan pengasingan dalam kalangan kanak-kanak. Begitu juga laporan dari Pejabat Statistik Kebangsaan turut menjelaskan tentang implikasi yang dialami remaja yang banyak menghabiskan masa di laman sesawang antaranya masalah emosi, hiperaktif dan juga bertingkah laku buruk.

Che Hasniza Che Noh dan Mohd Yusri Ibrahim, (2014) menjelaskan mengenai kajian yang dilakukan oleh *Global Youth Online Behaviour Survey (Microsoft Survey)* pada tahun 2012 terhadap remaja berusia lingkungan 8 tahun sehingga 17 tahun. Melalui dapatan kajian *Microsoft Survey* 2012 dinyatakan bahawa satu daripada tiga remaja di Malaysia merupakan mangsa buli siber. Hal demikian telah menarik minat para penyelidik menjalankan kajian mengenai bagaimana remaja berkomunikasi secara atas talian sama ada komunikasi secara positif mahupun negatif. Komunikasi tersebut dikenal pasti dapat meninggalkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kesan terutamanya apabila mereka terlibat sebagai mangsa pembuli siber sehingga mengundang kepada implikasi emosi, motivasi dan sosial. Antara implikasi yang diperoleh dari kajian tersebut adalah mangsa berasa kurang keyakinan diri, murid atau mangsa turut menjadi antisosial dan bagi kes yang lebih kronik mangsa berkecenderungan untuk membunuh diri. Selain itu, kajian ini tertumpu pada golongan remaja khususnya yang menjadi sasaran pembuli siber berdasarkan penjelasan oleh Nixon (2014) remaja yang berhadapan dengan kes-kes buli siber perlukan sokongan untuk menangani kesan akibat dibuli siber.

Seterusnya, Siti Zarinah Sahib (2019) turut menjelaskan mengenai beberapa kes mangsa buli siber di mana kesan yang dihadapi mereka merangkumi gangguan terhadap perkembangan emosi, berhadapan dengan situasi rasa rendah diri, masalah mental dan kesudahannya berkeinginan membunuh diri. Ini juga diperkukuhkan lagi dengan hasil kajian oleh UNICEF mengenai kesan buli siber di 30 buah negara dan didapati bahawa berlakunya gangguan terhadap pelajaran serta kehidupan sosial mangsa. Tidak terkecuali mangsa mengalami gangguan emosi, kerisauan dan ketakutan dan menjadikan mereka sukar fokus di sekolah.

Kesimpulannya, matlamat penyelidikan ini dilaksanakan bertujuan untuk mengenal pasti tahap situasi gejala buli siber yang semakin berleluasa serta implikasi yang dialami murid sekolah menengah khususnya dari aspek emosi, motivasi dan sosial akibat menjadi mangsa tingkah laku pembuli siber. Berdasarkan pendekatan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Teori Psikososial Erik Erikson (1980), remaja berpotensi mengalami konflik berkaitan kecelaruan peranan sepanjang tempoh pembentukan identiti diri berlaku. Seperti yang dinyatakan Jose, Craig dan Lela (2018) bahawa remaja yang berada dalam lingkungan usia pertengahan lebih reflektif dan berada dalam proses mendalami diri sendiri. Maka tindak balas yang dihadapi mereka apabila menjadi mangsa buli siber lebih cenderung ke arah negatif dan menjurus ke arah mencederakan diri dalam pergelutan menangani tekanan emosi yang dihadapi.

1.3 Objektif Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

i. Mengenal pasti situasi gejala buli siber yang berlaku dalam kalangan murid sekolah menengah.

ii. Menentukan hubung kait antara gejala buli siber dan implikasi emosi dalam kalangan murid sekolah menengah.

iii. Menentukan hubung kait antara gejala buli siber dan implikasi motivasi dalam kalangan murid sekolah menengah.

iv. Menentukan hubung kait antara gejala buli siber dan implikasi sosial dalam kalangan murid sekolah menengah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.4 Soalan Kajian

i. Apakah situasi gejala buli siber yang berlaku dalam kalangan murid sekolah menengah ?

ii. Apakah hubung kait antara gejala buli siber dan implikasi emosi dalam kalangan murid sekolah menengah ?

iii. Apakah hubung kait antara gejala buli siber dan implikasi motivasi dalam kalangan murid sekolah menengah ?

iv. Apakah hubung kait antara gejala buli siber dan implikasi sosial dalam kalangan murid sekolah menengah ?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.5 Hipotesis Kajian

Hipotesis kajian yang dinyatakan berikut adalah berdasarkan persoalan kajian yang dikemukakan oleh penyelidik. Berikut merupakan hipotesis kajian ini iaitu

Ho1 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara gejala buli siber dan implikasi emosi dalam kalangan murid sekolah menengah.

Hi1 : Terdapat hubungan yang signifikan di antara gejala buli siber dan implikasi emosi dalam kalangan murid sekolah menengah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ho2 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara gejala buli siber dan implikasi motivasi dalam kalangan murid sekolah menengah.

Hi2 : Terdapat hubungan yang signifikan di antara gejala buli siber dan implikasi motivasi dalam kalangan murid sekolah menengah.

Ho3 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara gejala buli siber dan implikasi sosial dalam kalangan murid sekolah menengah.

Hi3 : Terdapat hubungan yang signifikan di antara gejala buli siber dan implikasi sosial dalam kalangan murid sekolah menengah.


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.6 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual kajian dibina sebagaimana yang telah lampirkan menerusi Rajah 1. 1. Berdasarkan rajah tersebut terdapat tiga pemboleh ubah bebas yang telah dikenal pasti sebagai implikasi yang dialami mangsa perbuatan buli siber iaitu implikasi dari aspek emosi, motivasi dan sosial dalam kalangan murid sekolah. Manakala pemboleh ubah bersandar bagi kajian ini pula adalah situasi buli siber yang dihadapi mangsa akibat perbuatan negatif buli siber. Berikut merupakan kerangka konseptual berkaitan kajian yang dijalankan dan dipaparkan menerusi Rajah 1.1 dalam kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 1. 1. Kerangka konseptual kajian

Berdasarkan Rajah 1.1 kerangka konseptual kajian yang dikemukakan penyelidik menunjukkan perhubungan di antara pemboleh ubah - pemboleh ubah yang dikaji menerusi kajian ini iaitu hubung kait antara pemboleh ubah gejala buli siber dan implikasi emosi, motivasi dan sosial dalam kalangan murid sekolah menengah. Pemboleh ubah gejala buli siber merangkumi situasi mangsa buli menerima komen negatif, gambar peribadi disebarkan, video yang dimuat naik, difitnah, menerima

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

komen yang memalukan, diugut, menjadi bahan jenaka dan dipersendakan, menerima kritikan, gangguan secara seksual serta maklumat peribadi mangsa disebar umum secara atas talian. Seterusnya pula kajian ini akan memfokuskan kepada implikasi-implikasi yang perlu diharungi mangsa dari aspek emosi, motivasi dan sosial setelah diancam dengan situasi-situasi buli siber yang dinyatakan.

1.7 Kepentingan Kajian

Penekanan diberi terhadap mengkaji dan mengenal pasti implikasi yang dialami murid sekolah akibat menjadi mangsa gejala buli siber. Dapatan yang diperoleh dapat membantu pihak-pihak yang terlibat antaranya ibu bapa, guru dan pihak sekolah, komuniti setempat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan juga kementerian-kementerian yang berkaitan bagi mengambil tindakan proaktif dalam membanteras kemelaratan dan kemudaratan yang diakibatkan oleh perbuatan gejala buli siber dalam kalangan murid sekolah. Di samping itu pula, Marret dan Choo (2017) turut menjelaskan bahawa kajian berkaitan isu gejala buli siber agak kurang diberi penekanan terutamanya dari aspek mendalami risiko yang dihadapi remaja apabila menggunakan komunikasi digital terutamanya sekitar negara-negara membangun Asian seperti Malaysia khususnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dapatan yang diperoleh dari kajian ini diharap berguna kepada pihak sekolah khususnya Unit Bimbingan dan Kaunseling, Unit Disiplin Sekolah yang bergerak seiring dengan pentadbiran dan pengurusan bahagian Hal Ehwal Murid merangka dan merancang pelbagai program berlandaskan pendekatan psikologi melalui program bimbingan misalnya pelaksanaan aktiviti dan program pendedahan terhadap murid mengenai pencegahan salah laku buli siber dan cara mengendalikan ancaman-ancaman perbuatan buli siber yang berlaku semasa berinteraksi secara atas talian. Hal ini dapat memberi bimbingan dan panduan kepada murid sekolah berkaitan tindakan dan tindak balas yang sewajarnya dilakukan apabila menerima sebarang bentuk ancaman buli siber serta mendedahkan murid mengenai bahaya membuli dan terjebak sebagai mangsa buli siber.

Tambahan lagi, kajian ini mengambil kira faktor demografi (jantina dan bangsa murid) dalam mengenal pasti situasi buli siber dan implikasi emosi, motivasi dan sosial yang berlaku dalam kalangan murid. Maka berdasarkan profil tersebut, pihak sekolah boleh meneliti dengan lebih mendalam bagi merangka dan merancang tindakan yang efektif serta relevan serta mengambil kira tindakan sewajarnya dalam mengatasi isu buli siber dari perspektif perbezaan jantina dan bangsa murid. Selain itu juga, dengan dapatan kajian ini juga diharapkan pihak sekolah dapat mengenal pasti kes-kes buli siber yang sedang mengancam mangsa dari kalangan murid sekolah terlibat serta pencegahan dan tindakan awal boleh diambil sebelum semakin parah sebagaimana kes-kes yang telah berlaku kebelakangan ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala kepentingan dapatan kajian ini terhadap pihak kerajaan dan agensi-agensi tertentu pula adalah sewajarnya galakkan mengimplementasikan pelbagai program anti buli siber dan kempen berwaspada semasa di atas talian secara meluas dan menyeluruh di pelbagai peringkat komuniti masyarakat yang melibatkan saluran-saluran seperti media elektronik mahupun media cetak terutamanya golongan remaja sekolah. Tindakan tersebut dilakukan bagi memastikan sentiasa berwaspada ketika berinteraksi secara atas talian. Bahaya mendedahkan maklumat peribadi, bertindak balas terhadap perbuatan buli siber yang dialami tanpa memikirkan padah yang bakal diterima ataupun tidak merujuk kepada mereka yang lebih dewasa mampu mengundang risiko lebih buruk kepada mangsa buli siber. Ini kerana kebiasaan murid yang didapati mangsa buli siber sebilangan besarnya takut dan mengelak diri dari memaklumkan ancaman buli siber yang mereka hadapi dan kesudahannya bertindak meragut nyawa sendiri kerana tidak mampu berdepan dengan tekanan akibat dibuli siber.

Akhir sekali diharapkan agar dapatan kajian ini membuka ruang dan peluang berdiskusi dalam kalangan pembuat dasar dari segenap peringkat sama ada pada peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia mahupun Jabatan Pendidikan Negeri supaya meneliti permasalahan gejala buli siber yang berlaku secara lebih intensif dan kritis dalam mencari penyelesaian yang jitu agar kesejahteraan diri, emosi dan mental murid sekolah bebas dari ancaman bahaya gejala buli siber. Antara langkah yang boleh diambil adalah dengan mewujudkan kelab pencegahan buli siber. Peranan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penubuhan kelab tersebut adalah bertujuan untuk mendedahkan murid dengan senario sebenar fenomena gejala buli siber yang semakin menjadi-jadi dewasa ini. Manakala langkah pembinaan modul yang memperuntukkan sejumlah waktu semasa sesi persekolahan mendedahkan murid akan pengetahuan serta membimbing murid dalam mengetahui lebih terperinci berkenaan gejala buli siber dari aspek implikasi dan pencegahan yang wajar dititikberatkan mereka.

1. 8 Batasan Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian yang akan dijalankan ini berbentuk kajian tinjauan yang melibatkan murid sekolah menengah dan terdiri dari murid Tingkatan Empat lelaki dan juga perempuan. Penyelidik menggunakan murid Tingkatan Empat Sekolah Menengah Harian di Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang sebagai populasi kajian. Sebanyak lima buah sekolah menengah di Bandar Seberang Jaya yang terlibat sebagai tempat kajian dilakukan.

Keterbatasan kajian yang dijalankan ini melibatkan aspek di mana penyelidik hanya mengkaji pemboleh ubah situasi buli siber yang terdiri dari sepuluh item sahaja dan juga pemboleh ubah implikasi emosi, motivasi dan sosial samada saling mempunyai hubung kait dalam kalangan murid sekolah menengah. Selain itu, kajian yang dijalankan ini menggunakan instrumen soal selidik dalam proses pengumpulan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

data. Maka dengan itu, maklumat yang diperoleh pengkaji bergantung pada kejujuran responden dalam memberi maklum balas jawapan terhadap pernyataan-pernyataan yang dikemukakan dalam set soal selidik yang disediakan.

1.9 Definisi Operasional

Berikut merupakan definisi bagi istilah-istilah yang digunakan dalam kajian ini iaitu buli siber, emosi, motivasi dan sosial yang dialami dalam kalangan murid sekolah menengah yang merupakan kesan apabila menjadi mangsa pembuli siber.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.9.1 Buli Siber

Istilah buli siber sebagaimana yang didefinisikan oleh (DePaolis & Williford, 2019) merujuk kepada penggunaan media elektronik oleh individu ataupun secara berkumpulan bagi menyalurkan perbuatan ataupun tingkah laku negatif dan agresif secara berulang kali. Hal demikian dilakukan dengan tujuan untuk mendatangkan kesakitan dan ketidakselesaan terhadap individu yang didapati tidak berupaya serta sukar untuk mempertahankan diri di mana situasi sebegini juga dikenali sebagai ketidakseimbangan kuasa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam konteks kajian ini, buli siber adalah merujuk kepada situasi buli siber yang juga merupakan tingkah laku agresif yang dilakukan oleh pembuli siber terhadap mangsa buli yang terdiri daripada murid sekolah menengah, melalui perhubungan media sosial mahupun pelbagai bentuk alat telekomunikasi sehingga mendatangkan kemudaratan serta implikasi negatif terhadap emosi, motivasi dan sosial murid.

1.9.2 Emosi

Emosi berdasarkan pengertian yang dinyatakan oleh Santrock (2014) pula merujuk kepada perasaan atau sebarang situasi dalaman yang boleh menjejaskan dan menggugat di samping boleh berlaku apabila individu berkenaan berada dalam suatu keadaan atau interaksi yang penting terutamanya dari aspek kestabilan diri individu itu sendiri.

Seterusnya apabila dilihat berdasarkan konteks kajian ini pula, implikasi emosi yang dialami mangsa buli siber dari aspek kesan terhadap emosi didapati bahawa mereka sering kali diselubungi perasaan negatif yang merupakan akibat dari menjadi sasaran pembuli siber. Perasaan negatif tersebut merangkumi rasa marah, sedih, cemas, takut, malu dan sebagainya sehingga mampu mengundang kesan-kesan buruk lain sehingga menggugat kestabilan dan kesejahteraan hidup serta gangguan terhadap persekolahan murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.9.3 Motivasi

Sebagaimana yang dijelaskan oleh (Christi & David, 2018) motivasi membawa maksud keadaan dalaman individu yang berkeupayaan mendorong dan mendatangkan kesan kepada dirinya dari aspek tenaga, arah tuju, semangat serta kegigihan seseorang dalam mencapai sesuatu matlamat.

Manakala motivasi yang akan dibincangkan menerusi skop kajian ini pula adalah berkaitan situasi dalaman yang merupakan satu dorongan kepada individu. Apabila difokuskan kepada murid yang berhadapan dengan situasi buli siber, dorongan tersebut boleh mendatangkan kesan sehingga melemahkan semangat, keinginan diri serta mempengaruhi pemikiran dan tingkah laku mereka dalam melakukan aktiviti harian.

1.9.4 Sosial

Sosial sebagaimana yang didefinisikan Suhaila Sharil et al., (2018) merujuk kepada aktiviti pergaulan hidup ataupun hubungan sesama manusia. Dinyatakan dengan lebih terperinci ia bermaksud pergaulan atau perhubungan manusia dengan mengekalkan aturan hubungan antara individu dengan yang lain di mana berlaku dalam kelompok masyarakat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam konteks kajian ini pula sosial merujuk kepada kesan yang dialami murid sekolah rentetan menjadi mangsa buli siber yang berlaku melalui medium elektronik dan telekomunikasi atau sebarang bentuk media sosial lain sehingga mendatangkan implikasi negatif terhadap perhubungan sosial mangsa. Selain itu, kesan dari perbuatan gejala buli siber, mangsa turut berkecenderungan untuk menjarakkan diri serta mengelakkan diri mereka dari berhubung dengan individu lain di sekeliling mereka. Di samping itu juga, mangsa merasakan dirinya terpinggir dan mengalami kesukaran dalam sebarang bentuk perhubungan sosial. Ini termasuklah semua bentuk perhubungan seperti hubungan dengan ahli keluarga, rakan sebaya dan juga hubungan-hubungan lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1. 10 Rumusan

Perbincangan dalam bab ini menjelaskan mengenai pengenalan terhadap gejala buli siber, pernyataan masalah berkaitan tajuk, objektif kajian, persoalan kajian, tujuan kajian gejala buli siber dan implikasi terhadap emosi, motivasi dan sosial murid sekolah menengah yang terlibat. Begitu juga perbincangan berkaitan kepentingan kajian, batasan kajian serta definisi operasional turut disertakan dalam bab ini. Kandungan bab ini merupakan titik tolak dan garis panduan kepada penyelidik menjalankan kajian secara sistematik agar memperoleh dapatan yang signifikan. Hasil daripada tinjauan dan pengamatan penyelidik terhadap maklumat berkaitan kajian ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

didapati ia wajar diteruskan memandangkan gejala buli siber semakin hari semakin meningkat jumlah yang menjadi mangsa terutamanya dalam kalangan murid sekolah menengah. Tindakan awal oleh pihak berkenaan dapat membantu mengurangkan risiko terhadap murid sekolah akibat penularan gejala ini. Kerjasama semua pihak yang terlibat dapat membendung kejadian yang tidak diingini serta membanteras implikasi buruk akibat gejala buli siber. Seterusnya tahap kestabilan emosi, kekuatan motivasi serta perhubungan sosial murid sekolah akan lebih terkawal serta bebas dari sebarang ancaman negatif seperti, gangguan terhadap persekolahan murid, percubaan dan keinginan untuk membunuh diri mahupun pelbagai risiko kesan psikologi lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.0 Pendahuluan

Tinjauan literatur merupakan bab yang membincangkan mengenai situasi gejala buli siber yang dijelaskan menerusi kajian ini. Ia juga merupakan bentuk-bentuk tingkah laku buli siber yang dilakukan pembuli siber terhadap mangsa perbuatan buli tersebut. Dalam bab ini penyelidik turut menghuraikan mengenai implikasi emosi, motivasi dan sosial yang berlaku dalam kalangan murid sekolah menengah. Penyelidik juga menggunakan beberapa sumber rujukan misalnya buku-buku rujukan, jurnal, artikel penyelidik-penyelidik terdahulu, tesis serta keratan dari laporan akhbar bagi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

memantapkan penghasilan kajian ini. Tidak ketinggalan sumber-sumber yang diperoleh meliputi dari dalam dan luar negara.

Hasil penggunaan sumber-sumber yang diperoleh tersebut membantu penyelidik menghuraikan dan membuat kupasan terperinci dari kajian-kajian lepas berkaitan gejala buli siber dan implikasi emosi, motivasi dan sosial yang berlaku terhadap mangsa buli siber. Ini merangkumi penulisan-penulisan yang digunakan sebagai bahan sokongan dalam menghurai dan menjelaskan sesuatu perkara mahupun konsep yang dikehendaki. Akhir sekali, bab ini juga akan membincangkan teori yang digunakan penyelidik berkaitan tajuk serta pendapat dan pandangan daripada para sarjana mengenai tajuk yang diketengahkan. Ini sebagaimana yang dijelaskan (Azizi Yahaya, Voo, Ismail Maakip, & Mohd Dahlan A. Malek, 2017) bahawa bab ini berperanan sebagai panduan kepada penyelidik untuk meneruskan kajiannya dengan berpandukan kepada sorotan kajian lalu. Manakala teori pula berperanan sebagai pegangan dan panduan untuk melakukan penelitian terhadap permasalahan kajian. Penjelasan tersebut menjurus ke arah menjawab soalan-soalan kajian dan berdasarkan konteks kajian ini adalah berkaitan gejala buli siber dan implikasi terhadap emosi, motivasi dan sosial dalam kalangan murid sekolah menengah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.1 Pengenalan

Berdasarkan kajian ini, penyelidik menjelaskan kaitan antara situasi gejala buli siber yang berlaku dalam kalangan remaja dan implikasi yang dialami mangsa buli siber dari aspek implikasi emosi, motivasi dan sosial akibat terjebak sebagai mangsa perbuatan buli siber. Situasi buli siber yang dinyatakan dalam kajian ini saban hari semakin kritikal akibat berlakunya perubahan dan kemajuan teknologi telekomunikasi dan perhubungan sehingga mengundang percambahan masalah antaranya masalah kesihatan serta menjejaskan masa dan kehidupan remaja sekolah (Carvalho, Branquinho, & Matos, 2017). Hal ini turut diperakui (Samara et al., 2017) bahawa terdapatnya kajian-kajian yang menunjukkan perbuatan buli mengundang emosi-emosi negatif misalnya kemarahan, kesedihan serta turut mengakibatkan mangsa mengalami kesukaran daya tumpuan.

Menurut Woolfolk dan Margetts (2013), dari lapan tahap perkembangan diri manusia, tahap perkembangan manusia pada peringkat remaja diketengahkan menerusi kajian ini dan dikenali sebagai tahap perkembangan identiti dan kecelaruan identiti remaja. Menerusi Teori Psikososial oleh Erik Erikson (1963), pada peringkat remaja inilah pembentukan kendiri, pencarian identiti serta hubungan individu dengan yang lain menjadi faktor penting dalam perkembangan diri dan personaliti mereka. Sekiranya menjadi mangsa perbuatan buli siber, remaja berisiko tinggi berhadapan dengan implikasi negatif yang berlaku terhadap emosi, motivasi dan sosial mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hal tersebut berlaku disebabkan remaja belum mencapai tahap kematangan emosi yang sewajarnya dalam berdepan dengan penderaan perasaan yang diterima secara atas talian (Safiek Mokhlis, 2019).

Selain itu juga, kajian ini turut membincangkan mengenai fenomena gejala buli siber yang saban hari berleluasa serta menggugat kestabilan psikologi pengguna teknologi terutamanya golongan remaja. Menurut (Lai et al., 2017) dengan kewujudan kemajuan internet dan teknologi komunikasi, pengguna siber dengan mudahnya membuli mangsanya secara elektronik tanpa perlu bersemuka secara langsung yang dikenali sebagai buli siber. Situasi sedemikian mengundang kepada pelbagai kesan negatif antaranya berdasarkan dapatan kajian (Safiek Mokhlis, 2019) dan juga disokong oleh beberapa kajian lalu yang menyatakan terdapatnya hubungan signifikan antara buli siber dan kesan terhadap kesejahteraan emosi dan psikologikal dalam kalangan mangsa buli misalnya perasaan marah, kemurungan, takut, kecewa, sedih dan lemah daya tumpuan. Oleh itu, tinjauan literatur dari perspektif kajian ini menjurus kepada bagaimana penyelidik ingin melihat mengenai gejala buli siber dan implikasi yang berlaku terhadap murid sekolah menengah dari tiga aspek iaitu emosi, motivasi dan sosial yang dialami mangsa perbuatan buli siber.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2 Tingkah Laku Buli Siber

Menurut Saibon Jamalsafri, Leong dan Muhamad Zahir Abd Razak (2017) terdapat beberapa jenis buli antaranya buli fizikal, buli verbal, buli sosial dan juga buli yang menjadi topik perbincangan dalam kajian ini adalah buli siber. Gejala buli siber sudah tidak begitu asing lagi dalam masyarakat Malaysia. Ini disebabkan kesan daripada kepesatan arus teknologi perhubungan, berkeupayaan dan kemampuan memiliki serta menggunakan internet yang semakin hari semakin berkembang maju. Namun begitu, di sebalik perkembangan teknologi tersebut pasti ada implikasi baik dan juga tidak terkecuali kesan buruk yang mengancam mangsa dan memudaratkan mangsa buli siber terlibat. Hal ini diperakui oleh Englander et al., (2017), buli siber merujuk kepada perbuatan membuli yang menyakitkan dan dilakukan berulang kali dengan menggunakan teknologi digital.

Penjelasan yang dinyatakan Matos et al., (2018) mengenai gejala buli siber yang semakin berleluasa serta merupakan isu yang sedang hangat diperbincangkan dalam bidang penyelidikan sosial dan amat dititikberatkan kini disebabkan ia bergerak seiring dengan peningkatan dan kemajuan terhadap penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi. Situasi yang dinyatakan tersebut tanpa disedari turut berupaya mengakibatkan isu buli siber semakin rumit untuk diatasi (Matos et al., 2018).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam menjelaskan bentuk tingkah laku buli siber Olenik-Shemesh dan Heiman (2017) menyatakan beberapa perbuatan yang sering kali dialami mangsa buli siber. Antara perbuatan buli siber tersebut adalah gangguan siber yang umum, mengejek dan memanggil nama, gangguan seksual secara atas talian, menghina penampilan dan rupa mangsa, ugutan untuk sakiti fizikal mangsa memboikot dan penyamaran. Begitu juga mangsa kerap kali dibuli siber antaranya melibatkan perbuatan dihina di forum secara atas talian, komen yang diberi mangsa dijadikan bahan persendaan pembuli, perbualan peribadi di internet disebarkan pembuli tanpa keizinan mangsa (Brewer & Kerslake, 2015).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya pula berdasarkan Bailey (2013) terdapat enam bentuk tingkah laku buli siber yang diperoleh melalui gabungan dari Program Pencegahan Buli Olweus dan juga Willard (n.d) (2011) iaitu gangguan (*harassment*), pemalsuan maklumat-fakta, foto atau video (*denigration*), penyebaran berita berbentuk provokasi (*flaming*), memperdaya dan tipu helah (*outing and trickery*), penyamaran, pemalsuan akaun media sosial serta kecurian identiti (*impersonation*) dan yang terakhir adalah penyisihan *(exclusion*). Melalui perincian senarai bentuk tingkah laku buli siber yang dinyatakan Bailey (2013) apabila remaja sekolah kerapkali berinteraksi dan melayari internet dengan pelbagai tujuan mudah untuk mereka terjebak sebagai mangsa buli kerana terdedah dengan risiko dibuli siber. Impak akibat perbuatan buli tersebut mangsa sangat berpotensi mengalami gangguan berdepan risiko misalnya implikasi emosi, motivasi dan sosial. Di samping itu juga sukar bagi mereka untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mempertahankan diri setelah berkali-kali dibuli disebabkan lemah kemahiran mengatasi dan mengawal tekanan yang diterima akibat dibuli siber.

Bentuk tingkah laku buli siber yang dimaksudkan sebagaimana yang dinyatakan (Bailey, 2013) , (Azianura Hani Shaari & Mohammad Rahim Kamaluddin 2019) adalah seperti berikut:

i. *Harassment* iaitu tindakan gangguan yang berterusan dan di antara perbuatan tersebut adalah berulang kali menghantar mesej yang biadab, menghina, mesej nakal, menyakitkan hati, menggunakan kata-kata kesat, mesej berbentuk tingkah laku sumbang dan juga kejam dan memalukan.

ii. Tingkah laku buli siber seterusnya adalah *denigration* yang merujuk kepada pembuli siber membuli dengan tujuan untuk merosakkan reputasi seseorang dengan memuat naik isu dan khabar angin serta gosip yang tidak benar tentang mangsa buli siber. Perbuatan ini juga dikenali sebagai pemalsuan maklumat seperti fakta, foto ataupun video yang dilakukan bertujuan untuk menjatuhkan seseorang.

iii. Kemudiannya pula adalah *flaming* iaitu penyebaran berita berbentuk provokasi serta berkaitan dengan perbalahan secara atas talian dengan menghantar dan memuat naik mesej menggunakan bahasa yang kasar dan penuh dengan kemarahan. Perbuatan tersebut dilakukan bagi menyinggung perasaan mangsa dengan mengapi-apikan serta mampu mencetuskan konflik dan pergaduhan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iv. *Outing* dan *trickery* pula melibatkan perkongsian maklumat dan imej yang memalukan secara atas talian dengan tujuan mendedahkan maklumat diri bagi memalukan mangsa. Ini juga dinyatakan sebagai tindakan mempengaruhi atau memperdayakan seseorang untuk mendedahkan maklumat peribadinya yang akan disebarkan kepada orang lain oleh pembuli siber tanpa pengetahuan mangsa. Maklumat yang dimaksudkan termasuklah latar belakang mangsa, gambar ataupun video.

v. Seterusnya pula adalah *impersonation* iaitu merujuk kepada perbuatan pembuli menyamar menggunakan identiti individu lain dengan cara menggodam dan menceroboh e-mel ataupun akaun media sosial dan menyiarkan bahan-bahan yang memalukan individu berkenaan (bagi pihak mangsa buli siber) untuk tujuan membahayakan, memalukan dan mendatangkan masalah kepada mangsa.

vi. Manakala yang terakhir adalah penyingkiran ataupun *exclusion* membawa erti perbuatan yang dilakukan adalah dengan niat dan dengan kejam menyingkirkan seseorang dari kumpulan di atas talian. Penyingkiran ataupun tindakan penyisihan seseorang daripada komuniti tertentu di laman sosial secara sengaja bertujuan untuk memalukan serta menyakiti perasaan mangsa buli siber.

Begitu juga berdasarkan Marret dan Choo (2017), penjelasan mengenai tingkah laku buli siber ataupun keganasan elektronik merangkumi penipuan yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

membahayakan, komen-komen biadab serta berbentuk ugutan terhadap mangsa, menyebarkan khabar angin yang memalukan serta memuat naik foto dan video digital yang bertujuan untuk memalukan pihak lain. Perbezaan bentuk dan ekspresi keganasan berlaku mengikut tahap kematangan individu.

Berdasarkan dari tingkah laku buli siber yang dinyatakan (Bailey, 2013), (Azianura Hani Shaari & Mohammad Rahim Kamaluddin 2019) tidak dinafikan lagi buli siber merupakan satu isu global yang melibatkan amalan komunikasi melalui teknologi dengan tujuan untuk mengancam, mengganggu, memalukan atau mengugut mangsa melalui perkataan negatif serta penyebaran maklumat palsu, perkongsian gambar atau video yang berupaya menjatuhkan imej mangsa terutamanya remaja sehingga mendatangkan implikasi negatif (Azianura Hani Shaari & Mohammad Rahim Kamaluddin, 2019).

Seperti mana yang dinyatakan Price dan Dalgleish (2010) mengenai dapatan kajian yang dijalankan mereka didapati bahawa antara tingkah laku buli siber yang sering kali dilakukan pembuli adalah penyebaran fitnah, komen-komen yang memalukan, penyebaran foto mangsa merupakan tingkah laku buli siber yang tinggi peratusannya dilakukan terhadap mangsa buli. Kesan dari tingkah laku tersebut didapati implikasi yang berlaku terhadap mangsa buli melibatkan kesan terhadap motivasi seperti tidak berkeyakinan diri dan hubungan sosial mangsa dengan rakan. Namun implikasi dari aspek emosi turut menjadi antara kesan negatif yang berlaku

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dalam kalangan mangsa. Mangsa juga didapati mengalami kesan emosi yang ekstrem misalnya berasa sedih, marah, kecewa, malu dan juga rasa takut sehingga mengundang tingkah laku seperti mencederakan diri dan juga berfikiran untuk membunuh diri (Price & Dalgleish, 2010).

Keseluruhannya, mangsa dari kalangan remaja sekolah yang seringkali berhadapan dengan risiko dibuli siber misalnya ancaman sehingga mengakibatkan implikasi emosi, motivasi dan sosial setiap kali menggunakan kemudahan berkomunikasi secara atas talian. Akibat kekangan dan limitasi yang terdapat pada diri remaja sendiri menjadi sukar untuk mereka menangani dan mempertahankan diri. Situasi sebegini berlaku disebabkan keterbatasan pengetahuan dan keupayaan murid sekolah bagi menangkis perbuatan bahaya pembuli siber yang menjadikan perbuatan buli siber sebagai hiburan. Jelas menunjukkan tingkah laku buli siber berupaya mendatangkan impak buruk terhadap kestabilan diri murid serta perhubungan murid dengan komuniti sekeliling seperti keluarga, rakan-rakan dan juga persekolahan mereka. Oleh itu, fenomena membuli secara atas talian perlu diberi perhatian khusus bagi mengelakkan lebih banyak kes-kes buruk berlaku dalam kalangan mangsa buli siber terutamanya murid sekolah menengah. Antara dapatan kajian penyelidik-penyelidik terdahulu berkaitan gejala buli siber dan implikasi terhadap emosi, motivasi dan sosial mangsa buli siber akan di bincang lanjut dalam topik berikutnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3 Implikasi Gejala Buli Siber

Selanjutnya pula dijelaskan mengenai kesan negatif yang dialami mangsa akibat perbuatan buli siber. Menurut Che Hasniza Che Noh et al., (2018) gejala buli siber dikenal pasti sebagai bentuk ancaman yang mampu menggugat dan mendatangkan impak terhadap kesejahteraan psikologikal remaja. Dalam konteks kajian ini, penyelidik memfokuskan kepada mengkaji mengenai gejala buli siber dan implikasi terhadap emosi, motivasi dan sosial dalam kalangan murid sekolah menengah.

Menurut Kowalski, Limber dan Agatston (2012) berdasarkan kajian-kajian lepas mengenai gejala buli siber dan implikasi yang berlaku terhadap mangsa buli tersebut, dinyatakan bahawa implikasi yang sering kali berlaku dalam kalangan mangsa adalah berasa sedih, tertekan, bimbang serta kesan dari aspek sosial adalah mangsa menarik diri dari sebarang bentuk perhubungan sama ada secara atas talian mahupun perhubungan secara langsung. Mangsa juga berasa marah dan terluka sehingga wujud keinginan membalas dendam.

Suryanarayana et al., (2011) juga telah menyenaraikan beberapa kesan akibat perbuatan buli siber yang mana berupaya secara ekstrem mendatangkan implikasi buruk kepada mangsa yang terdiri daripada murid sekolah, guru-guru mahupun sesiapa sahaja yang berada dalam sesebuah persekitaran sekolah. Antara kesan perbuatan buli siber yang mampu mengundang bahaya kepada mangsanya adalah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

individu akan menjadi kurang keyakinan diri, lemah penghargaan kendiri dan merasakan keselamatan diri tergugat. Tidak terkecuali mangsa buli siber turut akan terkesan dari aspek pencapaian akademik serta kehadiran mereka ke sekolah, tergugat dari sudut ancaman kepada tahap kesihatan diri dan menyumbang kepada tekanan dalam diri remaja khususnya. Hal tersebut turut disokong oleh Cross, Lester dan Barnes (2015) yang menyatakan bahawa tingkah laku buli siber secara signifikannya boleh mendatangkan implikasi terhadap sosial, emosi serta kestabilan pencapaian akademik remaja sekolah yang menjadi mangsa.

Seterusnya lagi, Camelford dan Ebrahim (2016) turut menjelaskan mengenai implikasi gejala buli siber yang berlaku terhadap mangsa buli siber antaranya adalah rendah penghargaan kendiri, gagal persekolahan, emosi marah, keresahan, kemurungan, ponteng sekolah, keganasan di sekolah dan yang paling membimbangkan adalah remaja berkecenderungan mencederakan diri sendiri serta membunuh diri. Kesan paling ketara akibat dibuli siber yang dialami mangsa adalah apabila diselubungi dengan pemikiran untuk membunuh diri ataupun berkali-kali melakukan percubaan untuk membunuh diri yang serius (Camelford & Ebrahim, 2016). Seperti yang pernah dinyatakan dalam beberapa kajian lalu bahawa mangsa didapati mempunyai 1.5 kali percubaan untuk membunuh diri serta berisiko tinggi untuk mempunyai pemikiran membunuh diri serta merancang untuk meragut nyawa sendiri. Senario seperti yang dinyatakan tersebut merupakan antara punca berlakunya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ancaman terhadap keselamatan diri murid semasa berada di sekolah mahupun di luar persekolahan.

Implikasi yang dialami mangsa buli siber dan juga mangsa buli biasa tidak begitu ketara perbezaannya. Perkara yang membezakan perbuatan tersebut adalah medium di mana bentuk gejala buli siber itu berlaku serta pelaku buli siber tidak diketahui ataupun *anonymous* dan buli biasa pula individu yang membuli tersebut boleh dilihat dan berkemungkinan besar dikenali dan senang dikenal pasti pelaku buli tersebut Wolke dan Lereya (2015). Manakala perbuatan buli siber pula berlaku secara atas talian melalui perhubungan telekomunikasi dan kebiasaannya mangsa buli tidak mengenali pembuli yang melakukan perbuatan tersebut. Tambahan lagi perbuatan buli siber yang dilakukan mengambil masa yang lama dan sukar untuk dihapuskan dan ini memberi lebih tekanan. Lebih jelas lagi implikasi perbuatan buli yang dimaksudkan dinyatakan Wolke dan Lereya (2015) dengan menyatakan mengenai impak yang dialami mereka yang dibuli dari kalangan remaja mahupun dewasa dari beberapa kajian yang pernah dilakukan berkaitan buli. Mangsa buli yang dinyatakan tersebut berhadapan dengan pelbagai implikasi antaranya dari aspek kesihatan, pencapaian diri serta sosial mereka (Wolke & Lereya, 2015) .

Seterusnya pula adalah kajian yang dijalankan Hanif Suhairi Abu Bakar (2015) dapatan menunjukkan responden kajian yang dijalankan mengakui mengalami pelbagai implikasi negatif akibat berdepan dengan situasi buli siber. Antara implikasi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

negatif yang dinyatakan adalah mengenai emosi negatif seperti berasa kecewa, gangguan emosi, sedih, malu, kecewa, takut, marah dan sebagainya. Di samping itu juga, mangsa didapati dengan situasi disingkirkan, hilang daya tumpuan, tidak dipedulikan, tarik diri dari beraktiviti, prestasi akademik menurun, rasa bersalah, meningkat tahap stres dan pelbagai lagi implikasi buruk yang dialami mereka (Hanif Suhairi Abu Bakar, 2015).

Kesimpulannya, perbuatan buli siber sangat berpotensi menggugat kesejahteraan dan kestabilan diri murid sekolah menengah sekiranya mereka terjebak sebagai mangsa. Situasi buruk yang dialami mangsa memungkinkan mereka berdepan dengan pelbagai risiko tingkah laku negatif tersebut misalnya mengalami risiko implikasi dari aspek emosi, motivasi dan sosial sehingga menjejaskan kehidupan harian dan masa depan remaja sekolah. Maka menjadi tanggungjawab bersama semua pihak berusaha mencari jalan penyelesaian terbaik dalam membantu membanteras perbuatan bahaya berpunca dari penyelewengan tingkah laku di mana berlaku sewenang-wenangnya tanpa kawalan. Situasi gejala buli siber yang membahayakan kehidupan remaja sekolah berada pada tahap terkawal boleh membantu menyumbang dan mendatangkan impak baik terhadap pembangunan dan keharmonian masa akan datang masyarakat dan juga negara. Senario gejala buli siber yang semakin berleluasa dalam masyarakat Malaysia diperjelaskan dalam topik berikutnya berkaitan gejala buli siber dalam kalangan remaja di Malaysia dan juga di luar negara.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4 Gejala Buli Siber dalam Kalangan Remaja di Malaysia

Gejala buli siber didapati mampu mendatangkan kesan buruk kepada mangsanya. Ini sebagaimana yang dinyatakan oleh Safaria (2016) bahawa terdapatnya kesan yang signifikan terhadap mangsa buli siber meskipun pelbagai bentuk media yang digunakan pembuli siber untuk melakukan tingkah laku buli terhadap mangsanya. Tambahan lagi, berdasarkan kajian tersebut pengkaji menyatakan bahawa responden yang tidak pernah dibuli siber tahap kesan psikologi ataupun *distress* psikologi mereka adalah rendah dan wujudnya kaitan yang positif antara mangsa buli siber dan tahap *distress* psikologi atau kesan psikologi yang dialami mangsa. Di samping itu, berdasarkan dapatan kajian tersebut juga dinyatakan bahawa 80% responden yang kerap kali dibuli siber menganggap bahawa gejala buli siber merupakan kejadian yang memberi tekanan dalam hidup mereka.

Kajian yang dijalankan oleh *The National Council on Crime Prevention* menyatakan mengenai sebuah portal *NoBullying.com* di mana dilaporkan sebanyak 9.3 juta pengguna media sosial telah memohon bantuan pada tahun 2016 berhubung permasalahan yang dihadapi mereka mengenai aspek keselamatan diri serta dibuli di alam siber (Maliah Surip, 2018). Selain itu, gejala buli siber turut berupaya mendatangkan kesan dari aspek tekanan terhadap mental malahan juga mendorong kepada tindakan luar kawalan seperti membunuh diri. Situasi tersebut dibuktikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berdasarkan kes kematian yang berlaku di Pulau Pinang pada Oktober 2017, iaitu remaja yang dikenali sebagai Teh Wen Chun telah membunuh diri dengan terjun dari tingkat 17 pangsapuri (Maliah Surip, 2018). Menurut rakan-rakan, mangsa membunuh diri akibat berhadapan dengan gangguan buli siber yang tidak terkawal di mana sebelum kematiannya Teh dikatakan menerima pesanan-pesanan dalam talian yang menyakiti hatinya. Selain dari beliau dihujani dengan kenyataan fitnah yang tersebar di Internet mengenai penyebaran maklumat palsu berkenaan dirinya (Azianura Hani Shaari & Mohammad Rahim Kamaluddin, 2019).

Tambahan lagi, Alzahrin Alias dan Mohd Nasaruddin Parzi (2015) juga menyatakan mengenai kes murid perempuan Tingkatan Empat cuba membunuh diri pada Jun 2014 dari sebuah sekolah di Johor rentetan akibat dari mangsa tidak tahan menjadi mangsa buli siber. Tambahan lagi, mengikut kepada sumber didapati bahawa pembuli siber berkenaan adalah merupakan kenalan dari laman sosial *Facebook* mahu menyebarkan gambar lucahnya di media sosial.

Manakala berdasarkan maklumat yang diperoleh Syafique Shuib (2014) berkaitan statistik daripada Kumpulan Tindakan Kecemasan Komputer Malaysia (MyCERT) melaporkan terdapat 516 aduan yang diterima berkaitan gangguan siber pada tahun 2014 dan 512 aduan pada tahun 2013. Di sini jelas menunjukkan saban hari berlaku peningkatan terhadap kes-kes buli siber termasuklah beberapa kes buli siber yang mendapat liputan luas pihak media cetak ataupun media elektronik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

misalnya kes model Malaysia, Sheena Liam yang dikecam teruk kerana berasal dari Filipina. Kemudiannya kes yang berlaku pada tahun 2014 di mana tiga orang murid berusia 16 tahun dari sebuah sekolah melakukan ugutan jenayah dan mendatangkan kecederaan kepada seorang murid tingkatan tiga dari sekolah yang sama. Aksi buli mereka dirakam dan disebarkan di media sosial walaupun mereka telah menerima hukuman namun masih terdapat pihak-pihak yang mengecam dan mahu menghukum sendiri ketiga-tiga murid tersebut (Syafique Shuib, 2014). Kecaman-kecaman dan pelbagai lagi bentuk ancaman dan kritikan yang diterima melalui media sosial yang dikira sebagai perbuatan buli siber telah mendatangkan implikasi yang membebani mangsa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Begitu juga maklumat yang dinyatakan di dalam artikel bertajuk *On the Alert for Cyberbullying-Letters* (2017) berkaitan statistik yang dikeluarkan oleh pihak *Cyber Security Malaysia* sendiri iaitu pada tahun 2015 dicatatkan sebanyak 442 kes serta 529 kes pada tahun 2016. Turut dinyatakan mengenai murid sekiranya sering kali dimalukan dan dicaci di media sosial, berisiko tinggi berdepan dengan isu dari aspek sosial seperti tidak berminat untuk mengikuti aktiviti di sekolah dan tidak berminat untuk belajar. Murid juga mengalami masalah rendah penghargaan kendiri sehingga mendorong kepada kemurungan dan akhirnya membunuh diri. Di samping itu juga, turut dinyatakan bahawa peratusan kes buli siber yang berlaku serius dan berada pada tahap yang tinggi dalam kalangan murid sekolah. Ini bertepatan dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kenyataan oleh Camelford dan Ebrahim (2016) bahawa murid sekolah ataupun remaja merupakan pengguna tegar teknologi terutamanya internet serta media sosial.

2.5 Gejala Buli Siber dalam Kalangan Remaja di Barat

Remaja seperti mana yang dinyatakan Patrick, Andy, Ross dan Mary (2012) murid sekolah atau remaja yang sering kali menjadi mangsa buli siber dilaporkan mempunyai rendah penghargaan kendiri dan kemurungan. Begitu juga remaja apabila terlibat dengan masalah dibuli siber akan terdorong mengalami kesan dari segi kesihatan mental seperti kemurungan, keresahan dan tekanan akibat dibuli. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Elipe, Mora-Merchán, Ortega-Ruiz dan Casas (2015) seperti tingkah laku agresif yang lain, tingkah laku buli siber sememangnya mendatangkan bahaya kepada mangsanya. Gejala buli siber mendatangkan kesan negatif kepada mangsanya dari pelbagai aspek kehidupan antaranya kesan terhadap kestabilan emosi serta penyesuaian emosi individu.

Menurut Ortega et al., (2012) dari dapatan kajian mereka responden melaporkan terdapat beberapa kesan emosi yang dialami antaranya marah dan juga tidak berkeupayaan untuk mempertahankan diri. Tidak terkecuali responden dari tiga buah negara lain pula menyatakan tentang implikasi emosi yang dialami iaitu marah, malu dan takut akibat dibuli siber. (Nixon, 2014) pula menegaskan dalam kajiannya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mengenai perkaitan antara buli siber dan kesan negatif yang dialami mangsa terutamanya kesan terhadap kesihatan mental dan kecenderungan mangsa untuk membunuh diri. Mangsa juga didapati sangat berpotensi untuk mengalami masalah mental dan juga fizikal antaranya adalah mereka sangat terdedah dengan risiko yang mendorong kepada kemurungan, keresahan dan juga mengalami rasa rendah penghargaan kendiri**.**

Seperti yang dinyatakan oleh Jose et al., (2018) pula perkembangan remaja terbahagi kepada tiga peringkat dan remaja berusia 16 tahun berada di peringkat pertengahan perkembangan diri bagi seorang individu. Pada peringkat ini remaja cenderung untuk bersikap reflektif serta tertumpu kepada mengeksplorasi keadaan sekeliling bagi mendalami diri. Di sinilah akan berlaku situasi di mana remaja sangat prihatin terhadap penampilan fizikalnya serta pandangan orang lain terhadap diri remaja sendiri. Oleh itu, sekiranya murid sekolah yang berinteraksi di alam siber ini sering kali dibuli dan dikecam dengan kata-kata yang menyakiti serta memalukan dirinya disebabkan gambar foto dan video yang dimuat naik tentang dirinya secara berulang kali, sudah pasti akan mendatangkan implikasi buruk kepada emosi dan motivasi mangsa buli siber. Remaja akan berisiko untuk mencederakan diri ataupun yang lebih teruk membunuh diri disebabkan tekanan emosi yang dialami setelah dibuli siber. Ini dibuktikan Robert (2014) berhubung remaja dalam konteks kajiannya apabila didapati mengalami kemurungan akan berpotensi tinggi berkecenderungan untuk berasa putus harapan dan sekali gus berisiko tinggi terlibat dengan kes bunuh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

diri. Apabila murid berada di tahap keresahan dan tekanan yang tinggi mereka sangat mudah terdedah dengan risiko bunuh diri.

Dalam kajian yang dijalankan oleh Elipe et al., (2015) mengenai kecerdasan emosi sebagai faktor moderator antara mangsa buli siber dan kesan emosi, didapati bahawa 54% mangsa buli siber menyatakan mereka mengalami sekurang-kurangnya dua daripada sebelas jenis tingkah laku buli siber sepanjang tempoh dua bulan kajian tersebut dilaksanakan. Antara tingkah laku buli siber yang dimaksudkan adalah yang paling tinggi kekerapan adalah gangguan dan penghinaan melalui internet ataupun teks mesej, penyingkiran dan pengabaian di jaringan sosial ataupun laman berbual serta mangsa kepada penyebaran fitnah melalui internet. Kesan daripada tingkah laku buli siber berkenaan menunjukkan terdapatnya hubungan yang positif antara faktor-faktor kecerdasan emosi dengan kesan terhadap emosi yang dialami mangsa.

Kemudiannya pula, berdasarkan kajian oleh Carvalho, Branquinho, dan Matos (2017) turut menyatakan bahawa mangsa buli siber didapati mengalami lebih banyak simptom-simptom emosi antaranya rasa takut dan sedih apabila menjadi sasaran pembuli siber. Selain itu juga, dalam kajian tersebut turut terdapat beberapa kajian yang dijalankan penyelidik lain mengenai kaitan antara implikasi psikologi yang dialami mangsa buli siber dari kalangan remaja dengan keganasan gejala buli siber.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian yang dijalankan oleh Olenik-Shemesh dan Heiman (2017) mereka menjelaskan mengenai hubung kait antara mangsa buli siber dengan penghargaan kendiri, sokongan sosial serta efikasi kendiri dalam kalangan remaja, didapati bahawa wujudnya kaitan yang signifikan antara rendah penghargaan kendiri, kurang sokongan sosial dan juga rendah efikasi kendiri dengan mangsa buli siber. Maka, jelas bahawa sememangnya gejala buli siber mampu mengundang implikasi negatif terhadap sosial dan motivasi mangsa perbuatan buli siber sendiri. Di mana mangsa buli mengalami rendah penghargaan kendiri, kurang sokongan sosial dan efikasi diri yang rendah. Selain itu, berdasarkan kajian tersebut turut dinyatakan mengenai wujudnya perkaitan antara mangsa buli siber dengan rendah sosial efikasi kendiri dalam kalangan mangsa buli siber. Ini kerana apabila remaja dibuli siber maka mereka mudah mengalami rendah sosial efikasi kendiri.

Seterusnya pula mengenai kajian yang dijalankan oleh Eden et al., (2016) mengenai buli dan mangsa di Internet, kaitannya dengan emosi dan sosial. Menerusi kajian ini dinyatakan bahawa kesunyian sosial lebih cenderung berlaku ketika individu dalam usia remaja serta peratusan yang tertinggi mudah terkesan dengan faktor-faktor kesunyian adalah dari kalangan remaja perempuan. Menerusi kajian ini, terdapatnya hubungan negatif antara mangsa buli siber dengan sokongan sosial, efikasi kendiri dan kestabilan diri individu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Kim et al., (2018) berkaitan mangsa buli siber dan kesihatan mental remaja ternyata menunjukkan bahawa gejala buli siber mempunyai kaitan yang sangat kuat dengan masalah emosi bagi mangsa perempuan dan masalah berkaitan tingkah laku pula hubung kaitnya lebih cenderung kepada mangsa dari kalangan murid lelaki. Lebih jelas lagi melalui kajian yang dijalankan ini remaja lelaki didapati kurang menjadi sasaran mangsa sosial ataupun pembuli siber berbanding dengan remaja perempuan yang sering kali menjadi mangsa buli siber.

Kajian yang dilakukan oleh Cenat et al., (2014) pula mencatatkan bahawa remaja perempuan merupakan sasaran utama sebagai mangsa buli siber berbanding lelaki serta implikasi yang sememangnya dihadapi mangsa buli siber adalah kesan terhadap *distress* psikologi serta rendah penghargaan kendiri. Tambahan lagi, berdasarkan kajian ini turut dijelaskan individu yang menjadi mangsa buli melalui internet merupakan tertinggi bilangannya yang terkesan dari segi *distress* psikologi dan rendah penghargaan kendiri berbanding mangsa buli lain. Ini disebabkan mangsa buli siber mudah terkesan emosi mereka apabila berdepan dengan sindiran dan dimalukan oleh pembuli siber dan situasi tersebut mudah tersebar secara meluas dan tanpa kawalan (Cenat et al., 2014).

Di samping itu, menurut Jose et al., (2018) memandangkan perbuatan buli siber boleh dilakukan oleh sesiapa sahaja tanpa diketahui serta pada bila-bila masa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sahaja pembuli boleh meninggalkan mesej berbentuk ugutan misalnya pasti akan menimbulkan pelbagai kesan. Ini dinyatakan dalam statistik kes buli pada tahun 2016 mangsa buli siber berisiko berhadapan dengan masalah keresahan sosial yang tinggi dan berdasarkan maklumat statistik ini juga lebih dari separuh remaja telah dibuli secara atas talian, 25% dibuli berulang kali melalui telefon bimbit ataupun internet dan lebih merisaukan apabila lebih dari separuh mangsa buli siber tidak memaklumkan kepada ibu bapa bahawa mereka telah dibuli.

Manakala, berdasarkan kenyataan dari Buli siber menjejaskan kualiti tidur dan kemurungan (2019) mengenai maklumat berkaitan penyelidikan terhadap remaja dari aspek kualiti tidur, serangan siber dan kemurungan. Dalam kajian tersebut turut dijelaskan mengenai kesan yang dialami mangsa buli siber melibatkan gangguan prestasi sekolah, merosakkan perhubungan sosial mangsa serta mudah terdorong untuk membunuh diri.

Kesimpulannya, situasi buli siber bukan sahaja semakin berleluasa di negara-negara Barat yang sedang menuju puncak kemajuan teknologi telekomunikasi perhubungan. Malah Malaysia turut serta menerima impak akibat kemajuan teknologi tersebut. Impak yang dibimbangi adalah kesan buruk punca dari lemah dari aspek tindakan proaktif pihak-pihak terbabit bagi menangani situasi runcing gejala buli siber dalam kalangan murid sekolah menengah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.6 Teori-teori Berkaitan Implikasi Emosi, Motivasi dan Sosial

Dalam menjalankan kajian ini, penyelidik menggunakan maklumat dari sumber-sumber rujukan berkaitan bagi menjelaskan kefungsian teori dalam menyokong dan menghurai sesuatu perkara serta konsep yang diketengahkan dalam kajian. Penulisan sesuatu penyelidikan perlu dilakukan berlandaskan penjelasan dan berhubung kait dengan teori yang ternyata mampu menyokong dapatan kajian yang dijalankan.

Isu gejala buli siber tidak asing lagi dalam kalangan remaja sekolah. Ini disebabkan pendedahan dan kemudahan mereka mengakses jaringan telekomunikasi sukar dibendung sehingga mendatangkan pelbagai implikasi buruk tanpa disedari mahupun disedari mereka. Berdasarkan konteks kajian yang dijalankan ini, topik perbincangannya adalah berkisarkan sejauh mana implikasi buruk yang dialami mangsa iaitu murid akibat dibuli siber. Natijah yang dialami remaja bukan lagi berada pada tahap biasa malah mampu mengundang bahaya pada diri dan kehidupan murid serta mengancam nyawa mangsa.

Murid yang masih di peringkat mengenal dan menyesuaikan diri antara peranan mereka sebagai murid sekolah dan juga ahli komuniti setempat pasti berdepan dengan bermacam-macam risiko dan tekanan yang harus mereka tangani. Sekiranya kemudaratan yang dihadapi mereka akibat dibuli siber dipandang remeh lama-kelamaan kualiti hidup remaja akan semakin rendah dan terancam. Remaja

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sebagai pelapis yang bakal mewarisi tampuk kepimpinan negara bakal terhakis nilai-nilai kemanusiaan yang diterapkan sebagai persediaan menggalas tanggungjawab membangunkan ekonomi dan pembangunan negara. Senario sebegini berlaku akibat kesihatan mental, keharmonian dan kesejahteraan diri remaja semakin meruncing kestabilannya. Tindakan proaktif dan kerjasama yang jitu dari semua pihak mampu membantu mencegah dan menangani permasalahan yang timbul akibat penularan gejala buli siber di Malaysia.

2.6.1 Pengenalan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Implikasi-implikasi yang berlaku terhadap mangsa akibat dibuli siber boleh dibincangkan menerusi pelbagai bentuk teori. Penyelidik dapat memahami dengan lebih jelas sejauh mana tingkah laku buli siber yang berlaku dalam kalangan remaja sekolah sehingga mampu mengundang implikasi buruk iaitu implikasi terhadap emosi, motivasi dan sosial mereka. Antara teori-teori yang dikenalpasti dapat menjelaskan perkaitan antara isu gejala buli siber dan implikasi terhadap emosi, motivasi dan sosial yang berlaku dalam kalangan murid adalah Teori Stres Lazarus, Teori Ekologi Bronfenbrenner serta Teori Kesejahteraan Diri Subjektif**.**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.6.2 Teori Stres Lazarus

Berdasarkan Lazarus dan Folkman (1984), Teori Stres Lazarus ataupun nama lainnya adalah Teori Stres Model Transaksional yang dipelopori dua tokoh terkenal Richard Lazarus dan Susan Folkman yang menyatakan bahawa cara menangani tekanan bagi individu dalam sebarang situasi yang menekan misalnya situasi buli siber. Menerusi pendekatan teori ini ia dilakukan melalui penilaian kognitif berbanding menilai dari aspek situasi buli siber itu sendiri. Tambahan lagi, tingkah laku buli siber sangat mendatangkan tekanan kepada mangsa. Situasi tersebut boleh diinterpretasikan dari pelbagai aspek perbezaan sama ada dari segi persepsi dan penilaian kognitif sesuatu implikasi buruk yang berlaku serta berbeza mengikut mangsa buli siber Wang et al., (2019).

Dalam konteks kajian ini, remaja yang mengalami tekanan akibat dibuli siber akan menilai situasi buli yang dialami sangat teruk sehingga mengundang tekanan dan menggugat kestabilan emosi mereka. Berpunca dari situ, wujud pelbagai emosi akibat dari implikasi emosi yang dialami mangsa misalnya rasa marah, takut, risau, kecewa dan sebagainya akibat berulang kali dibuli secara atas talian. Tekanan yang dialami mangsa buli siber berdasarkan pendekatan (Lazarus, 1993) boleh dijelaskan sebagai keadaan yang tidak menyenangkan iaitu implikasi emosi yang dialami mangsa dan berpunca daripada desakan dari keadaan sekeliling pula merujuk kepada senario buli siber.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Rose dan Mustafa (2018), sebagaimana yang dinyatakan dalam teori ini terdapat tiga bentuk stres iaitu stimulus, respons dan proses. Suatu situasi yang mendatangkan rangsangan stres terhadap individu dikenali sebagai stimulus, manakala rangsangan kepada punca stres berlaku adalah datang dari desakan sekeliling yang berlaku melampaui keupayaan seseorang untuk menanganinya dan sehingga mengakibatkan stres. Tidak terkecuali stres juga boleh berpunca dari desakan diri seseorang itu sendiri sehingga mengundang kepada pelbagai implikasi emosi. Ini jelas apabila seseorang yang dibuli siber misalnya menerima kritikan yang memalukan, dihina, difitnah dan sebagainya sukar menangani situasi tersebut dengan sewajarnya dan kesudahannya berhadapan dengan emosi negatif seperti marah, kecewa, sedih, takut dan sebagainya. Dalam skop (Lazarus, 1993) terdapat dua kaedah menangani stres iaitu tangani secara fokus emosi *(Emotion-focused coping)* yang melibatkan percubaan individu mengurangkan emosi negatif yang dialami dan juga tangani secara fokus masalah *(Problem-focused coping)* yang menjurus kepada punca stres atau sesuatu tekanan itu berlaku dengan kaedah yang lebih praktikal bagi mengatasi masalah atau sesuatu situasi (Lazarus & Folkman, 1984).

Manakala melalui teori ini juga dinyatakan tiga jenis rangsangan iaitu apabila berlaku perubahan besar di luar jangkaan serta melibatkan individu dan juga ramai orang Lazarus (1993). Rangsangan kedua pula adalah melibatkan perubahan yang berlaku berkaitan dengan mereka yang terdekat. Seterusnya pula menurut Rose dan Mustafa (2018) rangsangan berbentuk masalah yang berlaku berulang kali dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kehidupan harian seseorang sehingga mengganggu dan memberi tekanan dan ini merupakan jenis rangsangan yang difokuskan dalam konteks kajian ini. Hal ini dirumuskan sebagai situasi buli siber yang merupakan rangsangan yang dialami mangsa setiap kali berinteraksi secara atas talian sehingga mendatangkan implikasi negatif yang memberi tekanan dan menggugat kehidupan remaja sekolah.

Kemudiannya pula adalah respon yang merujuk kepada reaksi atau tindak balas seseorang apabila mengalami sebarang situasi yang menimbulkan stres (Rose & Mustafa, 2018). Dari aspek respon pula terdapat dua jenis, pertama adalah respon fizikal iaitu berkaitan tingkah laku yang boleh dilihat orang lain serta perubahan yang boleh dirasai seseorang dan yang kedua pula merupakan respon psikologikal. Respon psikologikal melibatkan emosi yang dialami individu apabila berhadapan dengan situasi buruk seperti buli siber misalnya marah, risau, putus asa, kecewa, sedih dan sebagainya. Seterusnya adalah proses yang melibatkan individu dan persekitarannya di mana berlakunya interaksi antara *stressor* dan *strain* dan terbentuk satu proses yang menuntut seseorang menyesuaikan diri dengan persekitarannya. Menurut Lazarus dan Folkman (1984), proses stres berlaku berdasarkan penilaian kognitif (*cognitive appraisal)* yang mana terdapat dua penilaian iaitu penilaian utama *(primary appraisal*) dan penilaian kedua (*secondary appraisal*).

Penilaian utama (*primary appraisal*) merupakan individu melakukan penilaian terhadap persekitaran yang menjadi punca kepada stres ataupun sebaliknya dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

melihat kepada impak jangka pendek atau panjang sebaik sahaja sesuatu peristiwa atau masalah berlaku. Bagi menjelaskan keadaan untuk dibuat penilaian utama Lazarus dan Folkman (1984) menyenaraikan tiga keadaan. Keadaan pertama adalah tidak berkaitan yang mengarahkan kepada individu menyatakan dirinya tiada kaitan dengan keadaan persekitaran dan stres tidak berlaku. Manakala keadaan kedua pula hasil positif yang menunjukkan individu mengakui persekitaran sememangnya mengundang tekanan yang mendorong kepada dirinya berusaha memperoleh sesuatu yang baik dan dinamakan stres tersebut sebagai *eustress.* Seterusnya yang terakhir yang mendasari perbincangan kajian ini adalah keadaan *distress* yang mana ketegangan yang dialami individu ataupun mangsa buli siber berhadapan dengan persekitaran iaitu situasi buli secara atas talian yang penuh tekanan. Implikasinya tekanan yang dialami mangsa mengakibatkan wujudnya emosi negatif sehingga berupaya mendorong kepada merosakkan diri misalnya cederakan diri ataupun membunuh diri (Gaol, 2016). Ini berdasarkan beberapa kes buli siber iaitu kes remaja bernama Teh dari Pulau Pinang misalnya mangsa didapati bunuh diri dengan terjun dari bangunan tinggi akibat mengalami tekanan dibuli siber dengan teruk (Maliah Surip, 2018).

Penilaian kedua (*secondary appraisal)* pula mengenai penglibatan individu dalam menilai kemampuan diri mencari jalan penyelesaian terhadap masalah yang timbul dari hubungan persekitarannya. Sekiranya individu ataupun mangsa tidak mampu mengatasi masalah tersebut maka dia mengalami stres. Keupayaan individu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menyelesaikan masalah dan menangani stres berkait rapat dengan perbezaan personaliti, latar belakang dan daya tindak seseorang (Rose & Mustafa, 2018).

Kesimpulannya, menerusi Lazarus (1993) jelas bahawa mangsa buli siber dalam kalangan murid sekolah menengah yang berhadapan dengan pelbagai bentuk ancaman situasi buli siber sangat berisiko mengalami tekanan dan stres. Sekiranya situasi tersebut tidak dikenal pasti dari awal dan tiada tindakan sewajarnya dilakukan oleh pihak berkenaan, senario ini semestinya mengundang implikasi emosi, motivasi dan sosial mangsa sehingga sukar dikawal dan berpotensi tinggi meragut nyawa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2. 6. 3 Teori Ekologi Bronfenbrenner

Seterusnya pula adalah pendekatan yang dibawa menerusi Bronfenbrenner (1977) yang melihat kepada aspek persekitaran mempengaruhi perkembangan psikologi individu (Junaidi, Ali, & Mamat, 2018). Teori yang diperkenalkan dan dipelopori oleh Urie Bronfenbrenner pada tahun 1979 mengemukakan mengenai lima sistem ekologi yang berinteraksi dalam kehidupan individu dan secara tidak langsung mempengaruhi perkembangan diri seseorang. Menurut Junaidi et al., (2018) juga terdapat lima sistem iaitu Mikrosistem, Mesosistem, Eksosistem, Makrosistem dan Kronosistem. Teori yang menekankan mengenai pengaruh persekitaran ekologi terhadap perkembangan diri manusia ini dijadikan salah satu landasan dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menjelaskan hubung kait permasalahan gejala buli siber terhadap implikasi yang berlaku ke atas mangsa dan difokuskan kepada salah satu daripada lima sistem iaitu Kronosistem.

Teori ekologi yang berfokuskan kepada pengaruh persekitaran sosial menyumbang kepada perkembangan diri individu mengikut kepada konteks kajian ini boleh dilihat dari aspek penjelasan Kronosistem. Berdasarkan teori, Junaidi et al., (2018) telah menyenaraikan empat lagi sistem yang ditekankan seperti huraian berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

i. Mikrosistem merujuk kepada persekitaran yang paling hampir dengan diri individu antaranya keluarga, guru, rakan-rakan, pihak sekolah, jiran tangga serta mereka terlibat dalam aktiviti seharian seseorang.
ii. Mesosistem pula melibatkan interaksi individu antara dua Mikrosistem. Misalnya hubungan interaksi remaja antara situasi di sekolah dengan situasi dengan keluarga dan interaksi yang berlaku antara dua sistem tersebut mampu memberi impak terhadap perkembangan diri murid.
iii. Eksosistem seperti yang telah dijelaskan merupakan satu sistem sosial yang lebih luas dan individu terkesan dengan sistem tersebut tanpa interaksi yang aktif ataupun tidak secara langsung. Ini melibatkan pengalaman individu dengan persekitaran mempengaruhi perkembangan sosial murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iv. Makrosistem pula berkaitan kesan yang berlaku ke atas individu akibat terpengaruh dengan sosiobudaya iaitu norma-norma, nilai dan amalan masyarakat serta taraf sosiekonomi. Antara subsistem yang terlibat dalam mempengaruhi perkembangan diri individu adalah budaya, nilai masyarakat, ideologi negara, agama dan sebagainya.

v. Kronosistem merupakan sistem terakhir yang ditekankan Bronfenbrenner berkaitan pengaruh yang berlaku terhadap individu dari aspek peredaran waktu serta cara sistem tersebut mempengaruhi perkembangan diri dan tingkah laku remaja. Misalnya remaja kini sangat dipengaruhi dengan permainan berteknologi serta perkembangan telekomunikasi dan internet selari dengan peredaran semasa dan juga pembangunan negara.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Unik Hanifah Salsabila (2018), kronosistem yang ditekankan Bronfenbrenner (1986) adalah mengkaji pengaruh pengalaman atau situasi yang berlaku dalam *setting* persekitaran sosial remaja yang bergerak seiring dengan perubahan dan peredaran perkembangan teknologi komunikasi dan internet semasa seterusnya mendatangkan impak sehingga mempengaruhi perkembangan diri individu. Antara subsistem yang terangkum dalam Kronosistem termasuklah sebarang bentuk perhubungan telekomunikasi alam siber, media sosial, persekitaran interaksi remaja seperti keluarga dan sebagainya. Semua subsistem tersebut merupakan elemen penting dalam hidup remaja kini sehingga impak baik mahupun buruk yang tercetus

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dari elemen-elemen tersebut dapat mempengaruhi perkembangan diri remaja yang masih di peringkat identiti lawan kecelaruan identiti menurut Erik Erikson (1968).

Maka, apabila dilihat dari perspektif kajian ini, alam siber yang sememangnya berlaku secara atas talian dikategorikan sebagai antara subsistem Kronosistem. Sekiranya mangsa buli siber iaitu murid sekolah menengah sering kali menjadi sasaran pembuli siber sudah pasti akan terkesan dengan situasi buli siber yang semakin berleluasa tersebut. Implikasi yang dialami mangsa buli sama ada implikasi terhadap emosi, motivasi dan sosial merupakan akibat yang boleh mempengaruhi perkembangan diri murid. Hal ini disebabkan elemen yang terdapat dalam sistem sosial Kronosistem remaja saling berinteraksi dan akhirnya menyumbang kepada perkembangan diri mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2. 6. 4 Teori Kesejahteraan Diri Subjektif (*Subjective Well-being Theory*)

Teori berkaitan kesejahteraan diri subjektif Diener (1994) ini diperkenalkan oleh Ed Diener yang menekankan mengenai model kesejahteraan subjektif dan ia merupakan satu konstruk yang multidimensi. Menurut Diener, Suh, Lucas, dan Smith (1999) konstruk yang dimaksudkan adalah kesan positif dan kesan negatif. Misalnya bagi kesan positif ia melibatkan emosi positif; gembira, minat dan sebagainya. Manakala

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kesan negatif pula adalah emosi negatif yang jarang berlaku iaitu marah, risau dan sebagainya (Mahali, Cosmas, & Seok, 2019).

Kemudiannya pula Mahali et al., (2019) turut menjelaskan pendekatan yang dibawa Diener et al., (1999) tentang penilaian kognitif terhadap kualiti hidup seseorang secara menyeluruh ataupun dinamakan sebagai kepuasan hidup global. Antara contoh kepuasan hidup global merangkumi hubungan individu dengan keluarga dan pengalaman di sekolah. Maka berdasarkan model ini Adler dan Seligman (2016) dalam kajian mereka merumuskan bahawa individu yang mengalami lebih kesan positif hubungan sosialnya adalah lebih baik, bertingkah laku yang sihat dan terkawal serta tinggi kepuasan hidup mereka. Manakala sebaliknya berlaku kepada individu yang mengalami lebih banyak kesan negatif dalam hidupnya.

Dalam konteks kajian ini, apabila membincangkan hubung kait teori dengan gejala buli siber dan implikasi terhadap emosi, motivasi dan sosial dalam kalangan murid sekolah menengah boleh dilihat dari sudut kesan buruk yang dialami mangsa buli. Mangsa buli siber bertingkah laku di luar kawalan misalnya mencederakan diri dan juga berkeupayaan untuk membunuh diri apabila mereka membuat penilaian kognitif tentang kepuasan hidup global diri setelah mendapati diri mereka terancam dengan perbuatan buli siber. Penilaian kognitif mangsa adalah berpunca dari terlampau dibebani dengan kesan negatif akibat dibuli siber. Emosi negatif yang dialami mangsa mampu mengancam kesejahteraan subjektif diri yang mana secara

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tidak langsung mempengaruhi motivasi dan hubungan sosial individu. Situasi sedemikian semestinya mengundang konflik terhadap perkembangan diri remaja sekolah.

2. 6. 5 Teori Sosiologi

Dalam menjelaskan permasalahan gejala buli siber dan implikasi yang berlaku terhadap murid sekolah menengah, penyelidik turut melihat dari perspektif sosiologi iaitu teori yang diperkenalkan oleh Robert Agnew juga dikenali sebagai (*General Strain Theory*, 1992).

Berdasarkan pendekatan teori *General Strain* (GST), tingkah laku devian berlaku adalah berpunca dari bagaimana individu menangani stres atau gangguan yang dialaminya dalam hidup (Graham & Wood, 2019). Menurut Agnew (1992), teori ini menekankan tiga kategori gangguan iaitu matlamat yang mustahil untuk dicapai, hadir atau wujudnya rangsangan negatif dan yang terakhir adalah kehilangan rangsangan positif. Menurut Graham dan Wood (2019), mereka yang dibuli siber mengalami gangguan dalam kategori kedua iaitu hadir atau wujudnya rangsangan negatif. Ini lebih jelas lagi di mana individu yang menjadi mangsa buli siber, berhadapan dengan rangsangan negatif seperti situasi-situasi negatif dihina, dikritik, diugut semasa berkomunikasi secara atas talian. Kemudiannya mangsa buli tersebut

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bertindak menangani rangsangan negatif yang dialami iaitu situasi-situasi buli siber dengan melakukan tingkah laku devian seperti mencederakan diri ataupun membunuh diri. Tindakan devian yang dilakukan mangsa adalah disebabkan implikasi emosi yang dialaminya dan tidak terkecuali setelah berdepan dengan situasi buli siber mangsa turut mempunyai rendah penghargaan kendiri (Graham & Wood, 2019).

2.7 Rumusan

Keseluruhannya, bab ini membincangkan sorotan literatur berkaitan gejala buli siber yang makin berleluasa dalam kalangan murid sekolah menengah serta implikasi buruk yang dialami mangsa buli dari aspek emosi, motivasi dan sosial mereka. Gejala buli siber merupakan tingkah laku negatif di mana seandainya tidak dibendung penularannya bakal mencetus kepada kesan buruk terhadap perkembangan diri remaja. Ini termasuklah kesan yang lebih negatif sehingga melibatkan perubahan tingkah laku dan persekolahan mereka seperti peningkatan gejala ponteng sekolah dan prestasi akademik semakin menurun. Murid sekolah menengah yang berada di peringkat identiti lawan kecelaruan identiti berdasarkan pendekatan menerusi Teori Psikososial Erik Erikson (1963) didapati mudah terkesan dari aspek kesejahteraan psikologi mereka. Situasi buli siber mampu menyumbang impak tekanan sehingga mengakibatkan kesanggupan dalam kalangan mangsa untuk bertindak di luar kawalan seperti mencedera dan membunuh diri. Ternyata implikasi-implikasi yang dialami

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

remaja akibat dibuli siber dan disokong dengan teori-teori berkaitan sekiranya dibiarkan berlarutan tanpa pengawasan dan tindakan awal dalam menanganinya pasti menggugat proses perkembangan diri murid sekolah menengah dalam persediaan menghadapi alam dewasa kelak. Mangsa buli siber didapati sering kali berdepan dengan keadaan sukar mendapatkan perlindungan. Remaja berhadapan dengan risiko dalam menentukan siapa mereka perlu jauhi dan sekiranya mereka ketahui pembuli siber terbabit, mangsa masih mengalami kesukaran pada siapa perlu diadukan situasi buli siber yang dialami. Manakala menurut Boca-Zamfir, M. (2016) di alam siber yang tiada limitasi masa dan sempadan menjadi suatu kesukaran untuk remaja mengelakkan diri dari situasi sosial iaitu sosialisasi secara atas talian yang boleh mengundang kepada pelbagai perasaan negatif. Kesannya buli siber mampu mendatangkan implikasi sosial terhadap mangsa buli akibat mangsa menyendiri dari sebarang bentuk perhubungan persahabatan. Oleh yang demikian, komitmen semua pihak yang terlibat dalam mengambil tindakan proaktif membantu mangsa menangani isu gejala buli siber amat diperlukan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 3

METODOLOGI

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.0 Pengenalan

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti gejala buli siber dan implikasi terhadap emosi, motivasi dan sosial dalam kalangan murid sekolah menengah. Pelaksanaan kajian ini melibatkan sampel di bandar Seberang Jaya, Pulau Pinang yang terdiri daripada lima buah sekolah menengah di bandar berkenaan. Kajian ini juga menggunakan satu set instrumen mengikut keperluan dan kesesuaian kajian. Selain itu juga, bab ini dilakukan bagi membincangkan dengan lanjut maklumat berkaitan reka bentuk yang digunakan dalam kajian, pemboleh ubah atau variabel yang terlibat,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

subjek atau sampel kajian, kajian rintis, instrumen yang digunakan, prosedur kajian serta penganalisisan data kajian yang dikutip penyelidik.

3.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini melibatkan reka bentuk kajian tinjauan yang menggunakan pendekatan kaedah kuantitatif. Penentuan reka bentuk kajian dilakukan lebih awal bagi memudahkan penyelidik merancang proses pelaksanaan kajian agar berjalan dengan sistematik dan terperinci. Reka bentuk kajian juga merupakan satu garis panduan kepada penyelidik dalam memastikan objektif kajian tercapai serta persoalan kajian dijawab.

Seperti yang dinyatakan Noraini Idris (2013) kajian tinjauan merupakan kaedah kajian deskriptif yang berfaedah bagi mengumpul data berkaitan fenomena yang tidak dapat diperhatikan secara langsung. Pelaksanaan kajian tinjauan dilakukan menggunakan set borang soal selidik untuk diisi oleh responden ataupun sampel kajian. Kajian ini juga melihat hubungan antara pemboleh ubah gejala buli siber dengan pemboleh ubah implikasi emosi, motivasi dan sosial dalam kalangan murid sekolah menengah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.2 Sampel Kajian

Dalam menjalankan penyelidikan, pengkaji perlu melakukan proses persampelan supaya pemilihan sampel adalah sesuai serta menepati keperluan kajian yang hendak dijalankannya. Sebagaimana yang dijelaskan oleh Azizi Yahaya et al., (2017) populasi merujuk kepada sekumpulan elemen atau unsur yang merupakan keseluruhan subjek kepada sesebuah penyelidikan yang akan dijalankan. Kemudiannya dari kumpulan populasi tersebut akan dipilih pula sebahagian darinya menjadi sampel kajian. Penyelidikan ini dijalankan di Pulau Pinang. Pemilihan negeri ini sebagai tempat menjalankan kajian adalah disebabkan terdapatnya laporan mengenai berlakunya satu kes kematian remaja lelaki yang terjun dari bangunan untuk membunuh diri akibat melalui fasa buli siber yang teruk (Maliah Surip, 2018).

Penyelidikan ini disasarkan kepada golongan remaja sekolah di mana berdasarkan kepada Teori Psikososial Erik Erikson (1963) peringkat perkembangan manusia terbahagi kepada lapan peringkat sepertimana yang dipaparkan melalui Rajah 3. 1 berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PERINGKAT PERKEMBANGAN MANUSIA	KOMPONEN ASAS
Bayi: 0 bulan hingga 18 bulan	Percaya lawan tidak percaya
18 bulan hingga 3 tahun	Autonomi lawan rasa malu dan sangsi
3 tahun hingga 6 tahun	Inisiatif lawan rasa bersalah
6 tahun hingga 12 tahun	Industri lawan rasa rendah diri
12 tahun hingga 21 tahun	Identiti lawan kecelaruan identiti/peranan
22 tahun hingga 40 tahun	Intimasi lawan pengasingan diri
40 tahun hingga 65 tahun	Generativiti lawan *stagnation*
65 tahun ke atas	Integriti lawan putus asa

Rajah 3. 1. Peringkat perkembangan manusia Erik Erikson (1963)

Maka berdasarkan peringkat-peringkat perkembangan manusia tersebut peringkat identiti lawan kecelaruan diri menjadi fokus dalam konteks kajian ini (Santrock, 2014). Pada peringkat ini remaja sangat berpotensi untuk mengalami kecelaruan mental sekiranya mereka sukar menangani isu yang berlaku dalam kehidupan sepanjang tempoh tersebut (Kim, Colwell, Kata, Boyle, & Georgiades, 2018).

Penyelidik memilih sampel kajian murid Tingkatan Empat disebabkan mereka merupakan murid bukan kelas peperiksaan dan risiko mengganggu pembelajaran murid kelas peperiksaan dapat dielakkan sebagaimana yang ditetapkan oleh pihak (BPPDP) agar memastikan sampel yang digunakan untuk sesebuah kajian tidak melibatkan murid kelas-kelas peperiksaan. Di samping itu juga, berdasarkan beberapa laporan mengenai kes perbuatan buli siber yang disiarkan pihak media misalnya mengenai kes murid perempuan berusia 16 tahun yang cuba membunuh diri

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pada Jun 2014 di sebuah sekolah di Johor akibat tidak tahan dibuli siber. Selain itu juga, kes berkaitan tiga murid Tingkatan Empat dari sebuah sekolah melakukan ugutan jenayah dan membuli murid lain pada tahun 2014.

Tambahan lagi, berdasarkan Brewer dan Kerslake (2015), yang menyatakan bahawa, pemilihan sampel remaja sekolah yang berusia 16 tahun disebabkan pada usia begini, berlakunya perubahan tahap perkembangan diri dari sebagai murid sekolah ataupun remaja ke perkembangan diri di tahap permulaan awal dewasa. Mereka juga berhadapan dengan situasi corak pendidikan yang berbeza serta situasi pendedahan awal sebelum melangkah ke alam permulaan dewasa berlaku.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sampel kajian merupakan sebahagian dari populasi yang diambil sebagai sumber data seterusnya dapatan kajian itu tersebut boleh mewakili keseluruhan populasi (Azizi Yahaya et al., 2017). Oleh yang demikian, berdasarkan konteks kajian ini, populasi kajian adalah murid sekolah menengah di Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang dan sampel pula terdiri daripada murid sekolah menengah dari bandar Seberang Jaya, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang. Pemilihan murid sekolah dari lima buah sekolah menengah di bandar Seberang Jaya, sebagai sampel kajian dilakukan berdasarkan kaedah persampelan rawak mudah. Keputusan yang diperoleh dari sampel kajian ini akan membantu dalam memperjelaskan maklumat terhadap populasi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penyelidik menyenaraikan kesemua lima daerah yang terdapat di Pulau Pinang dengan mencatatnya pada lima helai kertas. Kemudian penyelidik mencabut satu sahaja kertas yang mewakili nama satu daerah untuk dipilih sebagai populasi tempat kajian dijalankan iaitu daerah Seberang Perai Tengah. Seterusnya, penyelidik menyenaraikan pula bilangan bandar yang terdapat di Seberang Perai Tengah iaitu sebanyak lapan bandar keseluruhannya pada lapan helai kertas. Kemudiannya mencabut salah satu kertas yang tercatat nama bandar untuk dijadikan tempat pemilihan sampel secara rawak mudah bagi tujuan penyelidikan dilakukan dan bandar Seberang Jaya terpilih sebagai lokasi penyelidikan. Proses pemilihan daerah dan bandar untuk kajian gejala buli siber dan implikasi terhadap emosi, motivasi dan sosial dalam kalangan murid sekolah menengah dilakukan bagi menentukan sampel yang akan terlibat untuk pengumpulan data bagi kajian ini. Dengan itu penyelidik menjadikan kelima-lima buah sekolah menengah yang terdapat di bandar Seberang Jaya sebagai tempat penyelidikan dijalankan.

Seterusnya pula adalah berkaitan dengan jumlah murid Tingkatan Empat bagi sekolah menengah di bandar Seberang Jaya bagi tahun 2019. Keseluruhannya terdapat lima buah sekolah menengah yang terlibat dalam kajian ini. Ini menjadikan jumlah kesemua murid Tingkatan Empat berkenaan adalah 734 orang dan dari jumlah tersebut teknik persampelan rawak mudah digunakan bagi memilih dan menentukan bilangan mereka yang terpilih sebagai sampel kajian dari kelima-lima sekolah terbabit. Penyelidik mendapatkan senarai nama murid Tingkatan Empat sekolah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berkenaan. Kemudian berdasarkan dari senarai nama yang diterima dari pihak sekolah, penyelidik membuat pemilihan secara rawak mudah dengan mencabut 50 nama murid dari setiap sekolah bagi mencukupkan jumlah sekurang-kurangnya 248 orang sampel yang diperlukan untuk kajian ini. Sampel terlibat dikehendaki menandakan jawapan pada set soal selidik yang diedarkan bagi proses pengumpulan data kajian. Berikut merupakan taburan murid Tingkatan Empat bagi sekolah-sekolah terlibat yang dipaparkan dalam Jadual 3.1.

Jadual 3. 1

Enrolmen Murid Tingkatan Empat Di Sekolah Menengah Bandar Seberang Jaya Tahun 2019

Sekolah	Bil. Murid Tingkatan Empat
SMK Pauh Jaya	149
SMK Bandar Baru Perda	121
SMK Permatang Rawa	110
SMK Seberang Jaya	127
SMK Tun Hussein Onn	227
Jumlah	734

Jumlah murid Tingkatan Empat dari kesemua sekolah di bandar Seberang Jaya adalah seramai 734 orang murid. Apabila berpandukan kepada teknik pemilihan sampel oleh (Krejcie & Morgan, 1970) bagi memenuhi keperluan dan kesesuaian skala saiz sampel kajian yang diperlukan untuk sesebuah kajian tinjauan jumlah responden yang dipilih bagi mewakili jumlah besar sampel adalah seramai 248 orang responden. Pemilihan sampel yang dimaksudkan dilakukan berdasarkan Jadual 3.2 (Krejcie & Morgan, 1970) berikut :

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3. 2

Penentuan Saiz Sampel

N	S	N	S	N	S
10	10	220	140	1200	291
15	14	230	144	1300	297
20	19	240	148	1400	302
25	24	250	152	1500	306
30	28	260	155	1600	310
35	32	270	159	1700	313
40	36	280	162	1800	317
45	40	290	165	1900	320
50	44	300	169	2000	322
55	48	320	175	2200	327
60	52	340	181	2400	331
65	56	360	186	2600	335
70	59	380	191	2800	338
75	63	400	196	3000	341
80	66	420	201	3500	346
85	70	440	205	4000	351
90	73	460	210	4500	354
95	76	480	214	5000	357
100	80	500	217	6000	361
110	86	550	226	7000	364
120	92	600	234	8000	367
130	97	650	242	9000	368
140	103	700	248	10000	370
150	108	750	254	15000	375
160	113	800	260	20000	377

*Petunjuk : N Bil. Populasi dan S Bil. Sampel

Diadaptasi dari Azizi Yahaya, Voo, P, Ismail Maakip, & Mohd Dahlan A. Malek, 2017

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3. 3 Instrumen Kajian

Instrumen kajian gejala buli siber dan implikasi terhadap emosi, motivasi dan sosial murid sekolah menengah terdiri daripada set borang soal selidik yang dibahagikan kepada beberapa bahagian. Bahagian A terdiri daripada item mengenai aspek demografi dan latar belakang responden. Dalam bahagian ini ia melibatkan dua item iaitu jantina iaitu sama ada lelaki atau perempuan dan item kedua adalah bangsa yang merangkumi bangsa Melayu, Cina, India mahupun bangsa lain. Manakala Bahagian B set soal selidik ini mengandungi sejumlah 10 item mengenai situasi gejala buli siber yang dialami murid Tingkatan Empat sekolah menengah. Bahagian C pula merupakan item-item pemboleh ubah implikasi emosi, motivasi dan sosial dalam kalangan murid sekolah menengah.

Instrumen kajian yang dibina penyelidik adalah bertujuan untuk mengukur situasi gejala buli siber serta hubungannya terhadap implikasi emosi, motivasi dan sosial dalam kalangan murid sekolah menengah di Bandar Seberang Jaya. Untuk itu penyelidik mendapatkan pengesahan dua orang pakar bagi menilai kesahan kandungan soal selidik dari aspek kesahan muka dan juga kesahan isi soal selidik sebelum kajian rintis dilaksanakan bagi tujuan membuat kesahan kebolehpercayaan soal selidik yang dibina tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Soal selidik ini terbahagi kepada tiga bahagian. Implikasi emosi berdasarkan set soal selidik kajian ini mengandungi 10 item yang perlu dijawab responden. Di samping itu, dalam bahagian C juga melibatkan item berkaitan implikasi terhadap motivasi murid yang menjadi sasaran pembuli siber yang merangkumi 10 item. Manakala yang terakhir adalah berkaitan pemboleh ubah implikasi sosial yang turut mengandungi 10 item mengenai implikasi sosial yang dialami murid. Ini menjadikan keseluruhan jumlah item dalam bahagian C instrumen kajian gejala buli siber dan implikasi emosi, motivasi dan sosial terhadap murid sekolah adalah 30 item soal selidik lima skala Likert.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3. 3. 1 Soal Selidik Gejala Buli Siber

Item berkaitan soal selidik buli siber dan keganasan atas talian ini telah diadaptasikan dari Hinduja dan Patchin (2009 & 2013), Patchin dan Hinduja (2006). Fokus utama soal selidik ini adalah untuk mengukur tahap situasi buli siber yang dialami yang terdiri daripada murid sekolah menengah. Soal selidik ini mengandungi 10 item yang memerlukan responden memberikan justifikasi pilihan jawapan pada lima skala Likert iaitu Sangat setuju (5), Setuju (4), Kurang setuju (3), Tidak setuju (2) dan Sangat tidak setuju (1). Jumlah skor yang paling tinggi diperolehi responden menunjukkan bahawa persetujuan pelajar terhadap situasi buli siber yang dinyatakan. Oleh yang demikian, jumlah skor saringan sampel akan dianalisis mengikut tahap

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

normal, ringan, sederhana, teruk dan sangat teruk situasi buli siber yang dialami mangsa.

Sepuluh item gejala buli siber yang terdapat dalam instrumen ini mengukur mengenai sepuluh situasi yang dialami murid semasa di atas talian. Item-item yang tersebut adalah seperti yang terdapat dalam Jadual 3. 3 berikut :

Jadual 3. 3

Item Gejala buli siber

No Item	Situasi buli siber
1	Menerima komen negatif yang tidak membina.
2	Gambar peribadi disebarkan tanpa kebenaran.
3	Video dimuat naik *(upload)* tanpa kebenaran.
4	Difitnah.
5	Mendapat komen yang memalukan.
6	Diugut oleh individu yang tidak dikenali.
7	Dipersendakan.
8	Menerima kritikan yang memalukan.
9	Menerima gangguan seksual.
10	Penyebaran maklumat peribadi tanpa kebenaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.3.2 Soal Selidik Implikasi Emosi

Manakala bagi item soal selidik implikasi emosi pula, penyelidik menggunakan instrumen yang diadaptasi dan diubahsuai dari soal selidik Gangguan Siber Pelajar (*Cyber-Harassment Student Survey*) yang mengandungi 10 item. Soal selidik ini digunakan bagi tujuan mengukur implikasi emosi yang dialami mangsa buli siber dalam kalangan murid sekolah. Ia mengandungi lima pilihan jawapan yang bermula dari Sangat setuju (5) , Setuju (4), Kurang setuju (3) dan seterusnya Tidak setuju (2) dan yang terakhir adalah Sangat tidak setuju (1). Instrumen ini telah diadaptasi dan diubahsuai dari Beran dan Li (2005) serta beberapa item lain daripada Che Hasniza Che Noh, Mohd Yusri Ibrahim, dan Fatimah Yusooff (2018).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3. 4 merupakan spesifikasi 10 item dalam instrumen kajian ini yang mengukur implikasi emosi dan perlu dijawab responden.

Jadual 3. 4

Item Implikasi emosi

No Item	Implikasi emosi
1	Berasa marah.
2	Berasa takut dan berada dalam bahaya.
3	Berasa malu gambar dan video peribadi dimuat naik tanpa kebenaran.
4	Berasa kecewa menerima komen negatif dan kritikan.
5	Berasa cemas menerima gangguan seksual dari individu yang tidak dikenali.
6	Berasa sedih menerima ejekan.
7	Berasa resah difitnah.
8	Mudah tersinggung.
9	Berasa benci pada diri sendiri.
10	Berasa tertekan.

3.3.3 Soal Selidik Implikasi Motivasi

Soal selidik Kesihatan Pesakit Untuk Remaja (*Patient Health Questionnaire PHQ-9*) yang diadaptasi dan diubah suai dari Jose, Craig, dan Lela (2018) serta beberapa item lagi turut diubah suai dari Tiong et al., (2018) serta dari Che Hasniza Che Noh, Mohd Yusri Ibrahim dan Fatimah Yusooff (2018). Keseluruhannya 10 item telah dibina penyelidik untuk keperluan kajian yang memfokuskan kepada mengukur implikasi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

motivasi terhadap murid sekiranya dibuli siber. Responden perlu membuat justifikasi pilihan jawapan daripada lima skala Likert pilihan jawapan yang bermula dengan Sangat setuju (5), Setuju (4), Kurang setuju (3), Tidak setuju (2) dan yang terakhir adalah Sangat tidak setuju (1).

Implikasi motivasi merupakan antara item yang terdapat dalam instrumen kajian gejala buli siber dan implikasi emosi, motivasi dan sosial dalam kalangan murid. Jadual 3. 5 berikut mencakupi 10 item bahagian C yang dibina bagi mengukur mengenai implikasi motivasi yang berlaku kepada murid seandainya mereka dibuli siber.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3. 5

Item Implikasi motivasi

No Item	Implikasi motivasi
1	Tiada keseronokan melakukan sesuatu perkara.
2	Tidak berkemampuan melakukan perkara yang hendak dilakukan.
3	Rasa bersalah dalam semua perkara.
4	Benci pada penampilan diri.
5	Tidak yakin untuk bergaul.
6	Mudah berasa bosan.
7	Merasa diri tidak berguna.
8	Merasa diri seorang yang gagal.
9	Menghampakan diri dan keluarga.
10	Sukar menumpukan perhatian terhadap semua perkara.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.3.4 Soal Selidik Implikasi Sosial

Seterusnya adalah mengenai soal selidik yang mengukur situasi implikasi sosial yang dialami murid akibat perbuatan dibuli siber. Dalam soal selidik yang mengandungi 10 item ini, responden perlu memberikan justifikasi pilihan jawapan daripada lima skala Likert. Pilihan jawapan yang dimaksudkan adalah Sangat setuju (5), Setuju (4), Kurang setuju (3) dan juga Tidak setuju (2) manakala pilihan yang terakhir adalah Sangat tidak setuju (1). Item soal selidik ini telah diadaptasi dan diubahsuai dari Russell (1996) dan dari Peyton-Brown (2010).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sebanyak 10 item dalam instrumen kajian ini melibatkan pengukuran tentang implikasi sosial yang dialami murid seandainya dibuli secara atas talian. Berikut disertakan Jadual 3. 6 mengenai 10 item bahagian C berkaitan implikasi sosial.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3. 6

Item Implikasi sosial

No Item	Implikasi sosial
1	Rasa tidak diperlukan rakan-rakan.
2	Rasa tiada sesiapa untuk meminta pertolongan.
3	Rasa bukan sebahagian dari rakan-rakan.
4	Sering kali terlibat dengan pergaduhan di atas talian.
5	Rasa persahabatan dengan rakan-rakan tergugat.
6	Mengelakkan diri dari bergaul dengan rakan-rakan.
7	Berhenti mengikuti sebarang aktiviti dengan rakan-rakan.
8	Berpendapat jaringan sosial (*social networking*) mendatangkan kesan negatif terhadap perhubungan persahabatan.
9	Rasa tidak diterima rakan-rakan.
10	Rasa kesunyian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berikut adalah Jadual 3. 7 yang memperincikan mengenai taburan item dalam instrumen berkaitan kajian yang dilaksanakan ini.

Jadual 3. 7

Taburan Item Soal Selidik Mengikut Aspek Kajian

Perkara	Nombor Item	Jumlah
Bahagian A		
Latar belakang responden	1, 2	2
Bahagian B		
Situasi buli siber	1, 2, 3, 4, 5, 6, 7, 8, 9, 10	10
Bahagian C		
C 1 Implikasi emosi	1, 2, 3, 4,5, 6, 7, 8, 9, 10	10
C 2 Implikasi motivasi	1, 2, 3, 4, 5, 6, 7, 8, 9, 10	10
C 3 Implikasi sosial	1, 2, 3, 4, 5, 6, 7, 8, 9, 10	10
Jumlah		42

Penyelidik menggunakan skala Likert sebagai jenis pengukuran dalam kajian ini. Seperti mana yang dinyatakan Azizi Yahaya et al., (2017) menggunakan lima skala Likert adalah lebih mudah untuk disediakan. Selain itu juga, skala Likert adalah berasaskan data empirikal yang menjurus kepada maklum balas responden serta dapat menghasilkan lebih banyak skala sama jenis. Lebih penting lagi skala ini mampu menyumbang kepada bertambahnya kemungkinan satu unit sikap atau situasi diukur kemudiannya sekali gus meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen berkenaan. Responden kajian perlu memberikan justifikasi pilihan jawapan dengan menandakan persetujuan atau ketidakpersetujuan terhadap setiap pernyataan yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bermula dengan skala lima mata, "sangat setuju" sehingga ke skala satu mata, "sangat tidak setuju". Ini seperti yang dinyatakan dalam penjelasan Jadual 3. 8 skala Likert berikut:

Jadual 3. 8

Skala Likert dalam kajian

Skor	Maklum balas
1	Sangat tidak setuju (STS)
2	Tidak setuju (TS)
3	Kurang setuju (KS)
4	Setuju (S)
5	Sangat setuju (SS)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4 Kajian Rintis

Kajian rintis bagi penyelidikan ini dijalankan di sebuah sekolah yang berada dalam daerah yang sama penyelidik menjalankan kajian sebenar iaitu Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang. Penyelidik memilih sampel kajian untuk kajian rintis dari kalangan murid Tingkatan Empat yang terdiri dari murid lelaki dan juga murid perempuan dari sekolah berkenaan. Penyelidik menggunakan instrumen kajian yang telah dibina sendiri khusus untuk mendapatkan nilai pekali *Cronbach Alpha* kajian gejala buli siber dan implikasi emosi, motivasi dan sosial dalam kalangan murid sekolah menengah. Soal selidik tersebut telah melalui proses ubahsuai dan adaptasi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dari *Cyberbullying and Online Aggression Survey Instrument*, *Cyber-Harassment Student Survey*, *Patient Health Questionnaire PHQ-9* dan Soal Selidik Skala Kesunyian (UCLA V-3). Sampel kajian rintis ini pula terdiri daripada 30 orang murid Tingkatan Empat dari salah sebuah sekolah di Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang, merangkumi murid lelaki dan perempuan dari pelbagai bangsa serta tidak terlibat sebagai sampel dalam penyelidikan yang dijalankan ini. Pemilihan 30 orang murid Tingkatan Empat sebagai sampel kajian rintis adalah bersesuaian dengan (Johanson & Brooks, 2010) yang mencadangkan bahawa jumlah minimum sampel yang diperlukan untuk sesebuah kajian rintis untuk kaedah kajian tinjauan memadai dengan sekurang-kurangnya 30 sampel sahaja. Di samping itu, pemilihan sampel kajian rintis yang terhad dilakukan bagi mengelakkan dari penyelidik mengganggu masa belajar murid terbabit. Manakala tempoh masa yang diperuntukkan bagi sampel menjawab set soal selidik yang disediakan adalah dengan hanya mengambil masa 20 minit sahaja.

Tujuan kajian rintis dilaksanakan adalah untuk mengetahui kesahan set soal selidik yang dibina sama ada murid berkenaan memahami pernyataan yang terdapat dalam soal selidik yang diberikan atau sebaliknya. Menurut Azizi Yahaya et al., (2017) kesahan sesuatu alat pengukuran dalam konteks kajian ini terutamanya merupakan set soal selidik yang dibina penyelidik yang merujuk kepada sejauh mana alat pengukur ataupun soal selidik tersebut mengukur data yang hendak diukur penyelidik dalam kajiannya. Manakala kebolehpercayaan dalam kajian kuantitatif pula melibatkan ketekalan dan kestabilan sesuatu ukuran sekiranya dilakukan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berulang kali pada bila-bila masa sahaja dengan melalui kaedah yang sama semestinya instrumen ataupun soal selidik yang dibina tersebut hasilnya sama dan boleh dipercayai.

Kajian rintis untuk penyelidikan ini dijalankan sendiri oleh penyelidik dengan mengedarkan instrumen berkenaan kepada sampel kajian untuk mendapatkan nilai kebolehpercayaan nilai pekali *Cronbach Alpha.* Penyelidik mendapatkan surat kebenaran dan kelulusan dari semua pihak yang terlibat iaitu pihak UPSI, BPPDP (KPM), JPNPP dan juga sekolah terlibat supaya memudahkan proses menjalankan kajian rintis berdasarkan paparan di bahagian lampiran (Lampiran A, B dan C). Maka dengan itu, sebelum kajian rintis dijalankan, penyelidik terlebih dahulu mengemukakan surat kelulusan yang diperoleh dari Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia bagi mendapatkan kebenaran menjalankan kajian rintis kepada pihak Jabatan Pelajaran Negeri Pulau Pinang untuk urusan mendapatkan kelulusan pihak JPNPP. Kemudiannya, surat kelulusan dari BPPDP dan juga dari JPNPP pula dikemukakan pula kepada Pengetua sekolah berkenaan supaya memenuhi keperluan mendapatkan kebenaran menjalankan kajian rintis di sekolah terbabit. Lampiran surat tersebut seperti yang tertera di bahagian lampiran (Lampiran A dan B).

Data kajian rintis yang diperoleh di analisa dengan menggunakan perisian (*SPSS)* versi 23.0 bertujuan untuk menguji tahap ketekalan dalaman instrumen yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menggunakan pekali *Cronbach Alpha.* Ini dijelaskan Noraini Idris (2013) bahawa *Cronbach Alpha* merupakan salah satu cara untuk menentukan nilai kebolehpercayaan yang mana melibatkan ukuran ketekalan dalaman dan ditentukan dengan menggunakan satu ujian sahaja. Nilai *Cronbach Alpha* yang diperoleh ditentukan berdasarkan Jadual 3. 9 pekali *Cronbach Alpha* dan analisis data *Cronbach Alpha* bagi kajian rintis ini dipaparkan dalam ruangan lampiran (Lampiran E). Nilai yang diperolehi menunjukkan bahawa kesahan dan juga tahap kebolehpercayaan bagi item-item soal selidik dalam kajian ini adalah berada dalam lingkungan tahap yang boleh diterimapakai seperti terdapat dalam Jadual 3. 9.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3. 9

Pekali Cronbach Alpha

Nilai Pekali *Cronbach Alpha*	Tahap
$\alpha \geq 0.9$	Sangat baik
$0.9 > \alpha \geq 0.8$	Baik
$0.8 > \alpha \geq 0.7$	Boleh diterima
$0.7 > \alpha \geq 0.6$	Boleh dipersoalkan
$0.6 > \alpha \geq 0.5$	Lemah
$0.5 > \alpha$	Tidak boleh diterima

Diadaptasi dari Balkishan Sharma, 2016

Analisis data kajian rintis penyelidikan ini telah memperoleh nilai *Cronbach Alpha* sebanyak 0.825. Oleh itu, kesahan dan tahap kebolehpercayaan bagi item-item soal selidik penyelidikan ini adalah berada pada tahap yang baik. Ini disokong Aliff

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Nawi, Gamal Abdul Nasir Zakaria, Norkhairiah Hashim, dan Chua Chy Ren (2015) yang mengatakan bahawa skor nilai pekali *Croncbach Alpha* yang melebihi 0.70 bermakna kebolehpercayaan item-item soal selidik yang digunakan dalam sesebuah kajian adalah baik.

Kajian rintis yang dijalankan ini melibatkan empat konstruk yang diuji kesahannya. Konstruk yang dimaksudkan adalah situasi gejala buli siber, implikasi emosi, implikasi motivasi dan yang terakhir merupakan implikasi sosial. Dapatan kajian rintis yang dilaksanakan menunjukkan nilai *Croncbach Alpha* bagi 10 item gejala buli siber ialah 0.916 dan ini merupakan suatu nilai yang sangat baik nilai pekali *Alpha* item berkenaan. Manakala konstruk implikasi emosi yang juga mempunyai sejumlah 10 item kesemuanya menunjukkan nilai *Cronbach Alpha* sebanyak 0.747 dan ia berada pada item-item tersebut boleh diterima dalam penyelidikan yang dijalankan ini. Seterusnya adalah nilai *Cronbach Alpha* bagi 10 item konstruk implikasi motivasi iaitu sebanyak 0.794 dan konstruk yang terakhir pula mempunyai nilai *Cronbach Alpha* 0.791. Dengan nilai pekali *Alpha* yang diperoleh bagi item konstruk implikasi motivasi dan sosial, item-item berkenaan boleh digunakan sebagai instrumen untuk soal selidik kajian yang akan dijalankan. Ini kerana nilai pekali *Alpha* item-item tersebut berada pada tahap boleh diterima. Berikut adalah Jadual 3. 10 yang memaparkan nilai *Cronbach Alpha* bagi setiap konstruk yang dikaji.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3. 10

Nilai Cronbach Alpha bagi setiap konstruk

Konstruk	Nilai *Cronbach Alpha* kajian rintis
Situasi gejala buli siber	0.916
Implikasi emosi	0.747
Implikasi motivasi	0.794
Implikasi sosial	0.791
Kebolehpercayaan keseluruhan soal selidik	0.825

Justeru, kebolehpercayaan item-item bagi keempat-empat konstruk mempunyai nilai melebihi 0.500 iaitu sebanyak 0.825. Nilai yang diperoleh melalui kajian rintis tersebut sangat bersesuaian dan boleh diterima. Nilai *Cronbach Alpha* adalah tinggi dan berada dalam julat yang sesuai dan ketekalan alat pengukur adalah boleh dipercayai. Sebagaimana yang dinyatakan Aliff Nawi et al., (2015), nilai pekali *Alpha* yang melebihi 0.7 boleh diterima dan jika dilihat nilai pekali *Alpha* untuk kajian rintis ini nilai yang diperoleh melebihi 0.7 iaitu 0.825. Selain itu juga, hasil pelaksanaan kajian rintis ini menunjukkan soal selidik yang dibina bersesuaian dan bertepatan dengan objektif kajian bagi penyelidikan yang dijalankan ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3. 5 Prosedur Pengumpulan Data

Manakala selanjutnya pula adalah mengenai proses pengumpulan data untuk kajian yang dijalankan ini. Dalam menjalankan sebarang kajian, menjadi satu keperluan kepada penyelidik untuk mematuhi prosedur-prosedur tertentu yang telah ditetapkan.

Penyelidik terlebih dahulu telah memohon kebenaran dan mendapat kelulusan daripada pihak Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP), Kementerian Pendidikan Malaysia seperti yang tertera di lampiran (Lampiran A). Setelah kelulusan telah diperoleh dari pihak (BPPDP), penyelidik mendapatkan pula kebenaran dan kelulusan daripada Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) untuk menjalankan kajian seperti yang dilampirkan di (Lampiran B). Kemudiannya pula, prosedur mendapatkan kelulusan diteruskan penyelidik dengan mendapatkan kebenaran menjalankan kajian di sekolah-sekolah terpilih. Surat-surat kelulusan dan permohonan kebenaran serta surat pengesahan menjalankan kajian dari pihak UPSI yang tertera di lampiran (Lampiran D) untuk proses menjalankan kajian dikemukakan kepada pihak pentadbiran sekolah-sekolah yang terlibat bagi memudahkan urusan mentadbir kajian tinjauan dijalankan.

Sebaik sahaja kebenaran diperoleh penyelidik mengedarkan sejumlah 50 set soal selidik kepada pihak sekolah yang terlibat untuk diberikan kepada sampel.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Responden perlu memberi maklum balas dengan membuat pilihan jawapan pada ruang yang disediakan dalam instrumen kajian gejala buli siber dan implikasi terhadap murid sekolah menengah yang disediakan dalam tempoh yang ditetapkan. Instrumen kajian terdiri daripada set borang soal selidik yang dibahagikan kepada beberapa bahagian. Bahagian A terdiri daripada item mengenai aspek demografi responden. Dalam bahagian ini melibatkan dua item yang perlu dijawab oleh sampel yang terpilih iaitu item berkaitan jantina dan bangsa. Manakala Bahagian B set soal selidik ini mengandungi sejumlah 10 item mengenai Gejala Buli Siber yang diadaptasi dan diubahsuai dari Hinduja dan Patchin (2009; 2013), Patchin dan Hinduja (2006). Bahagian ini mempunyai lima pilihan jawapan skala Likert yang mengukur situasi buli siber yang berlaku terhadap mangsa melalui pelbagai medium perhubungan telekomunikasi dan elektronik.

Seterusnya pula adalah Bahagian C melibatkan item-item yang meliputi aspek implikasi terhadap emosi, motivasi dan sosial dalam kalangan murid Tingkatan Empat akibat daripada perbuatan dibuli siber. Item yang dimaksudkan merujuk kepada implikasi yang dialami murid berkaitan dengan kesan emosi. Keseluruhannya mengandungi sebanyak 10 item dan lima skala Likert pilihan jawapan yang telah diadaptasi dan diubahsuai dari Soal Selidik Gangguan Siber Pelajar (*Cyber-Harassment Student Survey*) oleh (Beran & Li, 2005) serta beberapa item lagi yang turut diubah suai dan diadaptasi dari (Che Hasniza Che Noh, Mohd Yusri Ibrahim & Fatimah Yusooff, 2018).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala item berkaitan motivasi pula mengandungi 10 item dan diadaptasi serta diubahsuai dari Soal Selidik Kesihatan Pesakit Untuk Remaja (*Patient Health Questionnaire PHQ-9)* (Jose et al., 2018) dan juga beberapa item dari Tiong et al., (2018) serta dari (Che Hasniza Che Noh, Mohd Yusri Ibrahim & Fatimah Yusooff, 2018). Kemudiannya yang terakhir adalah berkaitan pemboleh ubah kesan sosial yang dialami murid rentetan dibuli siber. Dalam soal selidik mengenai kesan sosial terdapat sebanyak 10 item keseluruhannya. Soal selidik Skala Kesunyian (UCLA) ini telah diadaptasikan dan diubah suai dari (Russell, 1996) dan juga dari (Peyton-Brown, 2010). Responden perlu membuat pilihan jawapan dari lima skala Likert yang mengukur situasi hubungan sosial yang dihadapi mangsa sekiranya berdepan dengan ancaman buli siber.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Setelah segala urusan yang diperlukan diatur rapi, penyelidik menyerahkan set soal selidik yang disediakan kepada guru kaunseling sekolah-sekolah terbabit untuk membantu melaksanakan dan mentadbir kajian. Setelah siap responden memberi maklum balas, soal selidik berkenaan dikumpul semula dan diserahkan kepada penyelidik untuk proses seterusnya iaitu menganalisis data bagi memperoleh hasil dapatan kajian yang dilaksanakan tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.6 Analisis Data Kajian Tinjauan (Soal Selidik)

Penganalisisan data bagi kajian ini keseluruhannya dianalisis menggunakan Pakej Statistik untuk Sains Sosial (*SPSS)* versi ke 23.0 yang melibatkan penggunaan statistik jenis deskriptif dan inferensi. Dalam konteks kajian ini, statistik inferensi akan melihat kepada hubungan ataupun korelasi yang terdapat antara dua pemboleh ubah iaitu gejala buli siber dan implikasi yang dialami murid sekolah menengah iaitu pemboleh ubah emosi, motivasi dan juga sosial. Manakala statistik deskriptif digunakan bagi menganalisis pemboleh ubah gejala buli siber. Kaedah statistik deskriptif (kekerapan, peratusan dan min) dalam kajian ini dilakukan penyelidik bagi memudahkan pentafsiran data berkaitan situasi gejala buli siber yang berlaku dalam kalangan murid sekolah menengah. Situasi gejala buli siber yang terdapat dalam instrumen kajian ini merangkumi 10 situasi yang dialami murid sekolah menengah.

Penganalisisan data deskriptif dilakukan bertujuan untuk melihat hasil kajian dalam bentuk kekerapan, peratus dan min situasi buli siber yang berlaku iaitu sama ada pada berada pada tahap tinggi, sederhana dan rendah yang dialami murid. Skor min purata yang diperoleh ditentukan bagi mengenal pasti ukuran kecenderungan memusat data yang diperoleh dalam kajian ini mengenai situasi gejala buli siber yang berlaku dalam kalangan murid Tingkatan Empat sekolah menengah. Asas skala yang digunakan adalah berdasarkan lima skala Likert iaitu Sangat tidak setuju mewakili 1

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mata, Tidak setuju – 2, Kurang setuju – 3, Setuju – 4 mata dan yang terakhir adalah Sangat setuju – 5 mata.

Maka bagi menentukan tahap setiap aspek yang dikaji pula penyelidik meletakkan tiga tahap penilaian iaitu tahap rendah, sederhana dan tinggi. Menurut Davies (1977), dalam menentukan tahap yang dinyatakan itu kaedah yang dilakukan adalah dengan mengambil nilai-nilai skor min tertinggi kemudiannya ditolak dengan skor min terendah (5 – 1 = 4) dan dibahagikan pula kepada tiga tahap yang dikehendaki iaitu tinggi berada dalam lingkungan 3.67 hingga 5.00 skor min, sederhana pula adalah 2.34 hingga 3.66 skor min dan 1.00 hingga 2.33 pula berada di tahap rendah. Tahap penilaian terhadap responden mengikut min berkaitan situasi gejala buli siber yang dialami mereka berdasarkan tahap tinggi sehingga ke tahap rendah ditentukan mengikut kepada Jadual 3. 11 berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3. 11

Interpretasi Skor Min dan Situasi Gejala Buli Siber yang Dialami Murid

Skor Min	Tahap	Interpretasi
1.00 – 2.33	Rendah	Jarang mengalami situasi buli siber
2.34 – 3.66	Sederhana	Pernah mengalami situasi buli siber
3.67 – 5.00	Tinggi	Selalu mengalami situasi buli siber

Diadaptasi dari Davies (1977)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya pula adalah mengenai analisis data inferensi dalam kajian ini, dengan melakukan analisis korelasi atau hubungan. Analisis korelasi ataupun hubung kait melibatkan kaitan yang terdapat antara pemboleh ubah bebas dan juga pemboleh ubah bersandar. Penyelidik secara lebih terperinci akan melihat kepada kekuatan hubung kait seperti lemah, sederhana ataupun kuat hubungan antara pemboleh ubah berkaitan, arah sama ada positif ataupun negatif serta bentuk hubung kait yang didapati dari pemboleh ubah tersebut iaitu dari aspek wujud atau tidak wujud hubungan antara pemboleh ubah berkenaan (Noraini Idris, 2013).

Analisis ujian korelasi *Pearson* dalam konteks kajian ini dilakukan bagi menentukan kekuatan serta arah hubungan antara gejala buli siber dan implikasi emosi, implikasi motivasi serta implikasi sosial yang berlaku dalam kalangan murid sekolah menengah. Jadual 3. 12 berikut menunjukkan nilai tafsiran pekali korelasi yang akan ditentukan dari hasil analisis statistik inferensi dan akan dilakukan dalam Bab 4 kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3. 12

Tafsiran Pekali Korelasi

Pekali	Penerangan
± . 90 hingga 1. 00	Korelasi sangat tinggi
± . 70 hingga . 90	Korelasi tinggi
± . 50 hingga . 70	Korelasi yang sederhana
± . 30 hingga . 50	Korelasi rendah
. 00 hingga ± . 30	Lemah, jika ada korelasi

Nota, Setiap nilai adalah sama ada positif atau negatif.

Diadaptasi dari Noraini Idris, 2013

Ujian normaliti dijalankan bagi melihat sama ada data yang diperoleh dari soal selidik yang dijalankan terhadap sampel yang terpilih memenuhi tahap kenormalan data ataupun sebaliknya. Ujian dilakukan dengan melihat histogram melalui paparan normal curve dan disokong pula dengan nilai skewness dan kurtosis. Ini sebagaimana yang dijelaskan Othman Talib (2015) kenormalan data sampel bermaksud data sampel yang diperoleh apabila diplot akan menghasilkan graf poligon berbentuk "menghampiri normal. Semakan kenormalan data boleh dilakukan dengan perisian (SPSS) melalui beberapa cara pengujian antaranya adalah ujian kenormalan *Kromogorov-Smirnov (KS)* dan *Shapiro-Wilk* (*SW),* nilai skewness, kurtosis serta beberapa ujian lain (Othman Talib, 2015).

Penyelidik telah menjalankan ujian normaliti *Kolmogorov-Smirnov (KS) dan Shapiro-Wilk (SW)* terlebih dahulu dan hasil yang diperoleh dari ujian tersebut digunakan bagi melihat sama ada data bertaburan normal atau sebaliknya. Oleh yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

demikian, nilai ujian normaliti dalam paparan Jadual 3.13 di bawah menunjukkan nilai yang signifikan dan bertabur secara normal bagi setiap pemboleh ubah kajian. Seterusnya taburan normal tersebut membuktikan kajian ini layak diteruskan. Berikut merupakan Jadual 3. 13, hasil ujian normaliti yang telah dilaksanakan.

Jadual 3. 13

Nilai ujian normaliti.

	Shapiro-Wilk		
Pemboleh ubah	Statistic	df	Sig.
jumlah gejala buli	.839	250	.000
jumlah emosi	.949	250	.000
jumlah motivasi	.989	250	.063
jumlah sosial	.987	250	.021

a. Lilliefors Significance Correction

05-4506832 ptbupsi

3.7 Rumusan

Secara keseluruhannya, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap gejala buli siber serta implikasinya terhadap murid sekolah menengah dari aspek emosi, motivasi serta sosial yang dialami murid akibat menjadi mangsa pembuli siber. Oleh yang demikian, dengan dapatan yang diperoleh dari hasil kajian ini penyelidik dapat menyumbang maklumat yang diperlukan penyelidik-penyelidik lain bagi meluaskan lagi penyelidikan tentang topik berkenaan. Tambahan lagi, penyelidikan ini turut membantu pihak-pihak berkenaan dalam usaha membanteras penularan gejala buli

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

siber yang berkecenderungan menjejaskan tahap kesihatan mental dan psikologi dalam kalangan murid sekolah khususnya. Murid yang sihat mental berupaya mencapai potensi diri yang cemerlang serta memantapkan lagi tahap penguasaan akademik dan kokurikulum yang optimum. Sejajar dengan peranan mereka sebagai generasi akan datang yang bakal memimpin dan mencorak masa depan keluarga, masyarakat dan negara dan agama.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.0 Pendahuluan

Bab ini membentangkan hasil dapatan dan keputusan analisis kajian bagi data kuantitatif yang diperolehi dari soal selidik Gejala Buli Siber Dan Implikasi Terhadap Emosi, Motivasi Dan Sosial dalam kalangan murid sekolah menengah di bandar Seberang Jaya. Penjelasan terperinci dinyatakan mengikut kepada susunan objektif kajian berikut:

i. Mengenal pasti situasi gejala buli siber yang berlaku dalam kalangan murid sekolah menengah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ii. Menentukan hubung kait antara gejala buli siber dan implikasi emosi dalam kalangan murid sekolah menengah.
iii. Menentukan hubung kait antara gejala buli siber dan implikasi motivasi dalam kalangan murid sekolah menengah.
iv. Menentukan hubung kait antara gejala buli siber dan implikasi sosial dalam kalangan murid sekolah menengah.

Penyelidikan ini melibatkan dua jenis statistik dalam menganalisis data iaitu statistik deskriptif dan juga statistik inferensi. Kesemua data daripada borang soal selidik di analisis secara deskriptif menggunakan analisis deskriptif dan juga hubungan korelasi. Statistik deskriptif digunakan dalam menganalisis data berkaitan situasi gejala buli siber dalam kalangan murid sekolah menengah dengan melibatkan proses analisa data dalam bentuk frekuensi (f), peratusan (%) dan min. Manakala bagi statistik inferensi pula dilakukan dengan melihat korelasi iaitu hubungan antara situasi gejala buli siber dan implikasi terhadap emosi, motivasi dan sosial dalam kalangan murid sekolah menengah. Analisis data tersebut dilakukan menggunakan korelasi Pearson *r*. Data dikutip melibatkan responden kajian yang terdiri daripada 250 orang murid Tingkatan Empat sekolah menengah di Bandar Seberang Jaya, Pulau Pinang.

Secara ringkas hasil dapatan kajian diperincikan seperti berikut:

1. Latar belakang responden.
2. Situasi gejala buli siber dalam kalangan murid sekolah menengah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3. Korelasi atau hubung kait antara gejala buli siber dan implikasi terhadap emosi, motivasi dan sosial dalam kalangan murid sekolah menengah.

4. 1 Latar Belakang Responden

Penganalisisan data dalam bahagian ini tertumpu kepada maklumat demografi ataupun latar belakang responden kajian yang difokuskan kepada faktor jantina dan bangsa murid. Data yang dianalisis menggunakan kekerapan dan peratusan manakala keputusan analisis data pula diperolehi dengan melakukan perbandingan antara kumpulan-kumpulan yang terdapat di dalam item latar belakang responden.

Berdasarkan Jadual 4. 1 berikut, bilangan responden kajian mengikut jantina adalah 117 orang terdiri daripada murid lelaki dan 133 orang pula merupakan murid perempuan. Mengikut bilangan peratusan pula responden dari kalangan murid perempuan merupakan peratusan tertinggi iaitu sebanyak 53.2% dan diikuti murid lelaki sebanyak 46.8%.

Jadual 4. 1

Taburan jantina responden kajian (N = 250)

Bil	Kategori	Kekerapan (N)	Peratus (%)
1.	Lelaki	117	46.8
2.	Perempuan	133	53.2

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala bagi item berkaitan latar belakang responden mengikut bangsa pula, merujuk kepada Jadual 4. 2, dinyatakan dalam empat kategori iaitu Melayu, Cina, India dan selebihnya termasuk dalam kategori lain-lain. Frekuensi tertinggi responden kajian ini mengikut bangsa merupakan dari kalangan murid berbangsa Melayu iaitu seramai 208 orang (83.2%). Seterusnya pula adalah dari kalangan responden berbangsa India iaitu 19 orang dan Cina seramai 18 orang yang terlibat. Ini menjadikan bilangan peratusan dari kedua-dua bangsa adalah (19%) dan juga (18%). Bagi bangsa lain pula adalah seramai lima orang murid Tingkatan Empat yang terlibat iaitu (2%) sahaja.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4. 2

Taburan bangsa responden kajian (N = 250)

Bil	Kategori	Kekerapan (N)	Peratus (%)
1.	Melayu	208	83.2
2.	Cina	18	7.2
3.	India	19	7.6
4.	Lain-lain	5	2

4 . 2 Analisis Statistik Deskriptif

Berdasarkan kajian yang dijalankan ini penyelidik melakukan analisis data yang diperoleh menggunakan kaedah analisis deskriptif dan juga analisis inferensi. Analisis deskriptif melibatkan analisis data dari aspek peratusan dan juga frekuensi terhadap

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

item-item yang terdapat dalam set soal selidik yang dibina khas penyelidik dalam kajian ini. Manakala analisis inferensi pula meliputi penganalisisan data menggunakan kaedah statistik korelasi *Pearson* yang menjurus kepada mengenal pasti hubungan yang terdapat antara dua pemboleh ubah. Berikut merupakan Jadual 4. 3 berkaitan ujian yang dilakukan berdasarkan persoalan kajian dalam penyelidikan ini.

Jadual 4. 3

Statistik untuk mengukur persoalan kajian

Bil	Persoalan kajian	Statistik
1.	Apakah situasi gejala buli siber yang berlaku dalam kalangan murid sekolah menengah?	Deskriptif
2.	Apakah hubung kait antara gejala buli siber dan implikasi emosi dalam kalangan murid sekolah menengah?	Korelasi
3.	Apakah hubung kait antara gejala buli siber dan implikasi motivasi dalam kalangan murid sekolah menengah?	Korelasi
4.	Apakah hubung kait antara gejala buli siber dan implikasi sosial dalam kalangan murid sekolah menengah?	Korelasi

Penyelidikan ini menggunakan soal selidik yang telah dibina pengkaji serta mengandungi 42 item dalam mengenal pasti sejauh mana situasi gejala buli siber yang berlaku dan hubungannya terhadap implikasi emosi, motivasi dan sosial dalam kalangan murid Tingkatan Empat sekolah menengah di Bandar Seberang Jaya, Pulau Pinang. Berdasarkan soal selidik yang dibina khas untuk kajian ini, terdapat empat konstruk utama iaitu situasi gejala buli siber dalam kalangan murid, implikasi emosi,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

implikasi motivasi dan juga implikasi sosial dalam kalangan murid sekolah menengah. Kesemua item dalam soal selidik kajian ini memerlukan pengukuran terhadap tahap persetujuan responden kepada pernyataan yang diberi menerusi lima skala Likert.

4. 2. 1 Persoalan Kajian Pertama

Apakah situasi gejala buli siber yang berlaku dalam kalangan murid sekolah menengah?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Konstruk situasi gejala buli siber mengikut kajian ini mengandungi sebanyak sepuluh item mengenai situasi buli siber yang dialami responden iaitu menerima komen negatif yang tidak membina, gambar peribadi disebarkan tanpa kebenaran, video dimuat naik (*upload*) tanpa kebenaran, difitnah, mendapat komen yang memalukan, diugut oleh individu yang tidak dikenali, dipersendakan, menerima kritikan yang memalukan, menerima gangguan seksual serta penyebaran maklumat peribadi tanpa kebenaran. Persetujuan responden terhadap pernyataan berkaitan situasi gejala buli siber yang dialami seperti yang dinyatakan menerusi item-item tersebut diukur menggunakan lima skala Likert.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kemudiannya item-item berkenaan dianalisis dan keputusan yang diperoleh pula direkodkan dalam bentuk jadual yang menunjukkan peratus dan min bagi setiap item**.** Interpretasi skor min dan situasi gejala buli siber yang dialami murid dilakukan menerusi klasifikasi min yang diadaptasi dari **(**Davies, 1977) dengan tujuan bagi mengenal pasti kekuatan dan kelemahan setiap konstruk yang dikaji. Asas skala yang digunakan dalam kajian ini melibatkan lima mata iaitu Sangat Tidak Setuju -1, Tidak Setuju -2, Kurang Setuju -3, Setuju -4 dan yang terakhir adalah Sangat Setuju -5. Kemudiannya pula, nilai-nilai skor tertinggi akan ditolak dengan skor terendah (5 – 1 = 4) dan dibahagikan pula kepada tiga tahap yang dimaksudkan. Oleh itu, berdasarkan kajian ini, penyelidik membahagikan kepada tiga tahap dalam mengukur skor min situasi gejala buli siber yang dialami murid iaitu rendah, sederhana dan tinggi sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 3.11 berikut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3. 11

Interpretasi Skor Min dan Situasi Gejala Buli Siber yang Dialami Murid

Skor Min	Tahap	Interpretasi
1.00 – 2.33	Rendah	Jarang mengalami situasi buli siber
2.34 – 3.66	Sederhana	Pernah mengalami situasi buli siber
3.67 – 5.00	Tinggi	Selalu mengalami situasi buli siber

Diadaptasi dari Davies (1977)

Jadual 4. 4 menunjukkan taburan deskriptif situasi gejala buli siber yang berlaku dalam kalangan murid Tingkatan Empat sekolah menengah di Bandar Seberang Jaya,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pulau Pinang bagi keseluruhan item. Hasil dapatan menunjukkan bahawa aspek yang dinilai adalah situasi gejala buli siber dan keseluruhannya berada pada aras rendah di mana skor min keseluruhan adalah 2.07.

Jadual 4. 4

Taburan Deskriptif Situasi Gejala Buli Siber bagi Keseluruhan Item

Item	N	Min
Situasi gejala buli siber	250	2.07

Secara keseluruhannya, bagi konstruk gejala buli siber terdapat sebanyak 10 item yang dinilai seperti yang dijelaskan dalam Jadual 4. 5 taburan kekerapan, peratus dan min item situasi gejala buli siber di bawah. Maka berdasarkan kajian ini sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini penyelidik mendapati bahawa situasi gejala buli siber pada keseluruhannya berada pada tahap rendah dengan skor min keseluruhan sebanyak 2.07. Item-item yang berada pada paras skor min sederhana adalah B1 menerima komen negatif yang tidak membina dengan nilai skor min 2.43 dan item B7 dipersendakan pula skor min 2.34. Manakala item-item lain berada pada paras rendah yang merangkumi item B2 gambar peribadi disebarkan tanpa kebenaran dengan skor min 2.00, B3 video dimuat naik (*upload*) tanpa kebenaran skor min 2.01 B4 difitnah skor min 1.99, B5 mendapat komen yang memalukan pula skor min adalah 2.03. Seterusnya masih lagi skor min item yang berada di aras rendah termasuklah item B6 diugut oleh individu yang tidak dikenali dengan nilai skornya 2.00, B8 menerima kritikan yang memalukan mempunyai nilai skor min 2.06, B9

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menerima gangguan seksual nilai skor min 1.90 dan yang terakhir adalah B10 penyebaran maklumat peribadi tanpa kebenaran yang memperoleh skor min 1.94.

Jadual 4. 5

Taburan kekerapan, peratus dan min item situasi gejala buli siber.

Bil	Pernyataan	STS	TS	KS	S	SS	Min
B1	Menerima komen negatif yang tidak membina.	55 (22)	84 (33.6)	68 (27.2)	34 (13.6)	9 (3.6)	2.43
B2	Gambar peribadi disebarkan tanpa kebenaran.	128 (51.2)	56 (22.4)	17 (6.8)	35 (14)	14 (5.6)	2.00
B3	Video dimuat naik (*upload*) tanpa kebenaran.	119 (47.6)	62 (24.8)	32 (12.8)	22 (8.8)	15 (6)	2.01
B4	Difitnah	118 (47.2)	68 (27.2)	27 (10.8)	22 (8.8)	15 (6)	1.99
B5	Mendapat komen yang memalukan.	103 (41.2)	80 (32)	36 (14.4)	19 (7.6)	12 (4.8)	2.03
B6	Diugut oleh individu yang tidak dikenali.	107 (42.8)	82 (32.8)	27 (10.8)	22 (8.8)	12 (4.8)	2.00
B7	Dipersendakan.	54 (21.6)	110 (44)	43 (17.2)	34 (13.6)	9 (3.6)	2.34
B8	Menerima kritikan yang memalukan.	95 (38)	89 (35.6)	29 (11.6)	31 (12.4)	6 (2.4)	2.06
B9	Menerima gangguan seksual	131 (52.4)	70 (28)	14 (5.6)	14 (5.6)	21 (8.4)	1.90
B10	Penyebaran maklumat peribadi tanpa kebenaran.	127 (50.8)	61 (24.4)	27 (10.8)	19 (7.6)	16 (6.4)	1.94
	Keseluruhan			2.07			

Sekiranya merujuk kepada Jadual 3. 11. (Davies, 1977), interpretasi skor min dan situasi gejala buli siber dalam kalangan murid jelas menunjukkan bahawa tahap

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

situasi gejala buli siber yang berlaku dalam kalangan murid sekolah menengah di Bandar Seberang Jaya, Pulau Pinang adalah berada di aras rendah. Ini diinterpretasikan sebagai responden kajian didapati jarang mengalami situasi buli siber sebagaimana yang telah dinyatakan dalam item soal selidik kajian ini.

4 . 3 Analisis Hipotesis

4 . 3. 1 Persoalan Kajian Dua

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Apakah hubung kait antara gejala buli siber dan implikasi emosi dalam kalangan murid sekolah menengah?

Berikut adalah Jadual 4. 6 yang menjelaskan mengenai taburan kekerapan, peratus dan min bagi 10 item dari konstruk implikasi emosi yang berlaku dalam kalangan murid sekolah menengah di Bandar Seberang Jaya, Pulau Pinang. Secara umumnya, hasil dapatan kajian dengan merujuk kepada analisis data Jadual 4. 6 didapati responden berisiko mengalami implikasi emosi sekiranya berhadapan dengan situasi gejala buli siber dan dinyatakan ia berada pada aras sederhana dengan nilai min purata sebanyak 3.457. Ini boleh dilihat dengan lebih terperinci hasil dapatan kajian berdasarkan kepada Jadual 4. 6 di mana antara item yang mencatatkan skor min aras

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tinggi adalah item C1.1 berasa marah dengan skor min 3.86, CI.3 berasa malu gambar dan video peribadi dimuat naik tanpa kebenaran skor min 3.84 dan juga C1.5 berasa cemas menerima gangguan seksual dari individu yang tidak dikenali skor min 3.72. Manakala item yang berada di aras sederhana pula merangkumi item-item lain iaitu C 1.2 berasa takut dan berada dalam bahaya dengan nilai skor min 3.26, C 1.4 berasa kecewa menerima komen negatif dan kritikan sebanyak 3.44, C1.6 berasa sedih menerima ejekan dengan nilai skornya adalah sebanyak 3.41. Selain itu juga, item C 1.7 berasa resah difitnah dan C1.8 mudah tersinggung kedua-duanya mencatatkan nilai skor min 3.48 dan 3.17. Bagi item yang turut mencatatkan nilai skor min pada aras sederhana termasuklah item C 1.9 dan C 1.10 iaitu berasa benci pada diri sendiri sebanyak 2.65 serta berasa tertekan dengan nilai skor 3.20.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4. 6

Taburan kekerapan, peratus dan min item implikasi emosi

Bil	Pernyataan	STS	TS	KS	S	SS	Min
C1.1	Berasa marah.	22 (8.8)	12 (4.8)	27 (10.8)	107 (42.8)	82 (32.8)	3.86
C1.2	Berasa takut dan berada dalam bahaya.	30 (12)	40 (16)	55 (22)	84 (33.6)	41 (16.4)	3.26
C1.3	Berasa malu gambar dan video peribadi dimuat naik tanpa kebenaran.	26 (10.4)	20 (8)	21 (8.4)	84 (33.6)	99 (39.6)	3.84
C1.4	Berasa kecewa menerima komen negatif dan kritikan.	25 (10)	34 (13.6)	40 (16)	109 (43.6)	42 (16.8)	3.44
C1.5	Berasa cemas menerima gangguan seksual dari individu yang tidak dikenali.	22 (8.8)	35 (14)	32 (12.8)	64 (25.6)	97 (38.8)	3.72
C1.6	Berasa sedih menerima ejekan.	19 (7.6)	39 (15.6)	51 (20.4)	103 (41.2)	38 (15.2)	3.41
C1.7	Berasa resah difitnah.	25 (10)	34 (13.6)	47 (18.8)	84 (33.6)	60 (24)	3.48
C1.8	Mudah tersinggung.	26 (10.4)	47 (18.8)	66 (26.4)	81 (32.4)	30 (12)	3.17
C1.9	Berasa benci pada diri sendiri.	61 (24.4)	53 (21.2)	71 (28.4)	43 (17.2)	22 (8.8)	2.65
C1.10	Berasa tertekan.	37 (14.8)	35 (14)	54 (21.6)	89 (35.6)	35 (14)	3.20
	Keseluruhan				3.457		

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4. 7

Keputusan Ujian Korelasi Antara Gejala Buli Siber Dan Implikasi Emosi Dalam Kalangan Murid Sekolah Menengah Di Bandar Seberang Jaya, Pulau Pinang.

		Jumlah gejala buli	Jumlah emosi
Jumlah gejala buli	Pearson Correlation	1	.117
	Sig. (2-tailed)		.064
	N	250	250
Jumlah emosi	Pearson Correlation	.117	1
	Sig. (2-tailed)	.064	
	N	250	250

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ho1 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara gejala buli siber dan implikasi emosi dalam kalangan murid sekolah menengah.

Daripada Jadual 4. 7 output korelasi yang dihasilkan melalui analisis data menunjukkan nilai korelasi Pearson , r = 0.117 , n = 250 dan nilai p = 0.064. Maka dengan itu apabila merujuk kepada Jadual 3.12 tafsiran pekali korelasi yang dicadangkan (Noraini Idris, 2013) boleh dirumuskan bahawa tidak wujud hubungan yang signifikan, antara gejala buli siber dan implikasi emosi yang dialami murid sekolah menengah di Bandar Seberang Jaya, Pulau Pinang. Nilai pekali kolerasi yang diperolehi menunjukkan tidak terdapatnya hubung kait antara kedua-dua pemboleh ubah disebabkan nilai yang dicatatkan adalah melebihi 0.05 iaitu ($p > 0.05$). Dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menentukan terdapatnya hubungan yang signifikan antara kedua-dua pemboleh ubah perlu mencatatkan nilai ($p < 0.05$).

4 . 3. 2 Persoalan Kajian Tiga

Apakah hubung kait antara gejala buli siber dan implikasi motivasi dalam kalangan murid sekolah menengah?

Hi2 : Terdapat hubungan yang signifikan di antara gejala buli siber dan implikasi motivasi dalam kalangan murid sekolah menengah.

Konstruk implikasi motivasi yang dinilai dalam soal selidik kajian ini mengandungi sebanyak 10 item keseluruhannya dan skor min purata bagi kesemua item dalam bahagian ini mencatatkan sebanyak 2.725 iaitu berada pada aras sederhana. Berdasarkan dapatan kajian yang dipaparkan menerusi Jadual 4. 8 didapati bahawa kesemua 10 item yang dinilai mencatatkan nilai skor min setiap satunya berada di aras sederhana setelah merujuk kepada Jadual 3.11 Interpretasi Skor Min dan Situasi Gejala Buli Siber yang Dialami Murid yang diadaptasi dari (Davies, 1977).

Sebagaimana yang dijelaskan dengan terperinci dalam Jadual 4. 8, item C 2.1 tiada keseronokan melakukan sesuatu perkara mencatatkan nilai skor min tertinggi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iaitu sebanyak 3.28. Item-item lain C2.2 tidak berkemampuan melakukan perkara yang hendak dilakukan 2.88, C2.3 rasa bersalah dalam semua perkara pula nilai skor adalah 2.66, C2.4 benci pada penampilan diri pula sebanyak 2.64 dan C2.5 tidak yakin untuk bergaul pula sebanyak 2.84. Seterusnya adalah item C2.6 mudah berasa bosan di mana nilai skor adalah 2.71, C 2.7 merasa diri tidak berguna dan C 2.8 merasa diri seorang yang gagal kedua-duanya nilai skor min adalah sebanyak 2.52 dan 2.41. Bagi item C 2.9 menghampakan diri dan keluarga pula nilai skor min adalah 2.38 dan item yang terakhir C2.10 sukar menumpukan perhatian terhadap semua perkara didapati nilai skor min adalah 2.93 di aras sederhana.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4. 8

Taburan kekerapan, peratus dan min item implikasi motivasi

Bil	Pernyataan	STS	TS	KS	S	SS	Min
C2.1	Tiada keseronokan melakukan sesuatu perkara.	31 (12.4)	41 (16.4)	39 (15.6)	106 (42.4)	33 (13.2)	3.28
C2.2	Tidak berkemampuan melakukan perkara yang hendak dilakukan.	39 (15.6)	46 (18.4)	83 (33.2)	70 (28)	12 (4.8)	2.88
C2.3	Rasa bersalah dalam semua perkara.	49 (19.6)	69 (27.6)	68 (27.2)	46 (18.4)	18 (7.2)	2.66
C2.4	Benci pada penampilan diri.	44 (17.6)	78 (31.2)	69 (27.6)	41 (16.4)	18 (7.2)	2.64
C2.5	Tidak yakin untuk bergaul.	43 (17.2)	52 (20.8)	76 (30.4)	61 (24.4)	18 (7.2)	2.84
C2.6	Mudah berasa bosan.	45 (18)	63 (25.2)	72 (28.8)	59 (23.6)	11 (4.4)	2.71
C2.7	Merasa diri tidak berguna.	62 (24.8)	63 (25.2)	71 (28.4)	41 (16.4)	13 (5.2)	2.52
C2.8	Merasa diri seorang yang gagal.	70 (28)	68 (27.2)	66 (26.4)	32 (12.8)	14 (5.6)	2.41
C2.9	Menghampakan diri dan keluarga.	69 (27.6)	74 (29.6)	62 (24.8)	34 (13.6)	11 (4.4)	2.38
C2.10	Sukar menumpukan perhatian terhadap semua perkara.	46 (18.4)	47 (18.8)	60 (24)	73 (29.2)	24 (9.6)	2.93
	Keseluruhan			2.73			

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4. 9

Keputusan Ujian Korelasi Antara Gejala Buli Siber Dan Implikasi Motivasi Dalam Kalangan Murid Sekolah Menengah Di Bandar Seberang Jaya, Pulau Pinang.

		Jumlah gejala buli	Jumlah motivasi
Jumlah gejala buli	Pearson Correlation	1	.144*
	Sig. (2-tailed)		.023
	N	250	250
Jumlah motivasi	Pearson Correlation	.144*	1
	Sig. (2-tailed)	.023	
	N	250	250

*. Correlation is significant at the 0.05 level (2-tailed).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya pula adalah mengenai output korelasi yang dihasilkan melalui analisis data yang dipaparkan melalui Jadual 4. 9 menunjukkan nilai korelasi *Pearson* , r = 0.144 , n = 250 dan nilai p = 0.023 adalah lebih kecil dari 0.05 ($p < 0.05$). Dengan merujuk kepada Jadual 3.12 tafsiran pekali korelasi yang diadaptasi daripada (Noraini Idris, 2013) boleh dirumuskan bahawa wujud hubungan yang signifikan, tetapi hubungan positif yang lemah disebabkan nilai pekali kolerasi yang diperolehi adalah hampir dengan 0 antara gejala buli siber dan implikasi motivasi yang dialami murid sekolah menengah di Bandar Seberang Jaya, Pulau Pinang. Ini sebagaimana yang dinyatakan (Noraini Idris, 2013) nilai yang hampir dengan 0 menunjukkan hubungan tersebut adalah hubungan yang lemah, tetapi sekiranya nilai yang diperoleh hampir dengan 1 maka hubung kait yang tercatat adalah suatu perkaitan yang kuat. Oleh yang demikian, hipotesis diterima pada aras keyakinan 95%.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4 . 3. 3 Persoalan Kajian Empat

Apakah hubungan kait antara gejala buli siber dan implikasi sosial dalam kalangan murid sekolah menengah?

Ho3 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara gejala buli siber dan implikasi sosial dalam kalangan murid sekolah menengah.

Secara keseluruhannya, implikasi sosial yang dialami responden sekiranya dibuli siber merupakan konstruk terakhir yang diuji dalam kajian ini. Mengikut kepada hasil dapatan kajian, dinyatakan bahawa skor min purata yang dicatatkan adalah 2.468 dan ini membuktikan ia berada di aras sederhana. Bagi menjelaskan perincian yang lebih lanjut berkaitan data yang dianalisis dengan merujuk kepada Jadual 4. 10 didapati bahawa terdapat item yang berada di aras rendah iaitu item C3.1 rasa tidak diperlukan oleh rakan-rakan dengan nilai skor min 2.28. Selebihnya adalah item-item yang terdiri dari skor yang berada di aras sederhana iaitu C3.2 rasa tiada sesiapa untuk meminta pertolongan dengan nilai skor 2.35, C 3.3 rasa bukan sebahagian dari rakan-rakan 2.46, C 3.4 sering kali terlibat dengan pergaduhan di atas talian pula mencatatkan nilai skor min 2.32 dan bagi C 3.5 rasa persahabatan dengan rakan-rakan tergugat pula skor min adalah 2.56. Tidak terkecuali item-item lain yang turut berada di aras sederhana iaitu C 3.6 mengelakkan diri dari bergaul dengan rakan-rakan nilainya adalah 2.47, C 3.7 berhenti mengikuti sebarang aktiviti dengan rakan-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

rakan mempunyai nilai skor min 2.42, C 3.8 berpendapat jaringan sosial (*social networking*) mendatangkan kesan negatif terhadap perhubungan persahabatan nilai skor min adalah 2.84 dan seterusnya pula C 3.9 rasa tidak diterima rakan-rakan dengan nilai skornya 2.42 dan yang terakhir adalah item C 3.10 dan didapati mempunyai nilai skor min sebanyak 2.42.

Jadual 4. 10

Taburan kekerapan, peratus dan min item implikasi sosial dalam kalangan murid

Bil	Pernyataan	STS	TS	KS	S	SS	Min
C3.1	Rasa tidak diperlukan rakan-rakan.	73 (29.2)	82 (32.8)	55 (22)	33 (13.2)	7 (2.8)	2.28
C3.2	Rasa tiada sesiapa untuk meminta pertolongan.	58 (23.2)	94 (37.6)	59 (23.6)	30 (12)	9 (3.6)	2.35
C3.3	Rasa bukan sebahagian dari rakan-rakan.	53 (21.2)	86 (34.4)	66 (26.4)	34 (13.6)	11 (4.4)	2.46
C3.4	Sering kali terlibat dengan pergaduhan di atas talian.	70 (28)	79 (31.6)	58 (23.2)	36 (14.4)	7 (2.8)	2.32
C3.5	Rasa persahabatan dengan rakan-rakan tergugat.	54 (21.6)	79 (31.6)	59 (23.6)	40 (16)	18 (7.2)	2.56
C3.6	Mengelakkan diri dari bergaul dengan rakan-rakan.	56 (22.4)	82 (32.8)	66 (26.4)	31 (12.4)	15 (6)	2.47
C3.7	Berhenti mengikuti sebarang aktiviti dengan rakan-rakan.	62 (24.8)	81 (32.4)	59 (23.6)	35 (14)	13 (5.2)	2.42
C3.8	Berpendapat jaringan sosial (*social networking*)mendatangkan kesan negatif terhadap perhubungan persahabatan.	41 (16.4)	69 (27.6)	64 (25.6)	41 (16.4)	35 (14)	2.84
C3.9	Rasa tidak diterima rakan-rakan.	62 (24.8)	74 (29.6)	69 (27.6)	37 (14.8)	8 (3.2)	2.42
C3.10	Rasa kesunyian.	65 (26)	69 (27.6)	51 (20.4)	42 (16.8)	23 (9.2)	2.56
	Keseluruhan			2.468			

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4. 11

Keputusan Ujian Korelasi Antara Gejala Buli Siber Dan Implikasi Sosial Dalam Kalangan Murid Sekolah Menengah Di Bandar Seberang Jaya, Pulau Pinang.

		Jumlah gejala buli	Jumlah sosial
Jumlah gejala buli	Pearson Correlation	1	.110
	Sig. (2-tailed)		.083
	N	250	250
Jumlah sosial	Pearson Correlation	.110	1
	Sig. (2-tailed)	.083	
	N	250	250

Daripada Jadual 4.11 output korelasi yang dihasilkan melalui analisis data menunjukkan nilai korelasi Pearson , r = 0.110, n = 250 dan nilai p = 0.083. Maka dengan itu apabila merujuk kepada Jadual 3.12 tafsiran pekali korelasi yang dicadangkan (Noraini Idris, 2013) boleh dirumuskan bahawa tidak wujud hubungan yang signifikan antara gejala buli siber dan implikasi sosial yang dialami murid sekolah menengah di Bandar Seberang Jaya, Pulau Pinang. Ini berdasarkan nilai pekali kolerasi yang diperolehi adalah melebihi nilai 0.05 iaitu ($p > 0.05$) maka ternyata tidak wujud sebarang hubungan antara kedua-dua pemboeh ubah gejala buli siber dan juga implikasi sosial dalam kalangan murid sekolah menengah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4 . 4 Ringkasan Dapatan Kajian

i. Situasi gejala buli siber dalam kalangan murid sekolah menengah di Bandar Seberang Jaya, Pulau Pinang adalah berada pada tahap rendah dengan bacaan (min : 2.07).

ii. Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara gejala buli siber dan implikasi emosi dalam kalangan murid sekolah menengah di Bandar Seberang Jaya, Pulau Pinang dengan nilai korelasi *Pearson* (r = 0.117, p = 0.064).

iii. Terdapat hubungan yang signifikan antara gejala buli siber dan implikasi motivasi dalam kalangan murid sekolah menengah di Bandar Seberang Jaya, Pulau Pinang dengan nilai korelasi *Pearson* (r = 0.144 , n = 250 dan nilai p = 0.023) p adalah lebih kecil dari 0.05 (p < 0.05).

iv. Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara gejala buli siber dan implikasi sosial dalam kalangan murid sekolah menengah di Bandar Seberang Jaya Pulau Pinang dengan nilai korelasi *Pearson* (r = 0.110, p = 0.083).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4 . 5 Rumusan

Kesimpulannya, berdasarkan hasil analisis data kajian ini, didapati bahawa keseluruhannya situasi gejala buli siber yang semakin menjadi-jadi kini berada di aras rendah kerana bilangan responden kajian memberi respon pernah menjadi mangsa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

buli siber sedikit jumlahnya di Bandar Seberang Jaya, Pulau Pinang. Ini berkemungkinan besar terdapat segelintir remaja yang mengalami ataupun pernah berhadapan dengan situasi buli siber kurang yakin untuk tampil mengakui dan membuat aduan situasi buli yang dialami mereka. Seperti mana yang dinyatakan oleh (Che Hasniza Che Noh et al., 2018) murid sering kali cuba mengelak daripada memberitahu ibu bapa sekiranya mereka terlibat dengan situasi buli siber. Sungguhpun begitu, sekiranya mereka berhadapan dengan ancaman buli secara atas talian seperti yang dibincangkan dalam kajian ini tidak dinafikan mereka berpotensi mengalami implikasi emosi, motivasi dan sosial. Buktinya berdasarkan hasil dapatan kajian yang menguji hubung kait antara gejala buli siber dengan implikasi emosi, motivasi dan sosial yang dialami responden sekiranya dibuli siber. Mengikut kepada analisis korelasi antara gejala buli siber dengan implikasi motivasi dijelaskan bahawa terdapatnya hubungan signifikan yang positif namun masih di aras rendah hubung kait yang dicatatkan. Manakala pemboleh ubah implikasi emosi dan juga sosial nilai pekali kolerasi yang diperolehi menunjukkan tidak terdapat sebarang hubung kait antara kedua-dua pemboleh ubah dengan situasi gejala buli siber.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 5

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5. 0 Pendahuluan

Menerusi bab ini, penjelasan secara terperinci diberikan penyelidik mengenai dapatan kajian hasil dari analisis soal selidik gejala buli siber dan implikasi terhadap emosi, motivasi dan sosial dalam kalangan murid sekolah menengah. Secara keseluruhannya, gejala buli siber dan implikasi terhadap emosi, motivasi dan sosial dalam kalangan murid sekolah menengah adalah berada di tahap rendah. Sungguhpun begitu penyelidik mendapati bahawa terdapatnya hubung kait antara gejala buli siber dan implikasi emosi, motivasi dan sosial dalam kalangan murid. Justeru itu, gejala buli siber dan implikasi motivasi merupakan hubung kait yang tertinggi berlaku dalam kalangan murid sekiranya mereka dibuli siber. Manakala implikasi sosial dan emosi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pula tidak menunjukkan wujudnya hubung kait dengan gejala buli siber yang dialami murid. Di samping itu, melalui bab ini rumusan berkaitan dapatan kajian dilakukan penyelidik selain dari beberapa cadangan turut diutarakan agar tindakan sewajarnya dilaksanakan oleh pihak terbabit. Dalam bab ini huraian terperinci juga dijelaskan berkaitan implikasi kajian di mana merangkumi implikasi teori, implikasi terhadap murid, ibu bapa serta pihak kementerian mahupun pihak lain yang terlibat dalam membanteras isu ini dari semakin parah. Tidak terkecuali menjadi suatu pengharapan agar penelitian sewajarnya diambil cakna semua pihak terhadap cadangan-cadangan yang diutarakan menerusi kajian ini. Hal demikian dengan tujuan supaya kemaslahatan diperoleh dari keseluruhan kajian berpotensi menyumbangkan impak berguna kepada mereka yang terbabit dalam menangani dan mengurangkan risiko remaja sebagai mangsa perbuatan gejala buli siber.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5. 1 Perbincangan Dapatan Kajian

5. 1. 1 Situasi Gejala Buli Siber dalam Kalangan Murid Sekolah Menengah

Berdasarkan dapatan kajian ini, aspek-aspek situasi gejala buli siber yang dianalisis merangkumi menerima komen negatif yang tidak membina, penyebaran gambar peribadi, video yang dimuat naik, difitnah, menerima komen yang memalukan,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

diugut, menjadi bahan jenaka dan dipersendakan, menerima kritikan, gangguan seksual serta yang terakhir adalah situasi penyebaran maklumat peribadi oleh pembuli siber. Secara keseluruhan, situasi gejala buli siber dalam kalangan murid Tingkatan Empat sekolah menengah di Bandar Seberang Jaya, Pulau Pinang didapati masih berada di tahap rendah dan menunjukkan hanya sedikit bilangan responden yang mengaku pernah menjadi mangsa buli siber.

Dengan hasil dapatan kajian yang dijelaskan berikut, tetap menjadi suatu kebimbangan kepada semua pihak terlibat dalam memastikan kesejahteraan diri remaja sekolah terkawal dan berada di tahap memberangsangkan. Nilai skor yang diperolehi rendah bukan bermaksud gejala buli siber suatu isu yang tidak membahayakan dan tidak memudaratkan diri murid. Tetapi ia mungkin disebabkan pelbagai alasan yang menjadikan dapatan tersebut memperoleh nilai sedemikian. Misalnya, dikhuatiri terdapat segelintir besar dari kalangan murid sekolah yang dibuli siber mengambil pendekatan berdiam diri dan tidak menyuarakan situasi buli yang mereka alami sebagaimana yang dijelaskan Zuhayati Yazid (2017). Perubahan terhadap tingkah laku serta ada kalanya sehingga melibatkan tindakan di luar kawalan berlaku dan pada saat itu barulah individu berdekatan seperti ahli keluarga ataupun rakan-rakan menyedari bahawa murid terbabit merupakan mangsa buli siber. Ini juga adalah antara sebab situasi gejala buli siber mencatatkan nilai yang rendah. Selain itu, terdapat juga kemungkinan lain yang menyebabkan nilai skor yang diperolehi hasil analisa situasi gejala buli siber adalah rendah. Keadaan di mana sedikit sahaja

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bilangan laporan kes buli siber yang diadukan oleh mangsa buli diakui oleh beberapa pihak. Antaranya sebagaimana yang dinyatakan Zuhayati Yazid (2017) berkaitan laporan oleh Ketua Pegawai Rangkaian Keselamatan, Pengurusan Media Baru, Aduan dan Advokasi SKMM mengenai bilangan kes buli siber yang dilaporkan sepanjang tempoh antara Januari sehingga November 2017 jumlah yang direkodkan tidak begitu besar dan bilangan yang sedikit tersebut diyakini berlaku akibat dari mangsa buli siber enggan membuat aduan dan mengambil pendekatan mudah dengan menderita dalam senyap walaupun telah dibuli berkali-kali.

Tambahan lagi, kajian yang dijalankan (Zalaquett & Chatters, 2014) turut mencatatkan bilangan responden yang dibuli siber semasa di sekolah menengah adalah sekitar 35% daripada keseluruhan responden kajian tersebut. Peratusan yang dicatatkan tersebut menunjukkan jumlah mereka yang mengakui dibuli siber adalah di aras rendah. Alasan yang diterima dari mangsa kerana enggan mengaku dibuli siber antaranya mereka khuatir dikatakan mengarut dan disingkirkan dari rakan-rakan mahupun kelompok sosial lain sebagaimana yang dinyatakan dalam artikel bertajuk *On The Alert For Cyberbullying-Letters* (2017).

Tidak terkecuali terdapat juga kemungkinan lain yang menyebabkan nilai skor gejala buli siber adalah di tahap rendah. Kemungkinan terdapatnya limitasi dari aspek pengukuran yang digunakan untuk menilai situasi gejala buli siber di mana tidak melibatkan pengalaman buli siber yang dialami murid sekolah menengah yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

terlibat. Seperti yang dinyatakan (Cenat et al., 2014) dalam kajian mereka bahawa terdapat item yang digunakan untuk mengukur tidak melibatkan pengalaman buli yang hendak dinilai penyelidik.

Menerusi kajian ini, penyelidik telah menyatakan sepuluh situasi buli siber bagi mengukur gejala buli siber yang berkemungkinan berlaku dalam kalangan murid sekolah menengah. Penyelidik mendapati bahawa aspek atau item menerima komen negatif yang tidak membina dan dipersendakan serta berasa cemas akibat gangguan seksual oleh pembuli memperoleh nilai tertinggi manakala aspek atau item menerima gangguan seksual dari pembuli pula mendapat penilaian yang paling rendah dari kesepuluh item yang dianalisis. Situasi buli siber yang dimaksudkan menunjukkan nilai skor dapatan yang paling tinggi dan berada di aras sederhana walaupun keseluruhan purata situasi gejala buli siber dalam konteks kajian ini berada di aras rendah. Nilai dapatan yang diperoleh bagi item mangsa menerima komen negatif dalam kajian ini didapati selari dengan dapatan kajian Che Hasniza Che Noh et al., (2018) iaitu turut mencatatkan nilai item paling tinggi dari kesemua item situasi buli siber yang dinilai. Manakala bagi item dipersendakan pula nilai item tersebut didapati selari dengan kajian yang dijalankan (Brack & Caltabiano, 2014). Kedua-dua situasi tersebut mencatatkan nilai tertinggi berbanding item-item lain walaupun nilai keseluruhan pemboleh ubah situasi gejala buli siber yang berlaku berdasarkan respon murid yang terlibat dengan kajian ini adalah di tahap rendah. Bagi item paling rendah dalam kajian ini iaitu menerima gangguan seksual pula didapati selari dengan dapatan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(Che Hasniza Che Noh & Mohd Yusri Ibrahim, 2014) di mana menerusi kajian mereka item tersebut memperoleh nilai yang rendah berbanding dengan beberapa item lain.

Walaupun tahap situasi gejala buli siber responden kajian menunjukkan dapatan tersebut berada di aras rendah namun tidak dinafikan situasi-situasi berikut merupakan ancaman paling ketara berlaku terhadap mangsa apabila mereka berada di atas talian. Kebiasaannya remaja kerapkali terdedah dengan interaksi secara atas talian apabila mereka melayari internet dengan pelbagai tujuan misalnya untuk keperluan pembelajaran mahupun berkomunikasi dan bersosial. Ini bertepatan dengan kajian yang dijalankan Che Hasniza Che Noh et al., (2018) iaitu berdasarkan dapatan kajian mereka keputusan yang diperoleh mendatangkan kebimbangan apabila hanya 13% daripada responden kajian tersebut memperuntukkan masa melayari internet untuk tujuan melaksanakan tugasan sekolah. Manakala selebihnya melayari internet untuk tujuan sosial dan situasi ini memungkinkan mereka berpotensi tinggi dibuli siber.

Tambahan lagi murid sekolah juga merupakan kelompok yang mudah mendapatkan kemudahan mengakses internet pada bila-bila masa dan di mana jua. Begitu juga kemahiran menggunakan dan mengendalikan komputer sudah tidak asing lagi dalam kalangan remaja kini. Ini sekali gus memberi peluang dan ruang kepada pelajar meluangkan lebih masa di atas talian. Hakikatnya kesemua pendedahan yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dialami murid seiring dengan perkembangan teknologi atas talian mengakibatkan mereka berpotensi untuk dibuli siber. Golongan remaja sekolah juga berdepan dengan isu keterbatasan mengenai pengetahuan dan kemahiran berkomunikasi interpersonal yang sesuai semasa berinteraksi di media sosial (Suriana Che Awang & Khadijah Alavi, 2019). Justeru, keterbatasan tersebut merupakan antara sebab murid yang banyak meluangkan masa melayari internet menjadi sasaran pembuli sekali gus menyukarkan mereka berdepan dengan gangguan buli yang dialami dengan betul. Hal ini juga diperakui Ortega et al., (2012) iaitu wujud kaitan antara kesan emosi dan tingkah laku buli antaranya mangsa berasa marah, malu serta berdepan dengan situasi sukar mempertahankan diri apabila dibuli.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Namun tanpa murid sedari, aktiviti dan interaksi atas talian terutamanya gangguan yang tidak menyenangkan berlaku sebenarnya berpunca dari angkara pembuli siber. Pembuli siber dengan sewenang-wenangnya membuli kerana bermotifkan mencari hiburan dan keseronokan dengan mengganggu mangsa. Mereka berasa terhibur apabila menerima respon dari mangsa iaitu dari kalangan remaja yang belum cukup matang corak pemikirannya. Sebagaimana yang dinyatakan Zalaquett dan Chatters (2014) pembuli mencapai kepuasan serta merasa terhibur apabila mangsa memberi tindak balas dan tidak keruan dengan perbuatan buli yang dilakukannya. Tambahan pula terdapat segelintir pembuli mengugut untuk menyebarkan gambar peribadi atau pun video kurang senonoh mangsa di media sosial sekiranya mangsa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tidak penuhi kehendak si pembuli. Ini dibuktikan dari beberapa kes buli siber di mana mangsa bertindak membunuh diri akibat tidak tahan dengan ancaman pembuli.

Situasi menerima komen negatif yang tidak membina dan juga dipersendakan di atas talian merupakan bentuk buli siber yang sangat mudah dilakukan pembuli mahupun sesiapa sahaja. Apabila remaja memuat naik sebarang bentuk gambar foto, video atau apa sahaja mesej misalnya, dengan mudah dan cepat bagi sesiapa sahaja tanpa sekatan untuk memberi maklum balas komen yang mengaibkan ataupun mengkritik mangsa sama ada dengan niat mahupun tanpa niat. Perbuatan tersebut dilakukan pembuli untuk menyakiti mangsa pada hakikatnya dengan serta-merta juga perbuatan tersebut tersebar luas dan akan berlaku lebih banyak situasi buli dari pembuli-pembuli lain.

Apabila membincangkan mengenai komen negatif ini bermaksud pembuli bebas menggunakan kata-kata yang berunsur negatif serta memalukan terhadap mangsa secara berleluasa kerana identiti pembuli boleh disembunyikan. Senario berkenaan mampu menggugat kesejahteraan diri dan mengundang ancaman kepada murid sekolah. Ini turut dipersetujui Peled (2019), menurutnya aplikasi pesanan mesej segera seperti *WhatsApp* sangat popular dalam kalangan pengguna peranti terutamanya murid sekolah kerana mempunyai kemudahan fungsi penghantaran mesej, foto, video dan rakaman dan mudah untuk dikongsi serta disebarkan secara meluas melalui medium tersebut. Sehingga kini kemudahan untuk kekal berinteraksi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

melalui medium-medium sedemikian menjadi suatu kemestian dan keperluan dalam bersosial. Oleh yang demikian, keadaan tersebut menjadi punca kepada analisa dapatan kajian ini menunjukkan situasi buli siber masih juga berlaku dalam kalangan murid sekolah walaupun hanya pada tahap rendah.

Situasi gejala buli siber yang berlaku dalam kalangan murid sekolah menengah sekiranya mereka menjadi mangsa buli siber didapati mengundang kepada beberapa implikasi terhadap mangsa iaitu implikasi emosi, implikasi motivasi dan implikasi sosial. Seandainya implikasi yang dinyatakan tersebut berlaku terhadap mangsa pasti mengakibatkan kesan yang lebih buruk sehingga memudaratkan peranan dan kesejahteraan diri mereka sebagai murid sekolah. Dan akhirnya mendatangkan kesan negatif terhadap kualiti pendidikan murid semasa di sekolah mahupun luar persekolahan. Sebagaimana yang dinyatakan Bailey (2013) apabila ketiadaan ataupun kurangnya pendekatan dan intervensi yang bersesuaian dalam menangani keganasan secara atas talian, keadaan tersebut secara tidak langsung akan menjejaskan pendidikan dan mengundang rasa tidak selamat murid apabila berada di sekolah. Maka, penting supaya diwujudkan polisi yang sewajarnya sebagai salah satu langkah dalam membanteras penularan gejala buli siber. Tindakan tersebut menjadi tanggungjawab kepada pihak kementerian dan juga pihak-pihak yang bertanggungjawab lain bagi memastikan murid selesa dan selamat berada dalam di sekolah. Persekitaran yang kondusif sama ada dari sudut fizikal sekolah mahupun yang difokuskan dalam kajian ini kesejahteraan emosi, motivasi dan sosial murid

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

semasa berada di sekolah menjadi keutamaan agar tanggungjawab dan cakna dalam menangani isu gejala buli siber dapat dilaksanakan semua pihak.

5. 1. 2 Hubung Kait Gejala Buli Siber dan Implikasi Emosi dalam Kalangan Murid Sekolah Menengah

Penentuan hubung kait antara gejala buli siber dan implikasi emosi yang berlaku dalam kalangan murid sekolah menengah dilakukan berasaskan analisis inferensi dengan menggunakan Ujian Korelasi Pearson. Implikasi emosi yang dianalisis menerusi kajian ini merangkumi emosi negatif iaitu marah, takut, malu, kecewa, cemas, sedih, resah, tersinggung, benci pada diri sendiri serta yang terakhir adalah mangsa berasa tertekan. Interpretasi kekuatan korelasi antara pemboleh ubah dibuat berdasarkan nilai pekali korelasi yang dicadangkan oleh (Noraini Idris, 2013). Justeru, berdasarkan rumusan yang diperoleh dari analisa dapatan kajian didapati bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara gejala buli siber dan implikasi emosi dalam kalangan murid sekolah menengah yang terlibat.

Sungguhpun dapatan kajian yang dijalankan ini didapati tiada hubung kait antara kedua-dua pemboleh ubah namun penting agar kerjasama semua pihak supaya sentiasa mengambil langkah berwaspada terhadap kemungkinan besar gejala buli siber berupaya mendatangkan impak buruk terhadap emosi mangsa. Hal ini dinyatakan Caravita, Colombo, Stefanelli dan Zigliani (2016) dalam kajian mereka di

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mana perbuatan buli siber boleh mengakibatkan kemelaratan emosi negatif dalam kalangan mangsa buli siber remaja. Murid sekolah yang kerap kali melayari internet dan berinteraksi sosial secara atas talian berisiko tinggi dibuli siber serta meningkatkan potensi mereka dipengaruhi implikasi emosi.

Walaupun skor ujian korelasi menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara situasi buli siber dan juga implikasi emosi, namun perlu diketahui fenomena gejala buli siber kini sebenarnya mampu mengundang impak buruk terhadap kesejahteraan dan kestabilan diri murid sekolah. Hal ini berlaku apabila mereka yang dibuli mengalami tekanan emosi akibat sentiasa menjadi sasaran tingkah laku buruk pembuli siber. Ini sebagaimana yang dinyatakan Vaillancourt, Faris dan Mishna (2017) berdasarkan sorotan literatur dan penyelidikan terdahulu mengenai gejala buli siber dan kesannya terhadap mangsa dalam kalangan remaja dijelaskan bahawa impak buli siber bukan sahaja menjejaskan kesihatan mental, malah turut mengakibatkan mangsa bunuh dan cederakan diri. Mangsa juga berpotensi tinggi mengalami *distress* emosi, mudah putus harapan dan berasa tidak selamat akibat dibuli.

Gejala buli siber juga boleh menjadi kian parah dan memberi impak negatif terhadap mangsa apabila berlaku ledakan hebat terhadap kebanjiran teknologi telekomunikasi terkini serta canggih mengikut peredaran masa. Kelompok remaja tidak terkecuali menjadi peminat setia yang mengikuti perkembangan teknologi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

telekomunikasi sebagai usaha mereka memonopoli penggunaan media sosial dalam bersosialisasi. Berdasarkan statistik Jabatan Statistik Negara, 80.1% dari kalangan individu yang berusia 15 tahun dan ke atas didapati memiliki kemudahan melayari internet dan jumlah tersebut semakin meningkat dari tahun ke tahun (Kalaisilven & Mohamad Fauzi Sukimi, 2019). Di samping itu, pengaruh media sosial sebagai agen sosialisasi yang menyajikan kepelbagaian aplikasi serta fungsi yang memudahkan aktiviti sosialisasi dan perhubungan berlaku menjadikan peranan penggunaan gajet adalah suatu kemestian dalam kalangan murid sekolah. Akibat dari penggunaan internet tanpa kawalan maka tercetus pula isu ketagihan internet sehingga menjadi punca pelbagai implikasi negatif di antaranya adalah gejala buli siber Kalaisilven dan Mohamad Fauzi Sukimi (2019).

Dengan adanya pendedahan berterusan terhadap penggunaan teknologi komunikasi yang merupakan suatu keperluan utama terhadap penggunaan teknologi perhubungan dan telekomunikasi, senario tersebut sebenarnya membuka ruang dan kekerapan pendedahan remaja meluangkan masa di alam siber tanpa sekatan. Keadaan ini berlaku sama ada untuk tujuan melayari internet dalam berinteraksi dan bersosial mahupun untuk keperluan pembelajaran. Maka menjadi keutamaan semua pihak cakna terhadapa pengakhiran situasi buruk yang bakal mengundang kepada ancaman bahaya buli siber dan paling merisaukan adalah memudaratkan kestabilan dan kesejahteraan diri murid sekolah. Impak buruk yang boleh mendatangkan kesan negatif terhadap mangsa buli siber adalah dari aspek gangguan dan tekanan yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

boleh tercetus sehingga tergugat keselamatan diri murid. Misalnya berdasarkan Dredge et al., (2014), menurut responden kajian sentiasa diselubungi rasa takut dengan kecaman pembuli yang tidak diketahui siapa serta berdepan dengan kesan yang begitu berat akibat kekejaman perbuatan buli siber yang dihadapi. Tambahan lagi berdasarkan kajian ini situasi yang dialami mangsa sangat mendatangkan impak apabila situasi buli siber yang dihadapi mangsa melibatkan tumpuan dan tatapan umum. Malah menjadi lebih buruk sekiranya pengguna atas talian lain turut terlibat melakukan dan menjadikan situasi buli tersebut semakin meluas dan *viral.* Keadaan sedemikian mengundang rasa malu, menjengkelkan, takut serta risau sehinggakan terbawa-bawa emosi negatif ke kehidupan luar talian murid terutamanya di sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Namun sebagaimana yang telah dijelaskan, nilai skor gejala buli siber yang diperoleh dari kajian ini menunjukkan ia berada aras rendah. Ini disebabkan bilangan murid sekolah yang terlibat sebagai responden kajian sedikit bilangannya yang melaporkan respon maklum balas terhadap soal selidik situasi buli siber yang diedarkan. Tidak terkecuali juga terdapat kemungkinan item soal selidik yang diajukan tidak menjurus ke arah situasi sebenar yang mangsa buli siber alami seperti yang dinyatakan Cenat et al., (2014) soal selidik yang dibina didapati tidak menunjukan situasi sebenar mangsa ataupun responden yang digunakan dalam kajian. Oleh yang demikian, nilai ujian korelasi gejala buli siber terhadap implikasi emosi adalah tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kedua-dua pemboleh ubah. Walaupun nilai skor keseluruhan implikasi emosi yang dialami responden sekiranya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dibuli siber telah mencatatkan nilai purata min pada aras sederhana. Implikasi emosi merupakan antara kesan buruk yang boleh dialami mangsa perbuatan buli secara atas talian. Kenyataan tersebut dibuktikan dalam kajian yang dijalankan Peled (2019), yang turut menyatakan bahawa wujud hubungan yang signifikan antara perbuatan buli siber dengan perkembangan akademik, sosial dan emosi mangsa.

Dari keseluruhan implikasi emosi yang dibincangkan, item berasa marah dan diikuti dengan berasa malu merupakan nilai paling tinggi yang dicatatkan berdasarkan aras interpretasi skor min (Davies, 1977) yang dijelaskan dalam analisa kajian ini. Manakala item implikasi emosi yang mencatatkan nilai skor min terendah pula adalah berasa benci pada diri sendiri. Namun, apabila analisis inferensi dijalankan bagi melihat sama ada wujud atau tidak hubung kait gejala buli siber dan implikasi emosi dalam kalangan murid sekolah didapati tidak wujud hubungan tersebut.

Sungguhpun begitu, berdasarkan dapatan ujian korelasi yang dijalankan menerusi kajian ini ternyata tidak terdapat sebarang hubungan yang signifikan antara gejala buli siber dan implikasi emosi namun hal ini tidak seharusnya dipandang remeh oleh semua pihak. Ini kerana impak perbuatan buli siber terhadap emosi mangsa sudah banyak diperbincangkan menerusi kajian-kajian lain di Malaysia mahupun oleh penyelidik Barat. Misalnya apabila implikasi emosi iaitu berasa marah dan juga berasa malu apabila dibuli secara berterusan di atas talian didapati impak paling ketara berlaku kepada mangsa. Situasi ini seiring dengan Zalaquett dan Chatters

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(2014) yang turut menyatakan peratusan mangsa buli mengalami kesan emosi berasa marah dan ia adalah skor tertinggi implikasi emosi yang dialami mangsa apabila dibuli siber**.**

Begitu juga kajian Dredge et al., (2014) mangsa buli siber didapati berasa malu apabila situasi yang dialami diketahui melibatkan audien yang ramai dan cemas apabila seseorang memuat naik komen kejam dan berbaur ancaman. Emosi yang terbentuk akibat dari situasi buli siber yang dinyatakan dalam kajian berikut menunjukkan bahawa keselamatan murid dari aspek imej, maruah malah nyawa mangsa buli atas talian amat terjejas. Misalnya menerusi kajian Azianura Hani Shaari dan Mohammad Rahim Kamaluddin (2019) mengenai kes murid dari Pulau Pinang yang dipercayai membunuh diri akibat mengalami ancaman buli siber apabila menerima pesanan talian yang menyakiti hati serta kenyataan fitnah yang tersebar luas berita palsu tentang dirinya di Internet.

Selain itu, kesan emosi yang dialami mangsa setelah berdepan dengan perbuatan buli siber pembuli sebenarnya berpotensi mengakibatkan ancaman terhadap keselamatan murid Menurut Espinoza (2015), perbuatan buli siber mengakibatkan mangsa buli berdepan dengan isu penyesuaian persekolahan dan kesejahteraan diri murid semasa berada di sekolah. Isu berkaitan penyesuaian diri murid melibatkan keselamatan, kehadiran dan penerimaan murid di sekolah. Berdasarkan dapatan kajian Espinoza (2015), keselamatan dan penerimaan murid di sekolah didapati

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mempunyai kaitan rapat dengan gejala buli siber. Apabila dapatan mencatatkan bahawa semakin tinggi tahap buli siber yang dialami mangsa maka semakin rendah tahap penerimaan dan keselamatan murid semasa di sekolah. Panggilan dengan gelaran nama yang memalukan, ancaman dan gangguan peribadi terhadap mangsa oleh rakan-rakan di sekolah yang juga rakan-rakan mangsa semasa berhubung secara atas talian menjadikan situasi buli siber makin parah dan menggugat emosi serta motivasi mangsa. Ini merupakan antara punca persekitaran sekolah murid dirasakan tidak selamat dan menggugat keselamatan diri murid dari aspek emosi, motivasi dan sosial mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Caravita et al., (2016) juga menjelaskan bahawa perbuatan buli siber akan mengakibatkan peningkatan emosi negatif dalam kalangan mangsa buli siber remaja. Murid sekolah yang sering kali melayari internet dan berinteraksi di atas talian kemungkinan besar berisiko dibuli siber adalah tinggi. Timbul keseronokan kepada pembuli apabila mangsa menunjukkan respon emosi negatif seperti marah, malu, cemas dan sebagainya dengan membalas semula komen-komen hinaan yang ditulis serta gangguan-gangguan lain yang dilakukan pembuli.

Berdasarkan kajian Safiek Mokhlis (2019) pula mangsa mengakui bahawa wujud gangguan emosi apabila memikirkan perbuatan pembuli tersebut melibatkan ramai orang dkhuatiri akan *viral* berterusan dalam tempoh yang lama. Menurut mangsa tindakan-tindakan tersebut akan mengakibatkan kesan yang sangat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mendalam. Kesan emosi yang terbentuk akibat dibuli siber mampu mengundang tekanan dalam diri mangsa kerana di usia remaja mereka sangat mudah terpengaruh dan terkesan sehingga timbul konflik dalam diri semasa tempoh perkembangan diri remaja.

Secara keseluruhannya, walaupun mengikut kepada dapatan yang diperolehi dari kajian ini menunjukkan tidak terdapat sebarang hubungan yang signifikan antara gejala buli siber dan juga implikasi emosi namun situasi gejala buli siber tidak wajar dipandang remeh. Ini disebabkan penularan yang berterusan situasi buli siber dalam kalangan murid sekolah semakin meningkat dan akhirnya mendorong kepada tergugatnya kesejahteraan hidup serta mengganggu kesihatan mental mangsa. Mengikut kepada nilai min murid sekolah yang pernah terlibat sebagai mangsa buli siber menerusi kajian ini dicatatkan bilangannya berada pada aras sederhana. Ini cukup membuktikan situasi buli siber bukanlah suatu isu terpencil dan kurang penting untuk diperbincangkan impak baik buruknya terhadap remaja serta pembangunan negara terutamnya. Oleh itu, disarankan agar pentingnya kolaborasi semua pihak berganding bahu menggembeleng tenaga berusaha bagi memastikan kesejahteraan diri murid sekolah dalam memacu pembangunan negara kelak tidak terkesan secara negatif disebabkan impak buruk penularan implikasi gejala buli siber.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.1.3 Hubung Kait Gejala Buli Siber dan Implikasi Motivasi dalam Kalangan Murid Sekolah Menengah

Ujian korelasi Pearson telah dijalankan bagi menentukan wujud hubung kait antara gejala buli siber dan implikasi motivasi dalam kalangan murid sekolah menengah. Bagi mendapatkan interpretasi kekuatan korelasi antara pemboleh ubah, nilai pekali korelasi yang dicadangkan (Noraini Idris, 2013) telah diguna pakai sebagai rujukan. Rumusan yang diperoleh dari analisis dapatan kajian ini adalah wujud hubungan positif yang signifikan namun lemah antara gejala buli siber dan implikasi motivasi dalam kalangan murid sekolah menengah yang terlibat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penyelidik melakukan analisis terhadap implikasi motivasi dengan melibatkan sepuluh aspek iaitu tiada keseronokan melakukan sesuatu perkara, tidak berkemampuan melakukan perkara yang hendak dilakukan, rasa bersalah, tidak yakin untuk bergaul, mudah berasa bosan, merasa diri tidak berguna dan gagal, menghampakan diri dan keluarga seterusnya adalah sukar menumpukan perhatian terhadap semua perkara. Berdasarkan penjelasan mengenai hasil analisis ujian korelasi pula dinyatakan bahawa semakin tinggi nilai pemboleh ubah situasi gejala buli siber maka semakin tinggi juga nilai pemboleh ubah implikasi motivasi dalam kalangan mangsa buli siber. Penjelasan tersebut seiring dengan kenyataan Dredge, Gleeson dan De la Piedad Garcia (2014) berkaitan kajian mereka yang turut menyatakan mangsa buli siber mengalami pelbagai implikasi buruk antaranya mangsa hilang kepercayaan terhadap orang lain serta sentiasa berasa putus harapan dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

melakukan sesuatu perkara. Menerusi konteks kajian ini pula, implikasi motivasi yang dimaksudkan selari dengan kajian tersebut iaitu dengan merujuk kepada beberapa item misalnya tidak yakin untuk bergaul, tidak berkemampuan melakukan perkara yang hendak dilakukan dan juga tiada keseronokan melakukan sesuatu perkara serta beberapa item lain.

Apabila membincangkan mengenai aspek motivasi mengikut konteks kajian ini ia berkait rapat dengan situasi dalaman yang merupakan faktor dorongan kepada individu untuk melakukan sesuatu perkara. Jadi, sekiranya murid sekolah dibuli siber faktor implikasi motivasi yang dialami merupakan dorongan yang mengakibatkan impak negatif seperti melemahkan semangat dan keinginan diri sehingga mempengaruhi pemikiran dan tingkah laku mereka dalam melakukan aktiviti harian.

Tujuan kajian ini dijalankan untuk melihat sama ada wujud atau tidak hubung kait antara gejala buli siber dan implikasi motivasi dalam kalangan murid sekolah menengah. Oleh itu, berdasarkan dapatan yang diperoleh ternyata wujud hubung kait antara kedua-dua konstruk tersebut walaupun hanya di aras rendah. Implikasi motivasi didapati mempunyai hubung kait yang signifikan dengan gejala buli siber disebabkan faktor motivasi merupakan aspek penting yang mendorong individu melakukan sesuatu perkara seterusnya mempengaruhi tingkah laku dan tindakan seseorang dalam kehidupannya. Chemsi, Sadiq, Radid dan Talbi (2020) menjelaskan motivasi merujuk kepada desakan dalaman atau luaran sama ada dengan matlamat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

atau sebaliknya sehingga boleh mempengaruhi individu dari pelbagai tahap kognitif, emosi dan tingkah laku. Situasi buli siber merupakan persekitaran yang mengundang implikasi negatif dan mendorong murid seterusnya mempengaruhi tingkah laku mereka. Sekiranya tingkah laku tersebut tidak dikawal bakal membawa kepada impak yang lebih buruk seperti membunuh dan mencederakan diri.

Namun perlu diketahui juga implikasi emosi dan motivasi saling berkait rapat dalam mempengaruhi respon dan tindakan mangsa buli siber dalam menentukan tindakan dan tingkah lakunya. Ini bermaksud apabila mangsa buli siber terkesan dengan situasi buli siber yang dialami maka pelbagai implikasi emosi akan tercetus. Senario ini dijelaskan Safiek Mokhlis (2019) bahawa buli siber mempengaruhi emosi dan tingkah laku mangsa. Ini berdasarkan Safiek Mokhlis (2019) terdapat antara responden mengakui mengalami kesedihan, tekanan perasaan seterusnya mengakibatkan motivasi diri mangsa terjejas iaitu hilang keyakinan diri serta tumpuan terhadap pelajaran turut terganggu. Jelas dinyatakan menerusi konteks kajian ini, motivasi diri mangsa yang beremosi negatif akibat dibuli siber mendorong dirinya untuk kurang yakin dan hilang tumpuan dalam pembelajaran. Selain itu juga, hasil dari cetusan emosi negatif tersebut menjadi faktor pendorong kepada mangsa untuk bertindak dan bertingkah laku dan jika menjadi lebih kronik mangsa melakukan tindakan luar kawalan sehingga mengakibatkan ancaman kepada nyawa dan keselamatan diri.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian oleh Azianura Hani Shaari dan Mohammad Rahim Kamaluddin (2019) mempersetujui kenyataan tersebut dengan bahawa penggunaan bahasa dan etika yang salah semasa berkomunikasi secara atas talian boleh mengakibatkan implikasi buruk terhadap mangsa buli siber. Mangsa juga mengakui tingkah laku buli siber sangat mempengaruhi emosi yang menggugat motivasi diri sehingga tercetusnya hilang keyakinan diri dan juga kemurungan. Menurut Espinoza (2015), penggunaan kata-kata kesat serta mendatangkan aib semasa berkomunikasi di atas talian membuatkan mangsa buli hilang fokus dalam kehidupan kerana memikirkan akan perbuatan buli yang dialaminya. Seterusnya mengakibatkan motivasi mangsa dalam meneruskan kehidupan harian terganggu. Kesimpulannya, apabila mangsa yang dibuli siber mengalami implikasi emosi secara tidak langsung mendorong kepada tingkah laku negatif dan akhirnya mengakibatkan kesan terhadap motivasi individu antaranya hilang fokus dan terdorong ke arah perbuatan membahayakan nyawa sendiri dan akhirnya kestabilan dan kesejahteraan diri turut gagal dipelihara.

Kenyataan ini selari dengan dapatan kajian Azianura Hani Shaari dan Mohammad Rahim Kamaluddin (2019) di mana penggunaan bahasa dan etika yang salah semasa berkomunikasi secara atas talian boleh menyebabkan implikasi buruk terhadap mangsa buli siber. Mangsa mengakui buli siber sangat mempengaruhi emosi, hilang keyakinan diri dan juga mengakibatkan kemurungan. Termasuk juga kajian oleh Safiek Mokhlis (2019), menurutnya fenomena buli siber boleh mengakibatkan kesan negatif terhadap mangsa. Ia berlaku melalui penggunaan bahasa yang tidak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sopan dan kemudiannya mempengaruhi emosi serta tingkah laku mangsa. Berdasarkan kajian tersebut responden mengakui mengalami kesedihan, tekanan perasaan, hilang keyakinan diri serta tumpuan terhadap pelajaran turut terjejas.

Menurut Vaillancourt, Faris dan Mishna (2017) hasil dari penelitian mereka terhadap kajian terdahulu implikasi buli siber menjadi lebih parah apabila ia mengakibatkan kesihatan mental mangsa dalam kalangan murid sekolah menengah terjejas sehingga sanggup bertindak mencedera dan membunuh diri. Mangsa dalam kalangan murid sekolah sukar mengawal impak emosi yang dialami akibat dibuli siber sanggup bertindak di luar kawalan. Akibat dari impak emosi negatif yang dialami motivasi diri mangsa juga turut terkesan terutamanya melibatkan dorongan dari dalam diri menjadi lemah dan berlaku perubahan kepada tingkah laku negatif. Misalnya menurut Zalaquett dan Chatters (2014) mangsa menyatakan mereka berhadapan dengan rasa hilang minat dalam melakukan sesuatu yang produktif.

Begitu juga dengan kajian Dredge, Gleeson dan De la Piedad Garcia (2014) turut menjelaskan mengenai mangsa buli merasakan diri tiada harapan dan sukar menumpukan perhatian dalam melakukan sesuatu perkara terutamanya berdepan dengan situasi pembuli memuat naik sesuatu yang mengancam dan menggugat mangsa dan apabila diminta untuk dipadamkan pembuli enggan. Berdasarkan contoh situasi tersebut mangsa akan mengalami emosi negatif seperti marah, takut dan sebagainya apabila diugut dan diancam pembuli. Rentetan dari itu sudah pasti mangsa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

buli akan terdorong untuk bertingkah laku tertentu seperti hilang minat, sukar tumpukan perhatian, tiada harapan dan sebagainya di mana ia cenderung ke arah terjejas motivasi diri mangsa buli. Vaillancourt, Faris dan Mishna (2017) dalam kajian mereka memperakui sekiranya berdepan dengan risiko dibuli mangsa berpotensi tinggi mengalami *distress* emosi, mudah putus harapan dan berasa tidak selamat akibat dibuli.

Dalam membincangkan mengenai kesan dari aspek keselamatan diri yang perlu dicapai murid semasa berada di sekolah adalah penting agar dipastikan suasana dan persekitaran yang ditawarkan selesa dan terjamin kesejahteraan sama ada dari segi emosi, motivasi dan juga sosial murid. Ini boleh dilihat sekiranya persekolahan murid diyakini selamat dari ketiga-tiga aspek yang dibincangkan maka motivasi murid untuk meneruskan pembelajaran serta berhubung dengan pihak sekolah bagi berkongsi kes buli siber yang dialami mereka adalah lebih mudah berlaku. Keadaan ini membantu pihak sekolah bagi melaksanakan tindakan sewajarnya dalam membanteras perbuatan buli siber yang semakin berleluasa. Sebagaimana yang dinyatakan Safiek Mokhlis (2019), sungguhpun gejala buli siber yang dialami mangsa berlaku di luar persekolahan namun impak akibat perbuatan buli tersebut tetap terkesan sehingga di sekolah. Hal ini disebabkan ancaman bentuk buli siber berlaku secara berterusan di media sosial dan mendatangkan gangguan sehingga meletakkan mangsa dalam ketakutan yang mendorong kepada ancaman terhadap keselamatan diri murid sekolah. Tambahan lagi, motivasi murid turut terjejas akibat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kesan dari menerima pelbagai bentuk perbuatan buli siber misalnya penyebaran fitnah, kritikan dan penghinaan dengan kata-kata kesat serta penyingkiran oleh rakan-rakan di sekolah yang rakan-rakan mangsa semasa berinteraksi di media sosial. Sudah tentu keinginan untuk merasakan diri diperlukan di sekolah turut semakin merosot. Murid akan terdorong untuk berasa tidak selamat dan sentiasa dibayangi dengan ancaman dan gangguan yang mereka terima di atas talian walaupun semasa berada di sekolah.

Keselamatan diri murid merupakan antara aspek penting untuk dititikberatkan dalam memastikan murid memainkan peranan mereka sebagai seorang murid sekolah menengah. Seperti yang dinyatakan dalam Teori Keperluan Abraham Maslow (1996), menurut pendekatan teori tersebut terdapat lima keperluan penting untuk dipenuhi seorang individu sebagai proses mencapai kesempurnaan kendiri. Lima keperluan yang ditekankan menerusi pendekatan Teori Keperluan Abraham Maslow (1996) iaitu keperluan terhadap fisiologi, keperluan keselamatan, kasih sayang, penghargaan kendiri dan yang terakhir adalah keperluan memperoleh kesempurnaan kendiri.

Manakala berdasarkan pendekatan Teori Motivasi Frederick Herzberg (1976) pula, penekanan tertumpu kepada dua faktor iaitu faktor motivator yang merangkumi aspek emosi dalaman yang mendorong individu melakukan sesuatu untuk mencapai kepuasan dan juga faktor *hygiene* pula melibatkan motivasi individu untuk melakukan sesuatu dalam memastikan matlamat luaran seseorang dipenuhi (Osemeke

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

& Adegboyega, 2017). Menerusi pendekatan ini kepentingan memastikan keselamatan diri seseorang dalam konteks kajian ini keselamatan diri murid sekolah menengah yang menjadi mangsa buli siber terjejas semasa berada di sekolah ataupun di luar sekolah akibat dari gangguan perbuatan buli siber mengundang kepada lemah faktor motivator dan *hygiene* dalam kalangan mangsa. Sekiranya mangsa buli sering kali berdepan dengan gangguan-gangguan siber maka situasi tersebut menunjukkan keselamatan emosi, imej dan maruah diri mangsa terancam. Ancaman keselamatan merupakan aspek yang mengakibatkan kegagalan tercetus serta melumpuhkan mangsa dari menjalankan peranan sebagai murid sekolah semasa berada di sekolah mahupun di luar persekolahan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kecaman dan ancaman yang diterima mangsa semasa berinteraksi di alam maya menyebabkan motivasi diri terjejas (Suriana Che Awang & Khadijah Alavi, 2019). Cemuhan yang dilemparkan menyebabkan mangsa terpengaruh sehingga timbul rasa rendah motivasi diri dan dibayangi rasa bersalah. Situasi buli siber yang berlaku ke atas diri mangsa telah menguasai pemikiran dan menyebabkan dorongan dari dalam diri individu semakin lemah. Ini akan menyukarkan lagi mangsa untuk bertindak balas serta bertingkah laku sewajarnya. Kesudahannya murid akan terdorong untuk bertindak di luar batasan dan mengalami bermacam-macam lagi impak psikologi. Mangsa buli siber akan berdepan dengan situasi di mana cenderung mengalami tahap kebimbangan sosial serta tekanan yang tinggi sehingga terdorong untuk mempunyai pemikiran untuk membunuh diri Kowalski dan Toth (2018).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Keseluruhannya, ternyata bahawa wujud hubung kait antara situasi gejala buli siber dengan implikasi motivasi sekiranya murid sekolah terlibat sebagai mangsa perbuatan buli siber yang semakin berleluasa kini. Hal demikian memerlukan semua pihak berganding bahu memperkasakan tindakan yang lebih ketat dan efektif kesannya supaya fenomena gejala buli siber dapat dibendung. Ini kerana implikasi negatif yang tercetus akibat fenomena buli atas talian mengundang reaksi buruk terutamanya dari kalangan remaja sekolah. Menurut Suriana Che Awang dan Khadijah Alavi (2019) impak fenomena buli siber ke atas mangsa bukan suatu isu yang harus dipandang remeh kerana ia menjadi keutamaan agar keselamatan nyawa individu dititikberatkan dalam memastikan pembangunan negara. Selain itu juga, bagi mengatasi isu berkaitan murid sekolah yang dibuli siber enggan tampil membuat laporan kes buli yang dialami adalah wajar pihak berkenaan melakukan kajian yang lebih efektif. Ini dilakukan supaya pendekatan yang bersesuaian diperolehi dalam mengenal pasti punca keengganan mangsa buli membuat laporan serta galakkan yang sesuai dapat mendorong mangsa mengutarakan aduan kes buli yang dideritai mereka.

Tambahan pula, berlakunya peratusan yang rendah dari kalangan mangsa buli siber remaja sekolah yang tampil ke hadapan untuk melaporkan kes buli siber yang mereka alami atas beberapa sebab. Antaranya adalah sikap dan peranan pihak berwajib dalam melaksanakan tindakan yang sewajarnya sebagai usaha membendung fenomena ini masih kurang efisien dan efektif pelaksanaannya. Kenyataan ini seiring dengan Helma Hassan (2018) di mana menurutnya terdapat polisi sekolah dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pendidikan yang sangat terhad dalam berdepan dengan gejala buli siber yang semakin meruncing ini. Tidak dinafikan juga murid sekolah didapati tidak mempunyai sistem sokongan yang baik dan bersesuaian yang mampu mendorong agar murid tampil memberi kerjasama melaporkan kes yang dialami mereka. Dengan terbentuknya pendekatan yang bersesuaian dapat membantu semua pihak terutamanya mangsa dalam menangani fenomena yang menggugat kesejahteraan dan perkembangan diri murid sekolah menengah.

5. 1. 4 Hubung Kait Gejala Buli Siber dan Implikasi Sosial dalam Kalangan Murid Sekolah Menengah

Analisis inferensi telah dilakukan dalam kajian ini iaitu dengan melaksanakan Ujian Korelasi Pearson bagi mendapatkan interpretasi kekuatan korelasi antara pemboleh ubah. Kemudiannya dengan merujuk kepada nilai pekali korelasi yang dicadangkan (Noraini Idris, 2013) dapat dirumuskan bahawa tidak wujud hubung kait antara pemboleh ubah gejala buli siber dan implikasi sosial dalam kalangan murid sekolah menengah.

Analisis inferensi yang dilakukan penyelidik untuk menilai implikasi sosial melibatkan sepuluh item iaitu mangsa buli siber mengalami rasa tidak diperlukan rakan-rakan, tiada sesiapa untuk meminta pertolongan, bukan sebahagian dari rakan-rakan, sering kali terlibat dengan pergaduhan di atas talian, persahabatan dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

rakan-rakan tergugat, mengelakkan diri dari bergaul, berhenti mengikuti aktiviti dengan rakan-rakan, berpendapat jaringan sosial mendatangkan kesan negatif terhadap perhubungan persahabatan, rasa tidak diterima rakan dan kesunyian. Hasil analisis dapatan kajian ini adalah nilai skor min purata yang dicatatkan menunjukkan nilai implikasi sosial keseluruhannya berada di aras sederhana dan nilai purata keseluruhan situasi buli siber pula adalah di aras rendah. Manakala dari aspek samada wujud atau tidak wujud hubung kait antara pemboleh ubah gejala buli siber dan juga implikasi sosial dalam kalangan murid sekolah menengah terbabit pula dapatan menunjukkan tidak terdapat hubungan antara pemboleh ubah yang dimaksudkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penjelasan tersebut menjelaskan tidak terdapat hubung kait antara gejala buli siber dan implikasi sosial dalam kalangan murid sekolah menengah. Sungguhpun begitu, ini tidak menafikan bahawa implikasi sosial tidak mendatangkan sebarang kesan terhadap mangsa yang dibuli siber. Apabila melihat kepada nilai min implikasi sosial ternyata nilai yang diperoleh berada pada aras sederhana. Dapatan tersebut selari dengan kajian oleh Fryling et al., (2015), dimana mereka menjelaskan mengenai mangsa buli siber berisiko menghadapi kemerosotan dari aspek interaksi sosial dan lebih berkecenderungan untuk mengalami kemurungan serta sering kali bertindak ganas. Keadaan sebegini menimbulkan gangguan dan masalah kepada mangsa buli untuk menjalani kehidupan harian dan berinteraksi sosial dengan ahli keluarga dan komuniti sekitarnya. Hubungan sosial yang sukar dibentuk ataupun dikekalkan dengan komuniti di sekolah akan menyulitkan lagi persekolahan murid apabila

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mereka terjebak sebagai mangsa buli siber. Aspek keselamatan diri murid dengan mempercayai rakan-rakan di sekolah tergugat. Rakan-rakan dirasakan mengundang ancaman sehingga mendorong mangsa untuk menjauhkan diri dari komuniti sekolah.

Senario ini turut dijelaskan Espinoza (2015), iaitu berdasarkan dapatan kajian berkenaan didapati bahawa berlakunya kesan terhadap bagaimana mangsa bertingkah laku serta beranggapan berkaitan dirinya di sekolah. Mangsa yang dibuli secara atas talian sentiasa merasakan dirinya akan menjadi target pembuli apabila berada di sekolah serta berprasangka buruk mengenai tanggapan rakan-rakan di sekolah setelah mereka melihat komen-komen kejam oleh pembuli di media sosial. Murid yang dibuli siber akan mengelakkan diri dari berhubungan dengan rakan-rakan dan ini mengakibatkan berlakunya rasa rendah penyesuaian di sekolah. Emosi negatif serta kerisauan yang dialami mangsa mengundang kepada tingkah laku menarik diri dari persekolahan kerana khuatir akan ancaman keselamatan dirinya yang tergugat.

Sungguhpun hasil dapatan kajian ini menunjukkan tidak wujud hubung kait antara gejala buli siber dan implikasi sosial jika dibandingkan dengan implikasi motivasi, aspek sosial turut tidak terkecuali dalam menyumbang kepada kemerosotan kesejahteraan dan perkembangan diri murid sekolah yang dibuli siber. Ini disebabkan faktor penerimaan sosial merupakan aspek penting dalam perkembangan diri remaja sekolah. Sebagaimana yang dinyatakan Kim (2011) kondisi remaja yang kesunyian berkait rapat dengan rasa berjauhan dari rakan-rakan berbanding dengan ibu bapa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Apabila mereka menganggap bahawa membentuk persahabatan mengundang risiko-risiko sosial sudah pasti menjadi kesukaran untuk mereka menjalinkan perhubungan yang bermakna. Elipe et al., (2015) menegaskan bahawa gejala buli siber berupaya mendatangkan impak negatif terhadap kehidupan mangsa dari aspek keseimbangan emosi serta penyesuaian sosial. Situasi tersebut meletakkan mangsa terutamanya dari kalangan murid sekolah dengan membahayakan keselamatan diri mereka.

Berdasarkan kajian Safiek Mokhlis (2019) terdapat beberapa insiden yang dialami responden kajian yang menyatakan pernah berdepan dengan situasi di mana foto peribadi dan juga mesej berunsur negatif telah disiarkan oleh rakan mangsa sendiri dengan tujuan untuk memalukan mangsa. Penyebaran yang berunsur negatif dengan cepat, mudah dan meluas dilakukan terhadap kontak dan juga sesiapa sahaja melalui perhubungan media sosial. Perbuatan tersebut mengundang aib dan memberi impak buruk terhadap imej serta memberi tanggapan buruk dari individu di sekeliling terhadap diri mangsa.

Dalam konteks kajian ini, situasi buli siber yang dialami murid dikategorikan sebagai risiko-risiko sosial yang perlu mereka hadapi dan atasi. Impak negatif hasil dari pengalaman melalui risiko sosial dibuli siber menimbulkan tindakan agresif remaja iaitu dengan mengelakkan diri dari hubungan sosial dan menjauhkan diri dari persekitaran sosial seperti keluarga, sekolah dan komuniti setempat. Halpern, Piña, dan Vásquez (2017) dalam kajian mereka turut menjelaskan mengenai mangsa buli

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

akan berdepan dengan risiko mengalami tahap kesunyian yang tinggi serta rendah kestabilan sosial jika dibandingkan dengan individu yang bukan mangsa buli siber.

Selain itu, menurut Bottino et al., (2015) kesukaran yang dialami mangsa buli siber dari kalangan murid sekolah adalah isu untuk bersosialisasi, mereka berasa tidak selamat dan mendakwa kurang diberi perhatian semasa berada di sekolah. Oleh itu berdasarkan konteks kajian ini, murid sekolah yang menjadi mangsa buli atas talian mengalami impak negatif seperti yang terdapat dalam sepuluh item yang dinilai dan ini memberi kesan dalam perhubungan sosial mereka. Sebagai bukti berdasarkan kajian (Suriana Che Awang & Khadijah Alavi, 2019) yang menyatakan mangsa buli siber berisiko mengalami impak klinikal seperti gangguan tidur dan hilang selera makan sehingga akhirnya menjejaskan perhubungan sosial kerana mangsa enggan dan mengelak diri dari bertemu dengan orang sekeliling. Keadaan mangsa buli siber yang melakukan penjarakkan sosial dengan menjauhi perhubungan sosial dengan orang sekeliling tercetus disebabkan rasa tidak selamat dan hilang rasa percaya. Impak yang dialami mangsa berkaitan keselamatan diri terjejas semasa berada di sekolah mengakibatkan persekolahan murid turut tergugat. Tumpuan terhadap pembelajaran serta rekod kehadiran ke sekolah yang semakin merosot merupakan kesan yang berlaku kepada mangsa buli siber apabila berhadapan dengan implikasi sosial akibat dibuli siber.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam kajian ini, item yang mencatatkan nilai paling tinggi dalam konstruk implikasi sosial sekiranya mangsa dibuli siber adalah mereka berpendapat jaringan sosial (*social networking*) mendatangkan kesan negatif terhadap perhubungan persahabatan. Manakala item paling rendah pula merujuk kepada pernyataan rasa tidak diperlukan rakan-rakan seandainya mereka dibuli siber. Jelas dapat dilihat bahawa gejala buli secara atas talian sememangnya disedari murid sekolah mampu mendatangkan impak buruk terhadap perhubungan persahabatan mereka. Hal ini dibuktikan sekiranya mereka berinteraksi secara atas talian dan masa yang sama menerima ancaman pembuli siber misalnya menerima komen negatif yang tidak membina, dikritik ataupun menjadi bahan persendaan seluruh perbuatan buli tersebut mampu mencapai sehingga ke pengetahuan umum contohnya rakan sebaya yang juga turut berkomunikasi bersama di media sosial. Situasi sedemikian menimbulkan rasa malu atau emosi negatif lain dan lebih buruk lagi mengakibatkan mangsa diejek dan menerima tindak balas fizikal lain semasa berada di luar talian. Sebagaimana yang dinyatakan Lai et al., (2017) menerusi kajian mereka mangsa buli siber bukan sahaja mengalami kesan dari aspek emosi malah mangsa turut berdepan dengan situasi sentiasa berasa cemas dan sedaya upaya mengelakkan diri dari pergaulan dengan keluarga dan rakan. Interaksi sosial mangsa buli siber menjadi semakin lumpuh apabila memilih untuk menyendiri.

Keseluruhannya, walaupun penelitian terperinci terhadap dapatan kajian menunjukkan tidak wujud hubung kait antara situasi gejala buli siber dan implikasi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sosial bukan bermakna isu ini tidak perlu diketengahkan. Ia berbalik kepada isu di mana mangsa buli siber enggan membuat aduan dirinya telah dibuli sebagaimana yang dijelaskan Che Hasniza Che Noh et al., (2018). Apabila hanya segelintir sahaja kes buli yang dilaporkan, sukar untuk pihak berkaitan dalam menentukan sejauh mana penularan gejala buli siber semakin berleluasa. Situasi negatif murid sekolah dibuli siber hanya dapat dikenal pasti setelah terdapatnya kes bunuh diri ataupun kes-kes lain yang sampai ke pengetahuan pihak berkuasa atau pihak-pihak berkaitan sebagaimana contoh kes remaja lelaki yang bernama Teh dari Pulau Pinang, bertindak terjun dari bangunan tinggi akibat tidak tahan dengan ancaman dibuli siber **(**Maliah Surip, 2018). Oleh itu, penting kepada semua pihak mengambil kira dan cakna terhadap keperluan mengawal penularan gejala buli siber dari mendatangkan impak negatif terhadap remaja. Penguatkuasaan polisi dan juga sistem yang lebih efisen serta sesuai dengan keperluan murid sekolah di samping mengambil kira perkembangan terkini perubahan teknologi telekomunikasi semasa merupakan aspek penting untuk dititikberatkan bersama. Tindakan awal yang efektif membantu melahirkan generasi akan datang yang lebih cakna terhadap impak buruk gejala buli siber yang boleh merosakkan masa depan remaja khususnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5. 2 Implikasi Kajian

5. 2. 1 Remaja/ Murid Sekolah Menengah

Remaja sekolah menerusi konteks kajian ini merupakan kelompok individu yang perlu mencapai kesejahteraan diri semasa melalui perkembangan diri normal dan sihat. Sekiranya pembentukan perkembangan diri murid sekolah terjejas akibat dibuli siber, situasi tersebut berpotensi tinggi menyumbang kepada risiko untuk mereka memperoleh kesejahteraan diri. Secara tidak langsung kesan dari pembentukan diri dalam kalangan remaja yang terjejas menjadi satu cabaran kepada negara dalam melahirkan generasi muda yang sihat dan seimbang perkembangan diri mereka dari aspek jasmani, emosi, rohani dan juga intelektual. Kini penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi semakin hari semakin meluas di mana ledakan penggunaan perkembangan teknologi tersebut dalam kalangan murid bergerak seiring dengan kepantasan perkembangan teknologi berkenaan. Sungguh pun begitu, tidak dapat dielakkan setiap yang baik pasti ada sudut buruknya. Begitu juga alam siber yang banyak memberi impak positif turut menyumbang kepada implikasi negatif kepada pengguna terutamanya murid sekolah menengah.

Alzahrin Alias dan Mohd Nasaruddin Parzi (2015) dalam artikel mereka turut menjelaskan mengenai kerisauan yang diutarakan Timbalan Naib Canselor Universiti

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pertahanan Nasional bahawa penggunaan dan kebergantungan terhadap media sosial atau gajet yang keterlaluan sehingga melebihi had bakal mengundang pelbagai permasalahan dalam kehidupan remaja. Ini juga mengakibatkan proses perkembangan diri remaja turut terjejas dan kelak menimbulkan kesan negatif kepada perkembangan diri remaja apabila melangkah ke alam dewasa. Antara isu yang menimbulkan kebimbangan adalah murid sekolah didapati kurang berinteraksi dengan masyarakat sekeliling terutamanya keluarga. Mereka lebih gemar menyendiri sehinggakan mampu bertindak di luar batasan seperti lari dari rumah kerana tidak mampu berdepan dengan ancaman buli siber. Maka dengan adanya kajian seperti ini ia membantu menyediakan ruang untuk murid berkongsi implikasi buruk yang mereka sedang alami akibat dibuli secara atas talian. Di samping itu juga, murid sekolah sewajarnya dibekalkan dengan ilmu pengetahuan tentang keselamatan siber dan buli siber agar mereka lebih prihatin dalam batasan-batasan yang diperlukan sebelum dengan mudah mendedahkan sebarang bentuk maklumat peribadi kepada pembuli siber.

Che Hasniza Che Noh dan Mohd Yusri Ibrahim (2014) telah menegaskan bahawa adalah menjadi tanggungjawab bersama semua pihak dalam memastikan pencegahan awal diambil supaya gejala buli siber yang semakin ligat mempengaruhi kehidupan harian remaja tidak menjadi punca kepada berlakunya kecederaan terhadap emosi, mental, fizikal serta sebagai faktor pengundang masalah sosial. Tindakan yang sewajarnya dilakukan dengan tujuan murid sekolah yang juga remaja membangun dari pelbagai aspek misalnya sahsiah diri, pembentukan peribadi cemerlang, kesihatan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mental serta memiliki kecemerlangan akademik. Aspek-aspek berkenaan penting dalam menentukan kehidupan remaja sebagai pewaris kepimpinan dan pembangunan negara sentiasa terkawal dan stabil.

Jadi implikasi yang boleh diperoleh dari kajian yang dijalankan ini, membuka ruang kepada murid sekolah menengah mengenal pasti sama ada mereka telah terjebak sebagai mangsa buli siber tanpa disedari. Di samping itu juga, dengan pelaksanaan kajian seumpama ini memberi kesempatan masyarakat sekeliling cakna dan memberi fokus sewajarnya terhadap gaya hidup remaja yang menyimpang sehingga cenderung ke arah merosakkan perkembangan diri sendiri akibat dipengaruhi kehidupan alam siber. Justeru, keprihatinan masyarakat dan persekitaran remaja mampu menghindarkan rasa takut dan kurang yakin bahawa tingkah laku dibuli siber yang dialami tersebut dapat diatasi dengan bantuan semua pihak. Masyarakat dan komuniti setempat yang sentiasa diberi pendedahan tentang kewujudan dan risiko gejala buli siber, membantu mangsa buli siber tampil membuat laporan kes buli yang dialami serta tindakan sentiasa diambil dalam langkah mengatasi penularan gejala buli siber ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5. 2. 2 Ibu Bapa

Peranan ibu bapa dan ahli keluarga merupakan antara perkara penting yang perlu diberi penekanan. Ibu bapa dan keluarga adalah mereka yang paling rapat dalam menyusuri proses perkembangan diri murid sekolah menengah. Bermulanya perjalanan kehidupan individu dari peringkat kecil sehingga peringkat remaja, perkembangan diri individu dipengaruhi dengan institusi kekeluargaan. Dari situ murid mengenali dan belajar secara tidak langsung tentang erti kehidupan sebenar. Oleh itu, setiap pergerakan dan aktiviti yang berlaku dalam kehidupan murid sewajarnya di bawah pengawasan dan pantauan sempurna dari ibu bapa. Tindakan tersebut dititikberatkan agar terhindar dari berlaku perkara-perkara di luar jangkaan dan merosakkan masa depan murid. Bagi membincangkan implikasi-implikasi yang boleh diperoleh dari kajian gejala buli siber dan implikasi terhadap emosi, motivasi dan sosial dalam kalangan murid sekolah menengah ini adalah menjadi keutamaan kepada pihak ibu bapa dan keluarga untuk mengetahui perubahan gerak geri murid dalam memastikan seandainya mereka telah terjebak menjadi mangsa perbuatan buli siber.

Penting untuk ibu bapa mengetahui mengenai penggunaan dan fungsi gajet serta dunia internet tanpa batasan dalam mempengaruhi kehidupan dan perkembangan diri murid. Ibu bapa perlu ambil cakna tentang risiko dan bahaya alam siber sehingga mengakibatkan berlakunya situasi gejala buli siber yang semakin menular dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kalangan murid sekolah (Alzahrin Alias & Mohd Nasaruddin Parzi, 2015). Kesan emosi, motivasi, sosial yang mengakibatkan perubahan sikap dan kemerosotan prestasi akademik murid merupakan antara impak negatif yang berlaku akibat murid dibuli siber. Dengan adanya kajian seumpama ini membantu ibu bapa mengenal pasti situasi sebenar yang sedang dihadapi anak-anak mereka seterusnya boleh bertindak sewajarnya. Sikap ambil cakna dan keprihatinan ibu bapa terhadap perkembangan diri, aktiviti dan perhubungan sosial harian murid di alam siber mahupun di alam fizikal merupakan tindakan wajar diperhalusi seperti yang dibincangkan Alzahrin Alias & Mohd Nasaruddin Parzi, (2015). Amat penting supaya ibu bapa memastikan pelajar berani tampil melaporkan kes buli siber yang dihadapi mereka. Tindakan ini bagi membendung dan mengelakkan dari berlakunya tindakan luar kawalan yang lebih buruk dan difikirkan wajar oleh remaja. Sehingga mengakibatkan kesan negatif akibat terjejas kesihatan mental dan juga membunuh diri.

Di samping itu juga, adalah penting kepada ibu bapa mewujudkan dan mengekalkan hubungan yang positif dengan anak-anak mereka agar murid sekolah tidak merasakan diri mereka terpinggir dan tidak dipedulikan keluarga (Che Hasniza Che Noh et al., 2018). Ini kerana apabila mereka dibuli siber, emosi dan motivasi diri akan merosot dan semakin lemah, sokongan dan perhatian dari ibu bapa membantu mengukuhkan jati diri murid dalam menangani ancaman gejala buli siber. Dengan adanya kajian sebegini, membantu memberi kesedaran kepada ibu bapa tentang tanggungjawab mengawal tahap penggunaan gajet misalnya telefon pintar, internet

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan sebagainya bagi mengelakkan kelalaian dalam membezakan kehidupan harian sebenar individu dan hubungan interaksi di alam siber. Kelalaian yang berlaku dalam kalangan murid sehingga terjerumus sebagai mangsa perbuatan buli siber boleh diatasi sekiranya ibu bapa memberi sokongan bersama-sama pihak-pihak lain misalnya pihak sekolah, pihak agensi swasta dan juga kementerian-kementerian berkaitan berkolaborasi memainkan peranan masing-masing demi kebaikan dan masa depan murid.

5. 2. 3 Kementerian dan Agensi Swasta

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya pula adalah bagaimana implikasi yang diperoleh dari kajian ini boleh dimanfaatkan kementerian dan pihak berkaitan yang terbabit seperti Kementerian Pendidikan, Kementerian Kesihatan, pihak sekolah dan juga kelompok agensi swasta dalam membendung masalah berhubung murid sekolah terjebak sebagai mangsa buli siber. Masalah yang timbul kesan dari murid sekolah dibuli siber bukan sahaja tanggungjawab murid sendiri mahupun keluarga mangsa, malah ia adalah masalah yang harus dipikul bersama.

Murid sekolah menengah yang berhadapan dengan risiko gejala buli siber dalam konteks kajian ini menanggung implikasi emosi, motivasi serta sosial sehingga terjejas kesejahteraan diri dan masa depan mereka. Oleh itu, penyelidikan yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dijalankan ini telah membuktikan melalui dapatan kajian bahawa wujudnya perkaitan yang signifikan antara gejala buli siber dan implikasi motivasi dalam kalangan mangsa buli siber. Ternyata seandainya murid dibuli siber mereka berisiko terkesan dengan implikasi motivasi seterusnya mengakibatkan tercetusnya tingkah laku buruk yang memudaratkan seperti membunuh dan mencederakan diri sendiri.

Antara impak yang diperoleh dari kajian ini adalah membantu memperbanyakkan lagi kajian berkaitan fenomena yang berlaku ini dari aspek-aspek lain yang bersesuaian bagi membantu membendung penularan gejala buli siber. Ini bagi memenuhi tuntutan keperluan terhadap penyelidikan yang seiring dengan perkembangan dan kemajuan alam siber (Che Hasniza Che Noh, Mohd Yusri Ibrahim & Fatimah Yusooff, 2018). Arus perkembangan dunia siber saban hari tidak terkawal percambahannya seperti kebanjiran bentuk-bentuk baru perhubungan teknologi maklumat, medium perhubungan yang berubah-ubah mengikut peredaran dan perkembangan semasa.

Selain itu, bantuan dari segi mengenal pasti situasi buli siber yang sering kali menjadi tumpuan utama sasaran pembuli siber untuk membuli. Dengan itu bantuan yang sesuai boleh dirangka dan dilaksanakan sesuai dengan keperluan murid yang dibuli siber. Ini jelas apabila ketiga-tiga implikasi yang difokuskan dalam kajian ini berpotensi tinggi sebagai faktor yang mendorong murid bertindak lebih agresif kerana terlalu tertekan akibat dibuli siber. Misalnya, mengalami tekanan perasaan,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

hilang keyakinan diri serta tumpuan terhadap pelajaran juga terjejas Safiek Mokhlis (2019). Seandainya prestasi akademik murid sering terjejas akibat terkesan dengan perbuatan buli siber sekali gus kualiti pendidikan negara semakin rendah. Maka ini akan merugikan remaja sebagai aset negara dalam melahirkan insan yang berpotensi menyumbang ke arah kebaikan diri sendiri, keluarga, masyarakat, negara dan agama.

Mengikut kepada konteks kajian gejala buli siber sekiranya dibiarkan menular dan merosakkan perkembangan diri murid sekolah, lambat laun negara akan ketandusan golongan muda yang seimbang dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelektual dan berperanan untuk mencorak kehidupan yang lebih baik sama ada di alam fizikal mahupun alam siber. Keseimbangan dan kesejahteraan mental, emosi, fizikal dan kerohanian murid sekolah menggalakkan mereka memacu kemajuan negara ke arah yang lebih cemerlang dan berdaya saing sehingga ke peringkat global. Sebagaimana yang ditegaskan berdasarkan pendekatan agama Islam iaitu kepentingan menjaga dan memelihara Maqasid Syariah diwajibkan agar lima kepentingan utama yang diketengahkan dititikberatkan supaya kesejahteraan diri murid sekolah diberi perhatian. Antara kepentingan yang diketengahkan menerusi pendekatan Maqasid Shariah adalah kepentingan memelihara agama, keturunan, akal, nyawa dan juga harta Azman Ab. Rahman (2019). Dalam perbincangan kajian gejala buli siber yang mendatangkan implikasi buruk terhadap emosi, motivasi dan sosial murid sekolah adalah mustahak semua pihak terbabit berganding bahu melaksanakan tindakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

efisien dan proaktif supaya akal dan nyawa murid sekolah yang menjadi mangsa perbuatan buli siber dipelihara.

Misalnya, sekiranya mangsa buli siber yang terlalu terkesan dengan situasi yang dialami mereka sehingga bertindak mencederakan diri malah lebih buruk lagi membunuh diri. Di sini kepentingan memelihara nyawa mangsa buli siber dari kalangan murid sekolah menjadi faktor penting diberi penekanan semua pihak yang terlibat. Emosi dan motivasi diri yang terjejas akibat implikasi yang dialami mangsa buli siber secara tidak langsung mendorong kepada terjejas kepentingan akal yang diberi penekanan dalam pendekatan Maqasid Shariah. Akal yang tidak sihat mengakibatkan berlaku kemerosotan prestasi akademik dan juga mendorong mangsa bertindak di luar kawalan. Dari aspek kepentingan keturunan pula, murid yang mengalami implikasi sosial akibat dibuli siber akan cenderung untuk terlibat dengan keruntuhan institusi kekeluargaan. Hubungan sosial antara murid dan ahli keluarga lain menjadi lemah. Murid bertindak menjauhkan diri dan sukar mempercayai sesama ahli keluarga mengakibatkan tekanan yang dihadapi akibat dibuli siber tidak dilaporkan. Lama-kelamaan bilangan kes buli siber semakin memudaratkan diri murid meningkat namun tindakan khusus sukar diambil bagi menangani kemelaratannya. Senario sebegini menyukarkan lagi negara melahirkan generasi muda yang berkeupayaan mendukung dan memartabatkan keutuhan sistem pendidikan negara ke peringkat antarabangsa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala yang terakhir pula, kerjasama semua pihak merungkai dan mengenal pasti punca-punca berlakunya kejadian buli siber dalam kalangan murid dari situasi buli siber yang diperoleh dari kajian yang dijalankan ini. Tindakan sebegini membantu pihak berkuasa terutamanya dalam memperkasakan dan memperketatkan penguatkuasaan undang-undang berkaitan keselamatan siber. Dengan menitikberatkan aspek keselamatan siber seumpama memberi amaran kepada pembuli siber bahawa tindakan mereka sememangnya dalam perhatian pihak berkuasa dan tindakan keras akan diambil seandainya didapati bersalah. Menjadi tanggungjawab pihak berkuasa memastikan keselamatan diri murid terpelihara semasa berada di sekolah terutamanya apabila mereka terlibat dengan buli dan keganasan secara atas talian Bailey (2013).

Kesimpulannya, menjadi tugas utama bagi seluruh warganegara Malaysia khususnya pemimpin, guru-guru, ibu bapa dan juga komuniti setempat berganding bahu menggalas tanggungjawab mencari jalan penyelesaian terbaik dalam menangani isu global ini. Remaja sekolah merupakan peneraju kepimpinan dan pembangunan negara pada masa akan datang seharusnya bebas dari cengkaman kemelut gejala buli siber yang menggugat keselamatan dan kesejahteraan diri mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5. 3 Implikasi Teori

Berdasarkan dapatan kajian ini, gejala buli siber didapati mempunyai hubung kait hanya dengan implikasi motivasi dalam kalangan murid. Hubungan yang wujud signifikan dan positif iaitu sekiranya berlaku peningkatan gejala buli siber maka akan berlaku juga peningkatan terhadap implikasi motivasi dalam kalangan mangsa buli siber. Namun tidak dinafikan juga berdasarkan dapatan nilai min implikasi emosi dan juga implikasi sosial dicatatkan nilai berada pada aras sederhana. Ini cukup jelas bahawa gejala buli siber sememangnya sedang berleluasa dalam kalangan masyarakat Malaysia khususnya murid sekolah menengah. Dapatan kajian ini turut disokong dengan pendekatan beberapa teori antaranya Teori Stres Lazarus (1984), Teori Ekologi Bronfenbrenner (1977) dan Teori Kesejahteraan Diri Subjektif (1994).

Penjelasan mengenai pendekatan Teori Stres Lazarus (1984) boleh dikaitkan dengan bagaimana tekanan yang dialami mangsa buli siber iaitu dalam konteks kajian ini murid sekolah menengah setelah terjebak sebagai mangsa perbuatan buli secara atas talian. Tekanan dan stres yang mereka alami dinilai secara penilaian kognitif berbanding menilai dari aspek situasi buli siber itu sendiri. Gejala buli siber dianggap sebagai suatu situasi yang sangat teruk sehingga mendorong kepada terbentuknya pelbagai desakan dari dalam diri individu. Senario sebegitu memungkinkan kepada tercetusnya motivasi dalaman mangsa buli untuk bertindak sesuatu tindakan buruk akibat dari pelbagai impak emosi negatif yang berpunca dari perbuatan buli secara

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

atas talian yang berlaku ke atasnya. Akibat dari desakan stres dan tekanan yang sukar dibendung tersebut akhirnya mendorong murid ataupun mangsa bertindak di luar kawalan misalnya mencederakan diri sendiri dan membunuh diri. Situasi ancaman akibat dari perbuatan buli siber mengundang kepada terjejasnya keselamatan diri murid. Ini boleh dilihat dari gangguan emosi yang dialami mangsa sehingga mendorong motivasi dalaman mangsa menjauhi perhubungan sosial dengan rakan-rakan di sekolah di mana rasa sukar mempercayai dan dibayangi rasa tidak selamat apabila berinteraksi. Selain itu, dorongan negatif yang tercetus dari dalam diri mangsa yang mengakibatkan lahirnya keinginan untuk menyakiti diri dan meragut nyawa sendiri. Maka jelas menunjukkan perbuatan buli siber yang dialami mangsa berupaya mendatangkan potensi menggugat keselamatan diri murid sekolah.

Seterusnya pula adalah pendekatan Teori Ekologi Bronfenbrenner (1977) yang menegaskan aspek persekitaran mempengaruhi perkembangan psikologi individu. Melalui pendekatan teori ini, dapatan kajian yang diperolehi juga didapati selari dengan teori khususnya melalui salah satu sistem yang dikemukakan iaitu Kronosistem. Kronosistem merupakan satu sistem sosial yang luas yang berlaku dalam *setting* persekitaran sosial murid bergerak seiring dengan peredaran dan perubahan perkembangan teknologi telekomunikasi dan internet sehingga mampu mempengaruhi perkembangan diri murid sekolah menengah. Apabila menjelaskan mengenai persekitaran sosial murid yang berlaku secara atas talian aspek keselamatan diri murid merupakan faktor penting di mana ia melibatkan keselamatan imej,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

maruah dan nyawa murid sendiri sekiranya dibuli siber. Penekanan terhadap keselamatan diri murid merupakan fokus utama kerana ia adalah salah satu dari keperluan penting yang perlu dicapai individu bagi memenuhi kesempurnaan kendiri sebagai seorang murid sekolah. Menurut pendekatan Teori Keperluan Abraham Maslow (1996) terdapat lima keperluan yang perlu dicapai individu dalam memperoleh kesempurnaan kendiri iaitu keperluan paling asas keperluan fisiologi, diikuti dengan keperluan keselamatan, keperluan kasih sayang. Manakala keperluan seterusnya adalah keperluan kepada penghargaan kendiri individu dan yang terakhir adalah kesempurnaan kendiri dalam proses melengkapkan diri sebagai seorang murid sekolah. Oleh itu, dalam konteks kajian ini kronosistem yang dimaksudkan adalah sistem sosial remaja yang dikenali sebagai alam siber yang melibatkan perkembangan teknologi semasa sehingga wujudnya situasi gejala buli siber yang sangat mempengaruhi perkembangan diri remaja dari aspek emosi, motivasi dan juga sosial mereka terutamanya secara negatif.

Manakala dapatan kajian gejala buli siber dan implikasi terhadap emosi, motivasi dan sosial dalam kalangan murid sekolah menengah juga didapati bersesuaian dengan pendekatan Teori Kesejahteraan Diri Subjektif (1994). Teori ini menjelaskan bahawa kesejahteraan diri subjektif individu berkait rapat dengan konstruk kesan positif mahupun kesan negatif. Kesan negatif melibatkan emosi negatif yang mangsa buli tempuhi dengan melakukan penilaian kognitif terhadap kualiti hidup mereka berdasarkan situasi gejala buli siber yang diterima seterusnya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

risiko kesan penilaian tersebut adalah mencapai kepuasan hidup yang negatif. Situasi sebegini mendorong individu berdepan dengan pengalaman hubungan sosial yang negatif, bertingkah laku tidak sihat dan tidak terkawal kemudiannya memperoleh tahap kepuasan hidup yang sangat lemah. Menerusi konteks kajian ini, kepuasan hidup yang perlu dicapai individu berhubung rapat dengan faktor motivasi dan ini menjadi pencetus dorongan kepada pemerolehan kesejahteraan perkembangan diri murid sekolah menengah.

Justeru adalah penting agar penularan gejala buli siber yang berlaku seiring dengan perkembangan teknologi maklumat dan perhubungan elektronik dapat dibendung dan ditangani sebelum semakin parah sehingga menggugat perkembangan diri dan kesejahteraan hidup murid sekolah. Hal ini disebabkan mereka berkecenderungan berdepan dengan implikasi-implikasi buruk seperti implikasi emosi, motivasi dan sosial dan akhirnya sanggup meragut nyawa sendiri.

5. 4 Sumbangan Dapatan Kajian

Melalui hasil dapatan kajian ini, dinyatakan bahawa wujud hubungan yang signifikan antara gejala buli siber dan implikasi motivasi dalam kalangan murid sekolah menengah. Ini bermakna sekiranya semakin tinggi bilangan kes buli siber maka akan berlaku juga peningkatan terhadap implikasi-implikasi yang telah dikaji penyelidik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dalam kajian ini iaitu motivasi. Oleh yang demikian, menjadi satu kemestian kepada semua pihak untuk berkolaborasi dalam mempertingkatkan tahap kesedaran tentang betapa seriusnya isu berkaitan gejala buli siber khususnya terhadap murid sekolah. Peratusan kes-kes buli siber yang tidak laporkan juga boleh meruncingkan lagi senario ini jika tidak diberi tumpuan dan tindakan jitu dalam menanganinya.

Maka dengan itu, penekanan khusus dan tindakan proaktif seluruh rakyat Malaysia terutamanya puncuk kepimpinan negara, para guru serta ibu bapa melaksanakan tindakan awal sebelum parah. Tidak ketinggalan juga, kementerian-kementerian terbabit dan agensi swasta bertindak memberi pendedahan kepada masyarakat dan murid sekolah tentang risiko gejala buli siber serta mengenal pasti sama ada individu telah menjadi mangsa buli siber sedar dan juga tanpa disedari. Tidak keterlaluan sekiranya pemerkasaan polisi yang bersesuaian diperkukuhkan bagi memastikan tiada ketirisan kes buli siber yang tidak dilaporkan. Selain itu, pendedahan dan intervensi efektif perlu diberikan kepada mangsa buli siber bagi meyakinkan mereka bahawa permasalahan yang dialami berpotensi tinggi untuk di atasi. Pelaksanaan tindakan undang-undang siber mengenai salah laku buli siber harus diperketatkan penguatkuasaannya bagi mengelakkan dari terdapatnya segelintir pembuli siber yang merasakan salah laku buli atas talian adalah suatu tindakan yang sukar dikesan pihak berkuasa sehingga perbuatan tersebut dianggap hiburan oleh pembuli siber.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya hasil dari dapatan kajian ini juga dijangka boleh menyumbang kepada keperluan pihak sekolah dengan mengambil kira dan melaksanakan program-program khusus berkaitan kesedaran dan intervensi dalam menangani gejala buli siber dan implikasi emosi, motivasi dan sosial dalam kalangan murid. Pendekatan cakna pergerakan dan aktiviti murid semasa berada di atas talian sedikit sebanyak pihak sekolah boleh mengesan murid yang dikhuatiri telah menjadi mangsa buli siber dan juga pembuli siber dalam kalangan murid sendiri. Pengenalpastian dan pencegahan awal yang dilakukan pihak sekolah dapat membantu menyelamatkan murid dari bertindak mengikut emosi. Di samping membantu ibu bapa dalam memastikan keselamatan dan kesejahteraan diri murid dipantau dan mendapat perhatian dari semua pihak di sekitar mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5. 5 Cadangan Kajian Akan Datang

i. Penyelidikan mengenai punca dan intervensi dalam menangani gejala buli siber dari aspek implikasi motivasi dalam kalangan murid sekolah menengah.

ii. Penyelidikan mengenai implikasi gejala buli siber dari sudut pendekatan Maqasid Shariah dan juga kesan terhadap motivasi dan tingkah laku murid.

iii. Penyelidikan berkaitan jaringan sosial yang paling kerap berlaku perbuatan buli siber serta kesan intervensi yang dilakukan terhadap perkembangan diri dan motivasi murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5. 6 Penutup

Murid sekolah merupakan aset berharga yang bakal menerajui kepimpinan dan mendukung prinsip pembangunan negara dalam memacu matlamat negara, sewajarnya dipengaruhi tahap perkembangan diri dan kesejahteraan hidup yang seimbang dan sihat. Apabila perkembangan diri dan kesejahteraan hidup murid sekolah tergugat akibat terkesan dengan pengaruh buruk setelah terjebak dengan kelalaian dunia siber tanpa sempadan, senario ini mengundang kesukaran bagi negara melahirkan insan kamil yang berpotensi mewarisi generasi yang mampu bersaing di persada dunia. Oleh itu, kolaborasi dan tindakan bersepadu semua pihak perlu dilakukan tuntas agar kemelut ini boleh ditangani dan dibendung dari lebih parah. Keseluruhannya, kajian Gejala Buli Siber dan Implikasi Terhadap Emosi, Motivasi dan Sosial Dalam Kalangan Murid Di Bandar Seberang Jaya ternyata menunjukkan bahawa sekiranya murid sekolah terjebak sebagai mangsa perbuatan buli siber, pasti berisiko mengalami implikasi negatif misalnya dari aspek implikasi motivasi. Implikasi motivasi penting dititikberatkan agar perkembangan diri remaja supaya terhindar dari terlibat dengan tingkah laku menyimpang seperti membunuh diri dan kesan terhadap kesihatan mental mereka. Selain itu, rendah motivasi diri mengakibatkan jati diri seseorang rapuh serta mudah dipengaruhi anasir-anasir tidak sihat. Kesudahannya negara ketandusan generasi muda yang berketerampilan, seimbang dan stabil dari segi jasmani, emosi, rohani dan juga intelektual dalam menerajui kepimpinan dan pembangunan masa depan negara kelak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

RUJUKAN

Adler, A. & Seligman, M. E. (2016). Using wellbeing for public policy: Theory, measurement,and recommendations. *International journal of wellbeing*, *6*(1).

Agnew, R. (1992). Foundation for a general strain theory of crime and delinquency. *Criminology*, *30*(1), 47-88.

Alzahrin Alias & Mohd Nasaruddin Parzi. (2015). Remaja terpengaruh media sosial. *BHPlus*, 1-10.

Aliff Nawi., Gamal Abdul Nasir Zakaria., Norkhairiah Hashim. & Chua Chy Ren (2015). Penilaian kualiti modul iPBL: Aspek kesahan dan kebolehpercayaan. *Journal of Quality Measurement and Analysis JQMA*, *11*(2), 1-10.

Azizi Yahaya, Voo, P, Ismail Maakip. & Mohd Dahlan A. Malek, (2017). *Kaedah Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Azianura Hani Shaari, Mohammad Rahim Kamaluddin (2019). Buli siber: Ketidaksantunan bahasa dan etika media sosial dalam kalangan remaja Malaysia. *e-Bangi,* 16(6).

Azman Ab. Rahman. (2019). Pengurusan institusi zakat berdasarkan Maqasid Syariah dan matlamat pembangunan lestari (SDG). *Journal of Fatwa Management and Research*, 42-59.

Bailey, G. (2013). Cyberbullying: Victimization through electronic means. *Current Issues in Education*, *18*(1), 1-7.

Balkishan Sharma (2016). A focus on reliability in developmental research through Cronbach's Alpha among medical, dental and paramedical professionals. *Asian Pacific Journal of Health Sciences*, *3*(4), 271-278.

Beran, T. & Li, Q. (2005). Cyber-harassment : A study of new method for an old behavior. *Journal of Educational Computing Research*, *32*(3), 265-277.

Bottino, S. B., Bottino, C. C., Regina, C. G., Correia, A. V. L. & Ribeiro, W. S. (2015). Cyberbullying and adolescent mental health: systematic review. *Cad. Saude Publica*, *31*(3), 463-475.

Boca-Zamfir, M. (2016). Psychological effects of cyberbullying in adolescence theoretical analysis. *Romanian Journal Of Experimental Applied Psychology*, 379-383.

Brack, K. & Caltabiano, N. (2014). Cyberbullying and self-esteem in Australian adults. Cyberpsychology: *Journal of Psychosocial Research on Mayaspace, 8* (2).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Brewer, G. & Kerslake, J. (2015). Cyberbullying, self-esteem, empathy and loneliness. *Computers in Human Behavior*, *48*, 255-260.

Bronfenbrenner, U. (1977). Toward an experimental ecology of human development. *American Psychologist*, *32*(7), 513.

Bronfenbrenner, U. (1986). Ecology of the family as a context for human development: Research perspectives. *Developmental Psychology*, *22*(6), 723.

Buli siber menjejaskan kualiti tidur, kemurungan. (2019). Free Malaysia Today, 17.

Camelford, K. G. & Ebrahim, C. (2016). The cyberbullying virus: A psychoeducational intervention to define and discuss cyberbullying among high school females. *Journal of Creativity in Mental Health, 11*(3-4), 458-468.

Carvalho, M., Branquinho, C. & Matos, M. G. D. (2017). Cyberbullies, cybervictims and cyberbullies-victims: Discriminant factors in portuguese adolescents. *Psicologia, Saúde & Doenças*, *18*(3), 657-668.

Caravita, S. C., Colombo, B., Stefanelli, S. & Zigliani, R. (2016). Emotional, psychophysiological and behavioral responses elicited by the exposition to cyberbullying situations: Two experimental studies. *Psicologia educativa*, *22*(1), 49-59.
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
Cenat, J. M., Herbert, M., Blais, M., Lavoie, F., Guerrier, M. & Derivois, D. (2014). Cyberbullying, psychological distress and self-esteem among youth in Quebec Schools. *Journal Affective Disorder, 169,* 7-9.

Christi, C. B. & David, A. B. (2018). *Child & adolescent development in your classroom topical approach*. 3rd ed. Boston: Cengage Learning.

Che Hasniza Che Noh & Mohd Yusri Ibrahim (2014). Kajian penerokaan buli siber dalam kalangan pelajar UMT. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, *134*, 323-329.

Che Hasniza Che Noh, Mohd Yusri Ibrahim & Fatimah Yusooff (2018). *Meneroka ciri dan faktor buli siber dalam kalangan remaja di Malaysia*. Terengganu, Malaysia: Penerbit UMT.

Chemsi, G., Sadiq, M., Radid, M. & Talbi, M. (2020). Study of the self-determined motivation among students in the context of online pedagogical activities. *International Journal of Emerging Technologies in Learning (iJET)*, *15*(05), 17-29.

Cross, D., Lester, L. & Barnes, A. (2015). A longitudinal study of the social and emotional predictors and consequences of cyber and traditional bullying victimization. *International Journal of Public Health*, *60*(2), 207-217.

Davies, R. B. (1977). Hypothesis testing when a nuisance parameter is present only under the alternative. *Biometrika*, *64*(2), 247-254.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

DePaolis, K. J. & Williford, A. (2019). Pathways from cyberbullying victimization to negative health outcomes among elementary school students: A longitudinal investigation. *Journal of Child and Family Studies*, *28*(9), 2390-2403.

Den Hamer, A. H. & Konijn, E. A. (2015). Adolescents' media exposure may increase their cyberbullying behavior: A longitudinal study. *Journal of Adolescent Health*, *56*(2), 203-208.

Diener, E. (1994). Assessing subjective well-being: Progress and opportunities. *Social indicators research*, *31*(2), 103-157.

Diener, E., Suh, E. M., Lucas, R. E. & Smith, H. L. (1999). Subjective well-being: Three decades of progress. *Psychological bulletin*, *125*(2), 276.

Dredge, R., Gleeson, J. F. & De la Piedad Garcia, X. (2014). Risk factors associated with impact severity of cyberbullying victimization: A qualitative study of adolescent online social networking. *Cyberpsychology, behavior, and social networking*, *17*(5), 287-291.

Eden, S., Heiman, T. & Olenik-Shemesh, D. (2016). Bully versus victim on the internet: The correlation with emotional-social characteristics. *Educaton Information Technology*, *21*, 699-713.

Elipe, P., Mora-Merchán, J. A., Ortega-Ruiz, R. & Casas, J. A. (2015). Perceived emotional intelligence as a moderator variable between cyber victimization and its emotional impact. *Journal Frontiers in Psychology*, *6*(486),1-11.

Englander, E., Donnerstein, E., Kowalski, R., Lin, C. A. & Parti, K. (2017). Defining cyberbullying. *Pediatrics*, *140*(Supplement 2), S148-S151.

Erikson, E. H. (1963). *Childhood and society* 2nd ed. New York: Norton.

Erikson, E. H. (1968). *Youth: Identity and crisis*. New York: WW.

Erikson, E. H. (1980). *Identity and the life cycle*. New York: Norton.

Espinoza, G. (2015). Daily cybervictimization among Latino adolescents: Links with emotional, physical and school adjustment. *Journal of Applied Developmental Psychology*, *38*, 39-48.

Foody, M., Samara, M. & Carlbring, P. (2015). A review of cyberbullying and suggestions for online psychological therapy. *Internet Interventions*, *2*(3), 235-242.

Fryling, M., Cotler, J., Rivituso, J., Mathews, L. & Pratico, S. (2015). Cyberbullying or normal game play? impact of age, gender and experience on cyberbullying in multi-player online gaming environments: Perceptions from one gaming forum. *Journal of Information SystemsApplied Research (JISAR)*, *8*(1), 4-15.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Gaol, N. T. L. (2016). Teori stres: Stimulus, respons, dan transaksional. *Buletin psikologi*, *24*(1),1 11.

González-Calatayud, V. (2018). Victims of cyberbullying in the Region of Murcia: A growing reality. *Journal of New Approaches in Educational Research*, *7*(1), 10-16.

Graham, R. & Wood Jr, F. R. (2019). Associations between cyberbullying victimization and deviant health risk behaviors. *The Social Science Journal*, *56*(2), 183-188.

Halpern, D., Piña, M. & Vásquez, J. (2017). Loneliness, personal and social well-being: Towards a conceptualization of the effects of cyberbullying/Soledad, bienestar social e individual: Hacia una conceptualización de los efectos del cyberbullying. *Cultury Educación*, *29*(4), 703-727.

Hanif Suhairi Abu Bakar. (2015). The emergence themes of cyberbullying among adolescences. *International Journal of Adolescence and Youth*, *20*(4), 393-406.

Heiman, T., Olenik-Shemesh, D. & Eden, S. (2015). Cyberbullying involvement among students with ADHD: Relation to loneliness, self-efficacy and social support. *European Journal of Special Needs Education*, *30*(1),15-29.

Helma Hassan. (2018). Buli siber di Malaysia. *Buletin Kesihatan*, 1-7.

Herzberg, F. (1976). One more time: How do you motivate employees? *Harvard Business Review, 40(*1), 53-62.

Hinduja, S. & Patchin, J. W. (2009). *Bullying beyond the schoolyard: Preventing and responding to cyberbullying.* Thousand Oaks, CA: Corwin Press.

Hinduja, S. & Patchin, J. W. (2013). Social influences on cyberbullying behaviors among middle and high school students. *Journal of youth and adolescence*, *42*(5), 711-722.

Jacobs, N. C., Goossens, L., Dehue, F., Völlink, T. & Lechner, L. (2015). Dutch cyberbullying victims' experiences, perceptions, attitudes and motivations related to (coping with) cyberbullying: Focus group interviews. *Societies*, *5*(1), 43-64.

Johanson, G. A. & Brooks, G. P. (2010). Initial scale development: Sample size for pilot studies. *Educational and Psychological Measurement*, *70*(3), 394-400.

Jose, B. A., Craig, W. L. & Lela, R. W. (2018). *Human behavior in the social environment: A multidimensional perspective* 6th ed. Boston: Cengage Learning.

Junaidi, R., Ali, T. I. M. T. M. & Mamat, M. (2018). Mesosistem dalam novel kanak-kanak terpilih. *Jurnal Pengajian Melayu*, *29*(1), 181-200.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kalaisilven, S. & Mohamad Fauzi Sukimi (2019). Kawalan ibu bapa terhadap anak-anak dalam penggunaan media sosial (Parental control over children in the use of Ssocial media). *Akademika*, *89*(1).

Kim, G. D. (2011). *The adolescent development, relationships and culture*. 13th ed. Boston: Pearson Education.

Kim, S., Colwell, S. R., Kata, A., Boyle, M. H. & Georgiades, K. (2018). Cyberbullying victimization and adolescent mental health: Evidence of differential effects by sex and mental health problem type. *Journal Youth Adolescence*, *47*, 661-672.

Kowalski, R. M., Limber, S. P. & Agatston, P. W. (2012). *Cyberbullying : Bullying in the digital age*. 2nd ed. Oxford, United Kingdom: A John Wiley & Sons, Ltd.

Kowalski, R. M. & Toth, A. (2018). Cyberbullying among youth with and without disabilities. *Journal of Child & Adolescent Trauma*, *11*(1), 7-15.

Krejcie, R. V. & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, *30*(3), 607-610.

Lai, C. S., Mohamad, M. M., Lee, M. F., Mohd Salleh, K., Sulaiman, N. L., Rosli, D. I. & Chang, W. S. (2017). Prevalence of cyberbullying among students in Malaysian higher learning institutions. *Advanced Science Letters*, *23*(2), 781-784.

Lazarus, R. S. & Folkman, S. (1984). *Stress, appraisal, and coping*. New York: Springer Publishing Company.

Lazarus, R. S. (1993). From psychological stress to the emotions: A history of changing outlooks. *Annual review of psychology*, *44*(1), 1-22.

Maslow, A. H (1996). *Critique of self-actualization theory*, in: E. Hoffman Ed. Future visions: The unpublished papers of Abraham Maslow. Thousand Oaks, CA: Sage, 26–32

Matos, A. P., Vieira, C. C., Amado, J., Pessoa, T. & Martins, M. J. D. (2018). Cyberbullying in Portuguese schools: Prevalence and characteristics. *Journal of school violence*, *17*(1), 123-137.

Maliah Surip. (2018). Pembuli, pemangsa dunia siber. *Jurnal-Kosmo Online*, 1-8.

Mahali, S. N. H., Cosmas, G. & Seok, C. B. (2019). Apakah yang kita faham mengenai kesejahteraan kanak-kanak? Kajian kes di Pulau Gaya, Sabah. *Sains Humanika*, *11*(1).

Marret, M. J. & Choo, W. Y. (2017). Factors associated with online victimization among Malaysian adolescents who use social networking sites: A cross-sectional study. *BMJ open*, *7*(6).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ngo Yew Yung, Nasharuddin Imraan Rosli , Muhammad Afiq Aizaq Mat Salleh @ Sukri, Nasharuddin Imraan Rosli, Fatin Nur Syahirah Abdul Hamid., Nor Nasihah Mohd Robi, Nurul Nasuha Rosly. & Mohd Razimi Husin (2019). Gejala buli secara fizikal yang semakin berleluasa di sekolah. *International Journal of Humanities, Management and Social Science*, *2*(1), 65-75.

Nixon, C. L. (2014). Current perspectives: The impact of cyberbullying on adolescent health. *Adolescent Health, Medicine and Therapeutics*, *5*, 143-158.

Noraini, Idris. (2013). *Penyelidikan dalam pendidikan*. 2nd ed. Selangor, Malaysia: McGraw- Hill Education.

Olenik-Shemesh, D. & Heiman, T. (2017). Cyberbullying victimization in adolescents as related to body esteem, social support, and social self-efficacy. *The Journal of genetic psychology*, *178*(1), 28-43.

On The Alert For Cyberbullying-Letters. (2017). The Star Online, 1-4.

Ortega, R., Elipe, P., Mora-Merchan, J. A., Genta, M. L., Brighi, A., Guarini, A. & Smith, P. K. (2012).The emotional impact of bullying and cyberbullying on victims : A European cross-national study. *Aggressive Behavior*, *38*, 342-356.

Osemeke, M. & Adegboyega, S. (2017). Critical review and comparism between Maslow, Herzberg and McClelland's theory of needs. *Funai Journal of Accounting, Business and Finance*, *1*(1), 161-173.

Othman Talib. (2015). *SPSS: Analisis data kuantitatif untuk penyelidik muda*. MPWS Rich Publication Sdn. Bhd.

Patchin, J. W. & Hinduja, S. (2006). Bullies move beyond the schoolyard: A preliminary look at cyberbullying. *Youth violence and juvenile justice*, *4(*2), 148-169.

Patrick, L., Andy, B., Ross, D. P. & Mary, G. (2012). *Developmental psychology*. New York, NY: Mc Graw-Hill Education.

Peled, Y. (2019). Cyberbullying and its influence on academic, social, and emotional development of undergraduate students. *Heliyon*, *5*(3).

Peyton-Brown, C. (2010). Bullying and gender: The social/emotional, psychological, and physical effects on middle school students in south Mississippi. *Doctoral dissertation, ProQuest LLC.*

Price, M. & Dalgleish, J. (2010). Cyberbullying: Experiences, impacts and coping strategies as described by Australian young people. *Youth Studies Australia*, *29*(2), 51.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Radzali, N. F. J., Kenayathulla, H. B. & Ghani, M. F. A. (2018). Analisis implementasi undang undang siber di beberapa buah sekolah menengah Kerian. *JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, *5*(1), 64-77.

Roberta, M. B. (2010). *Child, family, school, community socialization and support*. 8th ed. Australia: Wadsworth Cengage Learning.

Robert, S. F. (2014). *Life span development a topical approach*. 2nd ed. New Jersey: Pearson Education.

Rose, N. N. & Mustafa, M. Y. (2018). Stress among working women: Counseling services using the Lazarus stress theory and the practice of solution-focused therapy. *AsianSocial Work Journal*, *3*(1), 28-34.

Rozanizam Zakaria (2018). Viral bentuk baharu buli siber. *Kolumnis Berita Harian*, 1-8.

Russell, D. W. (1996). UCLA loneliness scale, version 3: Reliability, validity and factor structure. *Journal of Personality Assessment*, *66*(1), 20-40.

Safaria, T. (2016). Prevalence and impact of cyberbullying in a sample of Indonesian junior high school students. *The Turkish Online Journal of Educational Technology*, *15*(1), 82-91.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Safiek Mokhlis. (2019). Buli siber dalam kalangan pelajar sekolah menengah: Satu penerokaan awal. *Jurnal Dunia Pendidikan, 1*(2), 7-18.

Saibon Jamalsafri, Leong, A.C.H. & Muhamad Zahir Abd Razak. (2017). Enhancing knowledge of bullying behavior through creative pedagogy among students. *Malaysian Journal of Learning and Instruction: Special Issues*, 197-219.

Samara, M., Burbidge, V., El Asam, A., Foody, M., Smith, P. & Morsi, H. (2017). Bullying and cyberbullying: Their legal status and use in psychological assessment. *International journal of environmental research and public health*, *14*(12), 1449.

Santrock, J. W. (2014). *Adolescence*. 15th ed. New York: McGraw-Hill Education. 141-142.

Santrock, J. W. (2014). *A topical approach to life-span development*. 7th ed. New York: Mc Graw-Hill Education.

Simon, S. (2017). Cybervictimization: School experience of Malaysian cyberbullied teenagers. *International Journal of Humanities and Social Sciences*, *11*(3), 713-720.

Siti Salmiah Abdul Hamid. (2015). Konflik kanak-kanak ketagih media sosial. *Harian Metro*, 1- 6.

Siti Zarinah Sahib. (2019). Cegah Buli Siber. *Harian Metro*, 1-6.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Suhaila Sharil., Mohamed Fairooz Mohamed Fathillah., Muhammad Yosef Niteh., Maad Ahmad. & Mukhamad Khafiz Abdul Basir. (2018). Faktor-faktor pengekang dalam perubahan sosial. *e-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 287-306.

Suriana Che Awang. & Khadijah Alavi. (2019). Buli siber: Impak emosi dalam kalangan pelajar UKM. *Journal of Undergraduate Research*, *1*(4), 83-94.

Suryanarayana, N. S., Himabindu, G. & Neelima, V. (2011). *Cyber psychology*. New Delhi, India: Sonali Publications.

Syafique Shuib. (2014). Kes buli siber meningkat, komuniti media sosial belum matang?.

